

[Dokumen ini belum disemak]

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6

Rabu

30 Mac 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 25)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 74)

MALAYSIA

DEWAN RAKAYAT

Rabu, 30 Mac 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah Kementerian dalam membantu ibu-ibu tunggal dari segi pembangunan ekonomi. Apakah perancangan dan program kemahiran yang sedang dan akan dijalankan serta jumlah peruntukan mengikut bidang kemahiran untuk ibu tunggal agar mereka dapat berdikari dalam pencarian nafkah harian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganggap bahawa usaha meningkat taraf ekonomi ibu tunggal sebagai usaha yang amat penting. Kementerian kini dalam proses penggubalan pelan strategi ibu tunggal untuk membantu golongan ibu tunggal supaya dapat berdikari dari segi ekonomi.

Pihak kementerian juga mengambil pendekatan bersepadu dengan membantu ibu tunggal melalui kerjasama dengan beberapa agensi lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga NGO seperti Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO). Dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan pelbagai program dan latihan kemahiran akan terus dilaksanakan untuk golongan ini. Pada tahun 2004 jumlah peruntukan yang diberi kepada NGO terutamanya persatuan Ibu tunggal untuk melaksanakan program kemahiran kepada golongan ini adalah sebanyak RM344,540.00.

Program-program ini termasuklah program meningkatkan kemahiran latihan ICT literacy undang-undang dan lain-lain. Pada tahun 2005 program-program latihan kemahiran peringkat lanjutan untuk tujuan komersial menjadi fokus utama bagi tujuan sasaran KBKM khususnya ibu tunggal. Di samping itu proses penggubalan pelan strategik ibu tunggal sedang di dalam fasa kedua sebelum dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabaslah kepada kementerian kerana ada usaha untuk mencari jalan membantu ibu-ibu tunggal tetapi nampaknya sampai sekarang usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian untuk membantu ibu tunggal adalah nampaknya tidak menampakkan apa-apa. Soalannya ialah sudah sampai masanya kementerian untuk mencari pendekatan terutamanya dari segi kemahiran untuk membantu ibu-ibu tunggal sebab apa yang penting di sini ialah kita hendak mengajar mereka mencari rezeki *they want to teach them to fish* dengan izin, soalnya ialah sampai bilakah kementerian akan mengendalikan kemahiran-kemahiran dan adakan kementerian bercadang untuk membina pusat latihan ibu tunggal di setiap Parlimen untuk membantu ibu-ibu tunggal mendapatkan kemahiran agar mereka dapat berdikari. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat, isu wanita ini adalah isu manusia, bila isu manusia ini dia terlibatlah banyak kementerian dan semua pihak. Oleh itu kita tidak dapat melaksanakan program hanya dengan usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh itu seperti apa yang saya telah maklumkan tadi sekarang kita telah dalam proses untuk penggubalan pelan strategik ibu tunggal dan kita akan bekerjasama dan telah juga bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dan ini maknanya kita tidak akan ambil alih kerja yang telah dijalankan buat masa kini oleh kementerian-kementerian yang lain dan kita akan meneruskan bagi bantuan khas kepada pertubuhan bukan kerajaan untuk melaksanakan atau menyediakan program-program kemahiran kepada mereka dan oleh itu kalau kita bagi satu kesimpulan beritahu tidak nampak apa-apa berkesannya, ini

adalah tidak adil dan kita sentiasa cuba untuk meningkatkan keberkesanannya. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Soalan tambahan saya ialah setakat mana selain daripada program kemahiran yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi adakah pihak kerajaan mempunyai juga niat memberikan pakej *tax incentive* kepada golongan ibu tunggal ini dan juga apakah jumlah ibu tunggal yang ada dalam negara kita buat masa kini. Sekian.

Puan Chew Mei Fun: Kalau ikut banciaan jumlah ibu tunggal buat masa kini kita ada lebih kurang 126 ribu ibu tunggal di seluruh Malaysia. Mengenai *tax exemption*, ini adalah di bawah kuasa Kementerian Kewangan dan untuk maklumat Yang Berhormat isu ibu tunggal ini, bukan semua ibu tunggal dia mengalami masalah kewangan, ada beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka termasuk kewangan, perumahan, emosi dan juga pelajaran anak-anak mereka. Oleh itu mengenai *tax exemption* ini bila kita buat masa kini kita ada skim untuk bantu ibu tunggal ini di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana layak kita akan beri bantuan kepada mereka dan mengenai skim *tax incentive* ini kita mesti kaji dan juga kita mesti tengoklah adakah mereka dalam lingkungan kelayakan dan juga ini kita boleh berbincang dengan Kementerian Kewangan kerana ini di bawah kuasa mereka.

2. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah-sekolah yang dibina melalui projek di bawah kelolaan 'PMC' yang telah pun siap dan telah digunakan, yang masih belum mempunyai '*Certificate of Fitness*' di seluruh negara dan apakah langkah kementerian bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan yang telah disebutkan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8, sebanyak 434 projek telah siap dibina di bawah PMC. Daripada jumlah itu sejumlah 194 telah mendapat *certificate of fitness* iaitu (CF). Bagi 240 projek lagi sedang dalam proses mendapat kelulusan di peringkat Kementerian Pelajaran, PMC dan pihak berkuasa tempatan. Kelewatan untuk

memperoleh *certificate of fitness*, ini disebabkan perkara-perkara yang berkaitan dengan arahan melaksanakan kerja-kerja di luar sempadan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelantikan PMC adalah di bawah Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, 240 masih lagi di dalam proses dan sehingga hari didapati bahawa sebahagian daripada sekolah-sekolah yang masih belum mendapat CF telah pun diduduki oleh pelajar-pelajar dan mereka telah menggunakan sekolah yang tiada CF tadi untuk belajar. CF merupakan penunjuk bahawa sebuah bangunan itu selamat untuk diduduki. Jadi, kalau tiada CF bermakna tidak ada *authority* yang akan menjamin keselamatan sekolah tersebut. Jadi, siapa yang akan bertanggungjawab jika berlaku kemalangan terutamanya kemalangan yang mengakibatkan jiwa dan sebagainya.

Soal sekolah runtuh bukan perkara baru, kita pernah terbaca dulu dalam surat khabar di tempat saya sendiri di Bera, runtuh sebuah komputer *lab*, makmal komputer nasib baik tidak ada murid yang mati kerana dihempap bumbung dan sebagainya dan sekarang terdapat sekolah-sekolah yang tidak mempunyai CF tetapi diduduki oleh pelajar dan belajar hari-hari seperti biasa dan mereka dalam keadaan yang tidak tahu keselamatan mereka. Jadi, apa tindakan pihak, siapa yang bertanggungjawab kalau jadi kemalangan dan bila perkara ini akan dapat diselesaikan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat, memang keselamatan pelajar merupakan satu perkara yang tidak kita tolak ansurkan. Kementerian Pelajaran akan sentiasa memastikan bangunan yang diduduki oleh murid-murid dan guru-guru kita adalah sentiasa selamat dan tidak akan menjejaskan keselamatan murid-murid.

Lazimnya bangunan yang tidak memperolehi CF memang tidak boleh digunakan. Walau bagaimanapun, saya akan siasat terhadap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, bangunan siap tetapi tidak mendapat CF tetapi digunakan mungkin saya kena siasat dulu, mungkin dari segi bangunan sekolah itu selamat tidak ada apa-apa masalah cuma mungkin kerja-kerja di luar sempadan sekolah misal katanya jalan masuk, longkang di luar kawasan sekolah yang belum siap tetapi yang diperlukan

dimasukkan sebagai satu syarat untuk mendapat CF, mungkin kerja-kerja itu belum siap tetapi digunakan itu saya kena siasat. Lazimnya jika bangunan sekolah siap tetapi tidak dapat CF, biasanya kita tidak menggunakan bangunan itu.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat perbezaan di antara sekolah-sekolah yang diawasi pembinaannya oleh Jabatan Kerja Raya dengan PMC dari segi pengeluaran CF ini, kadangkala kita lihat tidak banyak timbul isu CF apabila sekolah-sekolah dibina oleh JKR. Adakah golongan profesional yang mewakili PMC ini kelayakan mereka itu tidak setimpal untuk mengesahkan kesempurnaan siap binanya sesebuah sekolah berbanding dengan Jabatan Kerja Raya. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang kemukakan soalan tambahan. Bangunan yang dibina, yang dikendalikan oleh JKR atau PMC, dari segi pelaksanaannya sama, tujuannya sama iaitu untuk membina, menyiapkan bangunan supaya ia akan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga ikut pelan yang telah diluluskan. Jadi, untuk projek yang dilaksanakan oleh JKR ia ada caranya untuk mendapat kelayakan CF.

Untuk PMC ia merupakan syarikat swasta, konsultan yang biasanya ia hendaklah melalui proses untuk mengemukakan permohonan untuk mendapat CF, barulah bangunan itu diberikan kebenaran untuk digunakan.

3 Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) fakta terkini jumlah tangkapan, berat dan jenis dadah yang dirampas serta jumlah orang yang terlibat dalam pengedaran dadah seluruh Malaysia; dan
- (b) mengapakah bekalan dan pengedaran dadah masih berleluasa di Malaysia termasuk dalam pusat-pusat pemulihan dadah sedangkan penguatkuasaan menghapuskan pengedaran dadah telah dipertingkatkan oleh kementerian.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan ini. Bagi menjawab soalan:

- (a) jumlah tangkapan pengedar dadah dari tahun 2003 hingga Februari 2005 adalah seramai 69,805 orang. Dari jumlah tersebut 3,903 orang adalah tangkapan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, manakala 22,645 orang adalah tangkapan di bawah Seksyen 39A(i) dan (ii) Akta Dadah Berbahaya 1952. Baki sebanyak 38,700 orang lagi merupakan tangkapan di bawah lain-lain seksyen Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bagi tempoh yang sama juga seramai 4,557 orang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Bagi tempoh yang sama antara dadah yang telah dirampas dalam bentuk kilogram adalah:

Jenis dadah	Kilogram
Ganja	- 3,528 (serta 97 pokok ganja)
Ketum	- 1,087
FP drine	- 616
Heroine	- 363
Candu	- 166
Ecstasy	- 163
Cathomine	- 97
Syabu	- 86
Cocaine	- 5

Bagi bentuk biji pula dadah yang dirampas adalah:

Jenis dadah	Bil. biji
Paramine 55	- 453,246
Pil Ecstasy	- 385,272
Pil psychotropic	- 259,502
Yaba	- 161,000

Rampasan dalam bentuk liter pula meliputi:

Jenis dadah	Liter
Codeine	- 62.664
Ketum	- 401

- (b) Mengenai bekalan dan pengedaran dadah yang didakwa masih berleluasa di Malaysia termasuk di pusat-pusat serenti, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ingin menegaskan bahawa setakat ini keadaannya adalah terkawal. Kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan tindakan untuk membanteras masalah ini dengan mengambil langkah-langkah antaranya seperti berikut:
- (i) melancarkan operasi dari masa ke semasa ke atas sasaran pengedar-pengedar dadah yang telah dikenal pasti;
 - (ii) mempertingkatkan pengawasan di semua pintu masuk ataupun *entry point*, dengan izin serta memberi latihan secukupnya kepada pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertugas;
 - (iii) mengenal pasti kegiatan pengedar dadah dan mengambil tindakan di bawah undang-undang dadah seperti Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 sekiranya terdapat bukti yang kukuh;
 - (iv) mengambil tindakan undang-undang di bawah pencegahan seperti Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 sekiranya tiada bukti yang kukuh terhadap mereka.

Bagaimanapun masalah ini tidak dapat dihapuskan sama sekali disebabkan lokasi Malaysia dari segi geografinya adalah berhampiran dengan Golden Triangle, dengan izin iaitu salah satu pusat pengeluaran dadah operate terbesar di dunia. Malaysia sering kali menjadi tempat persinggahan (*transit point*) untuk kegiatan dan rangkaian pengedaran dadah ke negara-negara Asia Timur, Australia dan New Zealand. Walau bagaimanapun,

pemeriksaan yang ketat dijalankan terutamanya di pintu-pintu masuk negara melalui laut, udara dan darat untuk mencegah sebarang penyeludupan dan pengedaran dadah. Malaysia juga mempunyai kawasan perairan dan persempadanan yang luas dan terbuka menyebabkan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah sukar untuk dikawal sepenuhnya;

- (v) kekurangan dari segi tenaga manusia dan kepakaran yang diperlukan untuk menangani masalah dadah terutama dari segi pencegahan, penyeludupan dan pengedaran.

Berkaitan dengan pembekalan dadah yang juga didakwa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Last paragraph – berleluasa di pusat-pusat serenti. Ianya adalah sama sekali tidak benar. Namun, apa yang berlaku baru-baru ini terdapat kes-kes kecil yang melibatkan percubaan membawa masuk barang-barang terlarang bukan dadah iaitu seperti tembakau, bahan-bahan untuk membuat samsu dan sebagainya ke dalam pusat ataupun ke dalam kawasan pusat serenti yang mana pihak berkuasa pusat serenti dengan kerjasama PDRM telah mengambil tindakan dengan menjalankan operasi pembersihan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana bersungguh-sungguh untuk mengawal bekalan dan pengedaran dadah daripada berleluasa di negara kita. Saya juga memahami bahawa kita mempunyai batasan-batasan dalam mengambil tindakan untuk menangani masalah pengedaran dadah yang terutama sekali kerana dengan izin kita berada dalam Golden Triangle. Bagaimanapun, saya ingin tahu bagaimanakah, sejauh mana pihak berkuasa telah berjaya dalam membuat tangkapan ke atas pengedar-pengedar dadah ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi mengetahui sejauh mana kementerian melalui Jabatan Narkotik PDRM telah berjaya menangkap pengedar-pengedar dadah di dalam negara kita, saya ingin mempamerkan

data-data tangkapan yang dibuat oleh pihak Jabatan Narkotik bagi tempoh tiga tahun yang bermula daripada 2002 sehingga 2004 sebagai panduan. Mengikut data tangkapan bagi tempoh berkaitan, jumlah tangkapan yang dibuat adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah tangkapan
2002	23,111 orang
2003	24,794 “
2004	33,187 “

Dari jumlah tangkapan ini didapati peningkatan sebanyak 7.7% pada tahun 2003 berbanding tahun 2002, dan seterusnya peningkatan sebanyak 33.9% pada tahun 2004 berbanding dengan 2003. Jadi, peningkatan yang tinggi bagi tahun 2004 berbanding 2003 disebabkan peningkatan penangkapan bagi semua kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, iaitu di bawah Seksyen 39B dan juga di bawah Seksyen 39A.

Bagi tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 pula jumlah tangkapan yang dibuat adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah tangkapan
2002	2,055 orang
2003	2,110 “
2004	2,036 “

Jadi, jumlah daripada tangkapan-tangkapan ini membuktikan bahawa tindakan yang diambil oleh pihak polis, iaitu Jabatan Narkotik begitu berkesan sekali dan membuktikan bahawa kita telah dapat mengawal daripada pengedar-pengedar melaksanakan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah di dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti jawapan oleh wakil menteri tadi berhubung dengan keadaan masalah dadah. Kita tahu, kita sedar bahawa kita adalah negara yang terbaik di dunia yang telah pun mengadakan hukuman yang begitu berat termasuk hukuman gantung, sebat, rotan dan sebagainya. Tetapi masalahnya kenapa masih lagi

ada mereka yang berani untuk mengedar dadah, mengambil dadah walaupun kita ada penguat kuasa yang telah kita lakukan oleh pihak polis dan pihak penguasa yang lain. Apakah mereka melihat bahawa pengambilan dadah ini satu keuntungan yang mudah dan begitu besar, dan adakah sistem yang kita gunakan pada hari ini dilihat supaya kita boleh meningkatkan lagi dengan kerjasama negara-negara yang lain. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada sistem kita mengambil tindakan untuk membanteras ataupun menangani masalah dadah ini, pihak kementerian merasakan bahawa ia adalah dilaksanakan dengan begitu baik bukan sahaja kita melaksanakan melalui jabatan penguatkuasaan kita, tetapi kita juga ada bekerjasama dengan negara-negara lain seperti Indonesia, Singapura, Filipina yang mana kita mengadakan kerjasama dua hala. Begitu juga kita ada bekerjasama dengan pihak Australia dan negara-negara lain berkaitan dengan menyalurkan maklumat-maklumat dengan pengedaran dadah ini.

Berkaitan dengan isu, walaupun tindakan telah banyak dilaksanakan tetapi masalah pengedaran dadah ini masih berlaku, pertama saya ingin menyatakan bahawa daripada apa yang saya nyatakan tadi, daripada segi geografi kedudukan negara kita yang berdekatan dengan Golden Triangle dan juga daripada aspek kawasan perairan kita dan juga persempadanan kita yang begitu luas, yang mana mudah dapat dibolosi, dan seterusnya juga bahawa pengedar-pengedar dadah ini adalah merupakan manusia yang mana ada setengah golongan manusia yang mementingkan keuntungan daripada kepentingan masyarakat umum. Inilah sebabnya mengapa masih ada pengedar-pengedar dadah yang berlaku di dalam negara kita. Terima kasih.

4. Datuk Nur Jazlan bin Mohamad [Pulai] minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan pilihan raya di peringkat majlis tempatan sebagaimana yang pernah dilaksanakan sebelum ini. Sila jelaskan sebab-sebab dengan terperinci.

Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Terima kasih Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pulai secara serentak dengan soalan No. 4 oleh Yang Berhormat Ipoh Barat pada 28 April 2005.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Memandangkan kedua-dua soalan tersebut menyentuh perkara yang sama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula sistem pilihan raya bagi Kerajaan Tempatan sejak ia dibekukan pada tahun 1965.

Pembekuan ini dibuat berdasarkan kepada salah satu perakuan yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Athinahapan.

Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 telah memperuntukkan supaya pilihan raya kerajaan tempatan diberhentikan. Terdapat 144 buah PBT di seluruh negara pada masa kini. Oleh itu sekiranya sistem pilihan raya hendak diwujudkan semula di PBT maka pelbagai implikasi perlu dikaji secara mendalam dari segi kos, masa dan tenaga agar ia tidak menjejaskan peranan PBT dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat.

Meskipun sistem pilihan raya tidak lagi diadakan di PBT, namun di bawah Seksyen 10 Akta 171, Ahli Majlis diwujudkan sebagai badan penggubal, perancang dan pelaksana dasar sesebuah PBT. Seksyen tersebut telah menetapkan syarat-syarat dan kelayakan yang perlu dipenuhi bagi pelantikan Ahli Majlis. Antara syarat utama ialah:

- (i) pemastautin tetap di kawasan PBT,
- (ii) mempunyai pengetahuan luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan,
- (iii) telah mencapai kejayaan membangga dalam sesuatu profesion serta mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan sesuatu kaum dalam kawasan PBT.

Dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan ini, maka Kementerian percaya Ahli-ahli Majlis yang dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri dapat memainkan peranan dengan berkesan bagi membantu PBT. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Rintihan yang selalu diterima daripada rakyat adalah Ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang dipilih oleh kerajaan tidak mempunyai kelulusan yang tinggi, lembap dan tidak bermotivasi kerana mereka telah dibenarkan berkhidmat terlalu lama. Soalan saya, adakah Kementerian bercadang untuk mengehadkan perkhidmatan

seseorang Ahli Majlis kepada dua penggal sahaja dan mensyaratkan seseorang Ahli Majlis mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia untuk melayakkan mereka dipilih sebagai Ahli Majlis. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang kelulusan ini, kita mempunyai penuh keyakinan dan kepercayaan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk melantik mereka yang berkelayakan untuk menjadi wakil di dalam Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis-majlis Perbandaran. Saya rasa ini tidaklah satu perkara yang sepatutnya ditimbulkan.

Berkenaan dengan kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia, sekali lagilah saya katakan bahawa kementerian atau kerajaan berasa penuh keyakinan dengan kerajaan-kerajaan negeri melantik mereka yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kerajaan negeri ataupun masyarakat di kawasan PBT yang berkenaan. Berasaskan kepada pengalaman saya sendiri mendapati bahawa mereka yang telah dipilih untuk mewakili untuk menjadi Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan juga Majlis Daerah kebanyakannya sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Dungun ini saya nampak itu dia gagah dengan ucapan yang panjang lebar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi anak-anak buah daripada Dungun itu, tidak boleh tahan, merayau-rayau..... tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada kaitan dengan kementerian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu suruhanjaya seperti Suruhanjaya Athinahaman.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Atas mana satu Peraturan Mesyuarat? Bolehkah bacakan Yang Berhormat? Bacakan Peraturan Mesyuarat itu. Sila duduk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita memang hendak minta soalan tambahan dengan bernas dan adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu suruhanjaya seperti Suruhanjaya Athinahapan kerana tahun 1969 sehingga sekarang sudah lebih 30 tahun dan tambah pula kita hendak tahu apakah sebenarnya telah berlaku dengan lebih 150 PBT ini. Kita hendak tahu sebab apa tiap-tiap kali kita ada Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelapan dan mungkin Kesembilan pun hendak mengkaji semula PBT, hendak mengadakan dasar dan pelaksanaan yang komprehensif
[Disampuk]

Apakah telah berlaku sekarang dan *[Disampuk]* ini semua soalan. Balik ke sekolah kita baca dan mengetahui sama ada itu soalan ataupun retorik. Ini soalan betul-betul dan saya ulangi kerana dia ada ganggu sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah. Sekian, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kementerian tidak berpandangan bahawa ada keperluan untuk menubuhkan lagi apa-apa suruhanjaya kerana kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dan sentiasa melakukan perkara-perkara untuk menambah baik kerja-kerja yang dilakukan ataupun pentadbiran di peringkat Kerajaan Tempatan.

Kita tidak merasakan bahawa ada keperluan untuk menubuhkan apa-apa suruhanjaya pada masa ini untuk mengkaji kedudukan kerajaan tempatan. Terima kasih.

**[Soalan No. 5 – Yang Berhormat Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman
[Pengkalan Chepa] tidak hadir]**

6. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan sama ada kelebihan diberikan kepada input pertanian yang dihasilkan di negara ini yang mutunya setaraf atau lebih baik dari yang diimport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Karim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada pengguna input-input pertanian yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan. Sehubungan itu beberapa lapangan diambil untuk menggalakkan pembangunan industri input pertanian negara. Langkah-langkah ini termasuk:

- (i) menyediakan insentif pengecualian cukai atau elaun cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran benih dan bahan tanaman, baka ternakan, benih akuakultur, pengeluaran tanaman untuk makanan ternakan dan pengeluaran ubat dan makanan ternakan yang menggunakan bioteknologi,
- (ii) memberi perlindungan kepada pengilang tempatan yang mengilang jenis-jenis baja kompaun dan baja rumpai dengan mengenakan duti import bagi bahan input berkenaan yang diimport. Sebagai contoh, baja kompaun yang mengandungi dua unsur atau tiga unsur iaitu dengan izin phosphorus, potassium dan nitrogen akan dikenakan duti import 5% kerana terdapat pengilang tempatan yang mengeluarkan baja-baja tersebut,
- (iii) bagi racun perosak juga, duti import 10% dikenakan untuk beberapa jenis racun rumpai kerana terdapat pengilang tempatan yang mengeluarkan racun-racun rumpai berkenaan dalam negara, dan
- (iv) Menggalakkan petani serta syarikat untuk memproses baja kompos daripada sisa tanaman yang banyak terdapat dalam negara seperti jerami padi dan tandan kelapa sawit. Pemrosesan baja-baja organik daripada bahan lain juga digalakkan.

Perladangan organik yang digalakkan dan pelaksanaan skim organik Malaysia dijangka akan mengerakkan pertumbuhan industri baja organik tempatan. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat SUP Batang Lupar. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya. SUP - Setiausaha Parlimen *[Dewan Riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat kata 'sup batang lupar'. Saya ingat apa.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Oh! Minta maaf saya. Yang Berhormat, soalan tambahan saya ialah sungguh pun kita tahu bahawa Kementerian memang menggalakkan industri-industri untuk - kita ada input-input pertanian tetapi yang saya nampak *warehouse-warehouse* dengan izin kita masih lagi nampak kimia-kimia, baja kimia, racun serangga kimia yang orang kata *out of date* dengan izin masih lagi digunakan semata-mata hanya hendak dapat keuntungan besar kepada pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensinya yang sedia ada sekarang.

Pada hal sekarang ini kita patut tengok di mana sasaran kita ialah petani. Macam mana kita hendak meningkatkan hasil dia dengan input yang murah. Kalau kita ada input yang murah dan setanding dengan kualiti ataupun lebih daripada kualiti yang kita bawa daripada luar negeri ini kita patut galakkan. Masalahnya sekarang bila kita cakap sabit input pertanian maka birokrasinya itu terlalu banyak untuk hendak digunakan sebagai polisi di dalam Kementerian Pertanian atau oleh petani-petani itu.

Kalau boleh saya cadangkan di mana kalau Kementerian boleh tengok dan meninjau cara mana kita boleh atasi birokrasi ini. Pada hal yang import baja-baja organik daripada luar negeri misalnya daripada negara China adalah berasaskan daripada najis iaitu najis khinzir, najis manusia yang diproses untuk digunakan di luar negara daripada negara China dia. Apa pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Karim: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sup ini macam-macam sup. Ada satu sup nama 'sup power' *[Ketawa]* *[Dewan riu]* Betul, sup power ini di Sibü.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sup gear box.

Datuk Hajaha Rohani binti Haji Karim: Sup gear box..... *[Ketawa]* Okey, terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah satu daripada cadangan yang begitu baik daripada Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kemasukan input-input pertanian yang kita tidak tahu asal usul dia. Sekarang ini memanglah kita banyak bercakap pasar halal haram. Itu pun dalam baja-baja pun kita hendak tengok jugalah termasuk halal haram.

Oleh yang demikian Yang Berhormat, terima kasih untuk mengingatkan kita dari segi untuk memberi perhatian khusus mengenai kita hendak tahu juga asal usul dari segi baja yang masuk dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, kan kita di dalam Dewan yang mulia ini juga, kita telah meluluskan, betul pun ditolak oleh Dewan Negara sekejap tetapi lepas itu meluluskan sekali lagi Akta Racun Makhluq Perosak di mana akta itulah untuk sama-sama kita menjamin bahawa apa-apa yang kita import, apa-apa yang dibuat dan dijual yang datang dari luar negara adalah yang berkualiti dan tidak mendatangkan mudarat kepada manusia, haiwan, tanam-tanaman dan alam sekitar khususnya untuk kita di dalam negara ini. Pada Masa yang sama selaras dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, kementerian ini juga insya-Allah akan menggubal akta lagi untuk membantu dari segi penguatkuasaan iaitu akta baja dan benih tanaman untuk memastikan bahawa baja dan benih tanaman khususnya yang diimport, dikeluarkan, dijual dan diguna adalah yang berkualiti dan tidak memberikan apa-apa keburukan, ini selaras dengan Yang Berhormat katakan tadilah, najis khinzir, manusia dan sebagainya.

Pada masa yang sama, mengenai birokrasi, insya-Allah Yang Berhormat memang ini kita telah bincang bersama-sama di dalam kementerian untuk mencari jalan dan kaedah untuk dapat mengurangkan sedikit dari segi birokrasi. Sebab memang kita tahu, pada masa yang sama kita hendak memastikan bahawa pengeluaran-pengeluaran kita daripada dalam negara ini diterima di pasaran antarabangsa. Ini bermakna kita mesti ada satu standard iaitu standard antarabangsa. Tetapi pada masa yang sama kita hendak menggalakkan kegunaan khususnya input-input pertanian tempatan.

Selari dengan perkara itu kita telah menubuhkan beberapa jawatankuasa termasuk yang mengenai baja ini. Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Teknikal

Pengimportan Mikro Organisma dan Bahan Organan untuk betul-betul meneliti dan kalau dapat kita *cut short* proses-proses birokrasi sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum dan katakan tadi.

Untuk makluman juga, terima kasihlah, Kementerian Pertanian dengan hala tuju yang baru, kita akan meneliti segala kelemahan yang ada untuk memastikan bahawa semua pihak mendapat manfaat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat hari ini berdasarkan input yang digalakkan oleh kerajaan ini, adakah negara kita telah berhasil sebagai contoh mengeluarkan jenama-jenama pertanian yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa? German telah melahirkan baja *chemical fertilizer* sebagai contohnya Nitrofosca yang dikeluarkan oleh Syarikat Behn Meyer. Adakah negara kita telah berjaya mengeluarkan produk-produk ini yang mampu bersaing, dan kalau ada bolehkah memberikan nama-nama jenama tersebut. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini kebanyakan baja-baja khasnya yang kompos ini, yang dikeluarkan oleh negara kita adalah kegunaan di negara kita. Itulah sebabnya kita menggalakkan mana-mana yang mengeluarkan baja-baja organan atau kompos, kita akan memperkenalkan persijilan Skim Organik Malaysia. Itu langkah yang pertama sebab kita tadi hendak mengatakan bahawa apa yang dikeluarkan di negara kita juga boleh dipasarkan di pasaran antarabangsa.

Oleh yang demikian kita mahu mengadakan persijilan dahulu supaya persijilan kita ini selari dengan persijilan di peringkat antarabangsa supaya baja-baja ini akan dapat kita pasarkan. Sebenarnya di Malaysia ini kita bertuah sebab kita banyak dari segi bahan-bahan organik yang kita boleh gunakan, yang insya-Allah kalau kita mengeluarkan baja-baja ini akan mendapat satu pasaran yang baik. Tetapi kita seharusnya mengikuti proses-proses penerimaan iaitu dengan menggunakan persijilan antarabangsa dahulu. Inilah yang kita galakkan, bukan sahaja dari segi baja tetapi juga dari pengeluaran-pengeluaran makanan, tanaman dan bermacam-macam lagi supaya diiktiraf selari dengan kehendak antarabangsa. Untuk makluman, memang kita ada

bermacam-macam baja, tetapi setakat ini ia digunakan dalam negara sahaja. Terima kasih.

7. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berapakah kos keseluruhan untuk pelancaran kedua-dua satelit TiongSAT dan RazakSAT dan apakah di antara manfaat utama kedua-dua satelit ini kepada negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kos pelancaran kedua-dua satelit tersebut adalah seperti berikut:

TiongSAT - RM 2.28 juta
RazakSAT - RM 22.5 juta

Di antara manfaat utama kedua-dua satelit ini kepada negara kita adalah data dan imej yang dihasilkan oleh kedua-dua satelit mampu memenuhi keperluan jabatan kerajaan tanpa perlu bergantung pada pembelian imej satelit asing. Langkah ini akan dapat menjimatkan kos serta mengurangkan pengaliran keluar mata wang negara.

Manfaat kedua, kedua-dua satelit ini boleh menghasilkan data dan imej yang lebih cepat berbanding data dan imej satelit yang dibeli daripada negara asing yang mana memerlukan mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu.

Pemilihan teknologi adalah sangat penting bagi membangunkan keupayaan industri teknologi angkasa di Malaysia. Kerjasama strategik telah pun kita laksanakan dengan Surrey University United Kingdom bagi pembangunan satelit TiongSAT dan dengan Syarikat SaTReci dengan Korea Selatan bagi pembangunan RazakSAT memberi manfaat khususnya melalui penglibatan pihak industri dan juga institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta.

Keempat, kedua-dua satelit ini adalah merupakan satelit pencerapan bumi dan penting untuk perancangan sumber, pemantauan alam sekitar, pemantauan perairan, ketenteraan dan pelbagai lagi. Kadar resolusi yang tinggi serta penumpuan imej kepada negara Malaysia membantu negara untuk bertindak dengan lebih proaktif dalam memantau keadaan dan persekitaran negara terutamanya untuk mengesan perubahan struktur tanah dan juga rupa bentuk muka bumi yang berlaku.

Manfaat seterusnya adalah pembangunan kedua-dua satelit ini telah berjaya mempertingkatkan serta membangunkan kepakaran tempatan terutamanya jurutera dan juga saintis tempatan dalam industri berteknologi tinggi, khususnya dalam segi ataupun dalam mereka bentuk *design*, membina dan seterusnya untuk melancarkan satelit ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita sedia maklum bahawa bagi negara-negara yang sudah maju satelit ini digunakan juga untuk mengawasi kawasan sempadan. Kita juga sedia maklum bahawa sempadan kita berjiran dengan empat negara, di mana kita menghadapi pencerobohan, penyeludupan, lanun dan tidak ketinggalan pencurian pasir untuk membesarkan sebuah negara.

Soalan saya, adakah kita menggunakan satelit ini ataupun satelit lain untuk tujuan pengawasan dan juga keselamatan negara kita? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Ini adalah merupakan salah satu satelit yang kita gunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya satelit ini juga adalah menggunakan teknologi penyeliaan ataupun *remote sensing* yang mana ini adalah diuruskan oleh MACRES, yang mana ada soalan untuk hari esok.

Bagi pengurusan seperti untuk mendapatkan imej data dan juga *observation* daripada kawasan-kawasan dan sebagainya bukan satu satelit sahaja yang kita gunakan. Sebagai contohnya, TiongSAT telah pun habis tempoh *lifespannya* tiga tahun dan tidak digunakan lagi. Untuk RazakSAT kita masih belum melancarkannya yang mana akan dilancarkan pada awal tahun 2006. Oleh itu MACRES menggunakan satelit luar untuk mendapat maklumat ataupun imej sama ada untuk kawalan sempadan, data *observation* ataupun untuk melihat kawasan-kawasan (*area*) yang perlu kita tumpukan untuk mendapatkan data ataupun imejnya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai pun ada soalan juga?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang pada zaman moden dan canggih ini kita memerlukan satelit. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan TiongSAT telah *expired* tarikhnya dan RazakSAT

belum naik lagi. Buat masa sekarang ini apa “SAT” yang dok jaga kita dari satelit ini?
[Ketawa]

Dalam keadaan dunia kita yang tidak aman ini dan kita tidak ada “SAT” di atas sana, bagaimanakah kita hendak memonitorkan dan juga kita hendak *notified* Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri tentang keadaan keselamatan negara kita? Contohnya apabila tsunami berlaku, kita terpaksa buka radio dan kita telah mendapat informasi yang lebih cepat melalui CNN dan *broadcasting* daripada luar negara. Apakah kita akan lancarkan satu lagi mungkin yang namanya “NantiSAT” duduk di atas sana [Ketawa] untuk membantu negara kita ini. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bimbang dalam keadaan huru-hara dunia ini kita tidak ada “SAT”, kita tidak ada satelit untuk hendak memberi *information* kepada kita. Kalau kita hendak menumpang satelit daripada negara asing ini nanti dia kata, “Nanti sat, tunggu sat”. Kita akan selalu mendapat laporan yang telah *out of date*. Saya berharap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah sesatlah nanti. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih. [Ketawa]

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan bahawa TiongSAT dan RazakSAT adalah merupakan satelit *low orbit* yang mana terletak di orbit yang rendah di antara 600 kilometer ke 1000 kilometer, keutamaannya adalah untuk pencerapan daripada muka bumi dan kita juga ada satelit yang kita kenali seperti MEASAT, itu adalah satelit *communication* untuk perhubungan merupakan satelit yang paling tinggi terletak di atas lebih daripada 35,000 kilometer daripada permukaan bumi.

Sebenarnya kita juga ada satu lagi satelit - satelit pengintip (*surveillance satellite*) yang merupakan *distantnya* adalah pertengahan. Di Malaysia kita sedang membangunkan satelit *low orbit* dan telah ada satelit *bio orbit* yang terlalu tinggi. Kita tidak ada sebenarnya satelit sendiri dalam kategori *surveillance satellite*. Kita memerlukan teknologi ataupun penyewaan satelit daripada negara-negara luar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah merupakan satu teknologi yang tinggi dan itulah sebabnya Kerajaan Malaysia telah memulakan dengan *micro*

satellite TiongSAT supaya kita mempunyai pakar untuk mereka bentuk sendiri satelit kita supaya kita tidak bergantung terus kepada teknologi daripada luar. Terima kasih.

8. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan pencapaian pembangunan sistem teknologi maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia seperti IDAMAN, Sistem SAFARI termasuk projek MIGRASI.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pontian dan Dewan yang mulia ini, IDAMAN adalah sistem penyimpanan dokumen-dokumen syarikat (ROC), manakala SAFARI pula adalah sistem penyimpanan maklumat perniagaan (ROB). Kedua-dua sistem IDAMAN dan SAFARI ini dalam proses bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan untuk memudahkan perolehan data oleh pelanggan. Proses ini dijangka akan selesai pada hujung tahun 2005 ini.

Mengenai projek migrasi pula, ia mempunyai dua fasa. Fasa pertama ialah pelaksanaan dengan izin, *Role Out Company And Bussiness System For ROB* yang telah pun dilancarkan pada 21 Jun 2004. Untuk fasa kedua melibatkan dengan izin, *Role Out Company And Bussiness System For ROC* yang dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2005 ini.

Apabila kedua-dua sistem CBS bagi ROB dan CBS bagi ROC sempurna diintegrasikan, perkhidmatan secara elektronik, dengan izin *E-info* dan *E-payment* akan dapat dilaksanakan pada akhir tahun 2005 ini. Sekian, terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dengan adanya sistem teknologi yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ini, kalau dalam sistem perbankan, mereka yang tidak mengendalikan sistem kewangan dengan teratur, maka mereka tidak akan dapat membuka akaun yang baru. Adakah dengan adanya sistem-sistem ini pengarah-pengarah urusan syarikat, sebagai contoh, yang gagal mengendalikan syarikat dengan sempurna seperti tidak menghantar akaun tahunan dengan sempurna ke SSM ataupun tidak memenuhi syarat-syarat penubuhan syarikat yang berbentuk sendirian berhad ataupun syarikat persendirian, adakah langkah-langkah untuk tidak membenarkan

pengarah-pengarah ini untuk membuka syarikat-syarikat baru di masa akan datang itu sebagai suatu yang difikirkan oleh pihak kementerian untuk meningkatkan lagi imej syarikat-syarikat yang ada dalam negara kita.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Untuk makluman Yang Berhormat, SSM ini sebenarnya sentiasa mengambil berat tentang segala permohonan baru yang akan berdaftar di SSM ini. Untuk makluman Yang Berhormat, SSM memang ada sistem yang cukup moden ini untuk kita *trace* ataupun semak segala permohonan. Kalau sekiranya ada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang gagal untuk mengemukakan segala dokumen perkara-perkara yang diperlukan oleh SSM ini mereka akan di *black listed* dan SSM sentiasa mengambil langkah dan juga tindakan tegas terhadap syarikat-syarikat, misalnya pada tahun 2003 sebanyak 3,998 syarikat yang gagal untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh SSM sudah ambil tindakan untuk membubarkan syarikat mereka. Sama juga dalam tahun 2004 ini, katalah syarikat yang tidak memenuhi segala maklumat ataupun perkara-perkara yang diperlukan oleh SSM termasuk ahli Lembaga Pengarah, maka SSM tetap mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 9.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Sebagaimana kita tahu sebagai pengarah salah satu syarat ialah bukan merupakan seorang bankrap dan juga tidak melakukan sebarang jenayah yang telah diputuskan di mahkamah. Dengan sistem yang ada sekarang adakah ianya secara automatik dapat mengesan perkara-perkara sebegini rupa dapat dibendung? Maknanya kalau seorang bankrap secara automatik akan dapat dikesan ataupun seorang pelaku jenayah dapat dikesan dengan sistem yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi sistem yang diperkenalkan oleh SSM ataupun *Company Business System*, ini, SSM sentiasa mempertingkatkan dari segi data dan juga maklumat yang didapati oleh agensi-

agensi yang lain. Seperti yang dimaklumkan oleh SSM ini, SSM sentiasa menghubungi agensi-agensi termasuk pendaftaran pertubuhan pun. Hari ini kita dapat mengadakan satu sistem untuk *on-line* dengan mereka supaya segala maklumat yang diberikan oleh agensi yang lain termasuk bank-bank dan sebagainya akan diambil kira dalam sistem ini supaya kita dapat meneliti segala latar belakang ahli Lembaga dan juga syarikat-syarikat yang akan mendaftar di dalam SSM ini. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:-

- (a) adakah kegagalan Cyberjaya untuk mewujudkan pemangkin (hub) unit penyelidikan dan pembangunan bagi syarikat-syarikat teknologi utama dunia disebabkan kekurangan sumber manusia yang mahir dalam bidang penyelidikan dan pembangunan di Malaysia; dan
- (b) halangan utama sehingga Cyberjaya kurang berjaya dan strategi-strategi baru terpaksa diambil untuk menggiatkan semula Cyberjaya mencapai objektif asalnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan,

- (a) Ingin saya menegaskan di sini untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulai ini bahawa Cyberjaya tidak gagal dalam menjalankan peranannya sebagai *hub* penyelidikan dan juga permohonan R&D. Malah Cyberjaya adalah antara bandar pintar terunggul di dunia yang telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai global *hub* untuk pembangunan industri ICT. Saya ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian dapat melawat MSC di Cyberjaya dan menyaksikan sendiri kejayaan-kejayaan yang telah kita capai. Perlu juga ditegaskan di sini MSC telah berjaya menarik beberapa syarikat antarabangsa yang berteraskan R&D untuk melabur di Cyberjaya seperti *Biotechnology Asean Research Centre*, *Motorola Innovation Centre*, *Intel R&D* dan syarikat-syarikat yang

mendapat skim geran pemilikan dan perhubungan MSC dikenali sebagai MGS seperti Rector, Science Lab, *Opstreet*, *IC Micro System* dan lain-lain.

Motorolla Innovation Centre umpamanya telah menyediakan 300 peluang pekerjaan di mana 99% adalah rakyat tempatan, manakala 9 daripada 63 syarikat-syarikat yang telah mendapat geran MGS telah disenaraikan di Bursa Nasdaq dengan *market capitalization* sebanyak RM920 juta.

Berdasarkan hasil Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang Kelapan yang telah diadakan pada September 2004, syarikat antarabangsa seperti *Motorola*, *Intel*, *Microsoft* dan *Del* yang melakukan R&D di Malaysia sangat berpuas hati dengan kualiti tenaga kerja Malaysia. Sehingga tahun 2003 sebanyak 276 *patern* telah difailkan atau didaftarkan oleh syarikat-syarikat yang bertaraf MSC iaitu peningkatan sebanyak 40.1% dari tahun sebelumnya. Kejayaan-kejayaan ini adalah menguatkan lagi komitmen kerajaan untuk membangunkan program-program yang dirancang di MSC terutamanya di Cyberjaya yang akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan ICT di negara kita.

(b) cabaran utama kita ialah menyediakan tenaga pakar dalam bidang R&D yang diperlukan oleh syarikat-syarikat teknologi utama di dunia. Kita menyediakan strategi, menjalankan kerjasama strategi dengan syarikat-syarikat antarabangsa melalui program penyelidikan bidang teras strategik ataupun dengan izin, *MSC Strategy Tras Area In Research (STAR)* menggalakkan kerjasama di antara syarikat tempatan dengan universiti-universiti dan institut pendidikan awam untuk meningkatkan lagi keupayaan dalam teknologi baru. Seterusnya kita mengkaji semula geran penyelidikan seperti BA supaya memberikan manfaat kepada industri dan kita melahirkan lebih ramai sumber manusia yang mahir dalam bidang R&D. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk soal jawab lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” **[29 Mac 2005]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingin membahaskan Titah Ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh tunggulah, saya akan panggil. Tetapi sebelum Yang Berhormat Sri Gading saya terpaksa panggil Yang Berhormat Batu Pahat dahululah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bila Tuan Yang di-Pertua? Batu Pahat dengan Sri Gading dekat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Batu Pahat dekat dengan Sri Gading maka Sri Gading kena tunggu lama lagi. *[Ketawa]* Yang Berhormat Batu Pahat ada 10 minit lagi.

11.08 pagi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam sebelum persidangan ditangguhkan saya ada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jerai berkenaan dengan krim yang disapukan di

perutnya banyak tetapi perutnya tidak berubah-ubah juga. Saya rasa mungkin lemak yang ada di perut Yang Berhormat itu terlalu akrab dengan Yang Berhormat.

Berkenaan dengan program kesedaran ataupun program-program yang melibatkan kesihatan yang mana diutarakan melalui media-media terutama di TV saya minta supaya pihak kerajaan terutama Kementerian Kesihatan berserta dengan Kementerian Penerangan untuk memantau iklan-iklan tersebut supaya ia tidak mengelirukan pengguna-pengguna dan setiap ubat-ubatan ataupun hasil-hasil produk kesihatan yang hendak diutarakan mestilah mendapat kelulusan daripada pihak kementerian.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan penyakit-penyakit berjangkit...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta laluan. Terima kasih. Saya ingin bertanya di dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Batu Pahat belum beri kebenaran lagi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Silakanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat di dalam kita memberikan kesedaran kepada orang ramai terhadap kesihatan dan di dalam menjayakan kempen kesihatan terutama dahulu kita ada kempen 'Tak nak merokok' tetapi saya lihat di kawasan Parlimen kita hanya bersifat sementara, 'hangat-hangat tahi ayam' sahaja dan terdapat juga di kalangan doktor yang menghisap rokok. Jadi bagaimanakah kalau kita sebagai Ahli Parlimen dan termasuk doktor yang menghisap rokok hendak memberikan kesedaran kepada orang ramai terutama kepada penduduk di kawasan setempat kita. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krau. Saya rasa mungkin mereka hendak mengambil iktibar bahawa bahayanya merokok itu. Mereka hendak mencuba dulu kepada diri mereka sendiri.

Saya hendak teruskan kepada langkah-langkah pencegahan. Kita dapati bahawa sesuatu penyakit itu melibatkan cegah dan rawat. Dalam sektor untuk

mencegahnya kita mempunyai pakar-pakar iaitu pakar-pakar kesihatan awam. Apa yang berlaku di negara kita buat masa sekarang ini ialah mereka ini tidak mendapat layanan ataupun mendapat pengiktirafan yang sama dengan pakar-pakar dalam bidang-bidang khusus terutamanya dalam bidang pembedahan, sakit puan dan sebagainya. Kerana mereka ini merupakan orang yang amat setia dan amat taat kepada kerajaan terutamanya dalam memberikan perkhidmatan dalam perkhidmatan awam di hospital-hospital kerajaan. Kerana mereka ini tidak dipanggil untuk memberikan khidmat ataupun peluang dalam hospital-hospital swasta, sedangkan rakan-rakan mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang pakar, dalam bidang spesifik tadi mempunyai peluang untuk berkhidmat atau beralih kepada perkhidmatan swasta. Mereka juga mempunyai elaun pakar tetapi apakah malang nasib mereka kerana elaun pakar mereka hanya merupakan 80% berbanding dengan elaun pakar-pakar yang lain ataupun pakar-pakar klinikal yang lain.

Saya berharaplah pihak kerajaan terutamanya kementerian mengambil keprihatinan yang lebih kerana bagi mereka ini merupakan salah satu insentif utama supaya mereka dapat kekal dalam perkhidmatan kerajaan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [*Bangun*]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Biar saya sambung sekejap lagi. Mereka juga merupakan salah satu *force* ataupun tenaga untuk memastikan penyakit-penyakit berjangkit terutamanya sebagaimana yang kita nyatakan sekarang ialah *bird flue*, *aedes*, *hepatitis* yang mana merupakan langkah-langkah pencegahan kerana bagi penyakit-penyakit yang saya sebutkan tadi tidak mempunyai rawatan-rawatan yang spesifik. Sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Batu Pahat. Saya cuba ingin dapatkan penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat Batu Pahat, adakah elaun-elaun pakar kesihatan awam ingin disamakan dengan pakar-pakar klinikal atas dasar dia setia atau atas dasar kepakaran, kerana pada saya elaun kepakaran ini harus disamakan kerana kepakaran kesihatan awam ini juga adalah satu kepakaran yang amat penting di masa kini. Kalau ingin dinaikkan elaun kepakaran mereka itu atas dasar kesetiaan, pada saya ini satu perkara yang kita harus pertimbangkan. Bagaimana pandangan daripada Yang Berhormat Batu Pahat?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Kesetiaan merupakan salah satu faktor dan saya tidak menafikan Yang Berhormat Gombak juga merupakan pakar daripada kesihatan awam yang khususnya kemudian sambung lagi dalam sakit berjangkit dan sebagainya. Saya memang menyokong kerana mereka juga mempunyai tugas yang hampir berat dan sama dengan pakar-pakar klinikal yang lain.

Saya hendak beralih berkenaan dengan bahagian yang terakhir dalam perbincangan saya iaitu berkaitan dengan pembelajaran. Kita dapati sekarang ini bahawa kurikulum pembelajaran kita merupakan satu kurikulum yang menumpukan khusus kepada peperiksaan. Apabila kita bercakap sesama ibu bapa sebagaimana yang kita nampak dalam akhbar-akhbar, apabila berbincang berkenaan dengan pelajaran dia orang akan tanya anak-anak mereka “berapa ‘A’, berapa keputusan, sekolahnya macam mana.” Jadi ini merupakan satu bentuk penyediaan pelajar bagi saya tidak akan membentuk satu generasi yang berdaya saing di masa hadapan.

Saya berharap kurikulum pembelajaran yang ada pada masa sekarang ini kita cuba alihkan sedikit iaitu melibatkan program-program pembentukan *skill* dan juga pembentukan insan sebagaimana yang telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Lama lagi, ya?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih, Datuk Timbalan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Saya percaya Kementerian Pelajaran telah banyak memikirkan tentang kurikulum ini dan saranan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang memikirkan supaya berlaku perubahan kurikulum ini terjadi. Bagaimanapun, isu yang penting di sini ialah *market force*. Kadang-kadang pihak kerajaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perlu ringkaskan soalan kerana masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Okay! Saya ringkaskan, sedikit sahaja. Jadi, sebenarnya masyarakatlah yang menentukan kurikulum, yang bagaimana

dikehendaki. Walaupun kita pernah melancarkan 'Falsafah Pendidikan Kebangsaan', tetapi akhirnya ibu bapa hendakkan akademik. Jadi, sejauh mana Yang Berhormat bersetuju dengan perkara ini?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya sebenarnya hendak bercakap berkenaan dengan itulah, tetapi nampaknya Yang Berhormat bagi Lipis telah memberikan potongan dia. *[Disampuk]*

Jadi, memang kita tidak nafikan bahawa apabila kita bercerita berkenaan dengan kurikulum pendidikan, ia memang melibatkan beberapa kumpulan atau pun golongan, iaitu golongan pendidik, golongan pelaksana, golongan kementerian dan juga masyarakat. Dan, saya cuba membawa isu ini kerana kita perhatikan di negara-negara luar, *streaming* atau pun pengagihan berkenaan dengan pendidikan yang bukan bergantung kepada akademik telah dibuat pada peringkat awal lagi. Ia telah bermula daripada peringkat sekolah rendah atau pun mungkin peringkat prasekolah, di mana anak-anak telah dikaji, telah diberikan langkah-langkah untuk menilai keupayaan mereka sama ada mereka ini akan menjadi seorang yang *excellent*, dengan izin, dalam akademik atau pun mereka ini mempunyai *skill* yang tertentu untuk dibawa kepada peringkat menengah dan sebagainya.

Saya tidak nafikan pihak kementerian juga ada membuat *streaming* tersebut pada peringkat sekolah menengah, iaitu tingkatan 3, tetapi yang menentukannya ialah merupakan guru-guru kaunselor atau pun sekarang ini ia kajikan kursus kaunselor supaya mereka dapat menentukan sama ada pelajar tersebut akan terus belajar dalam bidang sains, sastera atau pun vokasional. Apa yang kita dapati bahawa sekarang ini, kaunselor-kaunselor itu kalau mereka buat kerja, *alhamdulillah* lah, tetapi ada yang tidak menjalankan kerja mereka dengan sebaik mungkin. Jadi, saya berharap juga pihak kementerian untuk memastikan bahawa mereka yang tidak lagi minat belajar dihantar kepada peringkat-peringkat yang boleh menyiapkan diri mereka untuk berjaya dalam kehidupan.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Dalam benda yang sama, perkara yang ketiga, yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Perkara yang ketiga ialah yang disebutkan berkenaan dengan sekolah tadi, kita rasa sudah cukup kita berbincang berkenaan dengan sekolah yang bawa beg berat dan sebagaimana yang melibatkan perkara yang remeh-temeh, kerana kadang-kadang pembelajaran juga memerlukan pendekatan antara pengajar dan pengajar. Jadi, saya ambil contoh di negara luar, di Denmark, contohnya, dalam satu kelas mereka mempunyai *maximum capacity*, dengan izin, pelajar seramai 15 orang sahaja. Sedangkan, di negara kita dapati bahawa bilangan pelajarinya teramat besar, ada antara 35 hingga 40 dalam satu kelas. Jadi, bagaimanakah penumpuan pembelajaran akan dapat disempurnakan oleh pengajar kepada pelajar-pelajar yang terlibat?

Saya rasa itu saja yang ingin saya kongsi dalam perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya beri peluang kepada 'puteri' Papar.

11.35 pg.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul Terima Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang dizahirkan sempena pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kesebelas pada 21 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dimaklumkan secara lisan kepada Dewan yang mulia ini, oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negara, yang menjelaskan bahawa jumlah keseluruhan derma *tsunami* yang berjaya dikumpulkan oleh pelbagai pihak di negara ini adalah sebanyak RM91 juta. Daripada jumlah besar tersebut, sejumlah 59% atau pun RM54 juta telah diserahkan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara yang diselenggarakan oleh Bahagian Keselamatan Negara. Setelah tiga bulan berlalu, baki yang sebanyak RM36 juta atau pun 40% masih

belum diserahkan kepada kerajaan oleh pihak-pihak yang tertentu, yang hanya tahu menabur janji tetapi masih gagal untuk menunaikan janji yang telah dilafazkan oleh mereka sendiri.

Ingin saya mencadangkan di sini supaya pihak kerajaan mengambil tindakan menyenaraihitamkan syarikat-syarikat atau pun individu-individu yang hanya tahu membuat janji tetapi gagal menunaikan janji mereka. Saya berkata demikian kerana perkara ini telah kerap berlaku, bukan sahaja kepada bantuan *tsunami* tetapi pungutan dana-dana berbentuk derma sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu bantuan *tsunami* ini, kita juga merasa bangga kerana selain daripada bantuan untuk sesama warganegara, kerajaan dan rakyat Malaysia juga menghulurkan bantuan ke negara-negara berhampiran termasuklah Aceh di Indonesia, dan yang terbaru.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Papar. Bila bercakap fasal Aceh, saya difahamkan Yang Berhormat telah pergi ke Aceh lebih dahulu daripada saya pergi. Walaupun saya daripada Aceh, asalnya keturunan saya. Jadi, bagaimanakah kesedihan-kesedihan, penderitaan-penderitaan Yang Berhormat lihat di Aceh? Dan, apakah Yang Berhormat bersetuju juga ada syarikat-syarikat berjanji untuk memberi bantuan apabila mereka mendapat *coverage* dalam dan sebagainya, tetapi cek-cek yang mereka bagi itu pula cek '*pok*'. Jadi, apakah mereka ini juga manusia yang tidak bertanggungjawab menggunakan *tsunami* untuk kepentingan diri mereka? Terima kasih.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk bercerita mengenai pengalaman, memanglah, Yang Berhormat Jerai, saya telah sendiri pergi ke Aceh dan menyaksikan sendiri penderitaan yang dirasakan oleh orang-orang di Aceh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini semua untuk makluman kami, Dewan yang mulia atau untuk Yang Berhormat bagi Jerai?

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: [*Ketawa*] Cuma untuk semua Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat.

Tetapi memanglah apa yang kita baca dan kita lihat sendiri agak berbeza, dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa mereka yang telah berjanji ini sewajarnya di senarai hitam. Itulah saya cadangkan untuk disenaraihitamkan syarikat-syarikat dan individu-individu yang hanya tahu menabur janji tetapi gagal menunaikan janji mereka.

Izinkan saya berbalik kepada ucapan saya. Yang terbaru, dua ribu orang telah terkorban walaupun berita pada hari ini mengatakan ada yang 1,000 ada yang 400 dan sebagainya, telah terkorban di Pulau Niah, Sumatera dan sebagai sebuah negara yang prihatin, Malaysia sekali lagi bertindak menghantar dua pasukan ke pulau tersebut untuk membantu. Kita hulurkan tangan, lapangkan hati dan luangkan pendengaran dengan ikhlas, atas naluri dan nama kemanusiaan atau apa saja asalkan itu dapat memberi kelegaan kepada derita dan jerih mereka. Tetapi belum pun air mata kita kering untuk rakyat Indonesia di Aceh, kita tersebak pula dengan gelagat angkuh rakyat Indonesia di Jakarta dan Sulawesi. Bukan sahaja bendera kita dirobek dibakar, malah kita dimomokkan dengan laungan '*Ganyang Malaysia*', iaitu teriakan yang mengimbau memori pahit dan detik hitam yang telah melihat darah mengalir di sempadan Malaysia - Indonesia di Sabah, sekitar waktu pembentukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga agak kecewa dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang mengatakan perbuatan ini adalah akibat kesombongan pemimpin kita dan beliau pergi lebih jauh lagi dengan mengatakan laungan yang sama akan berkumandang jika pemimpin-pemimpin kita meneruskan perbuatan mereka.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [*Bangun*]

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua, terasakan seolah-olah masih hangat lagi tangan kita selepas memaut seseorang yang hampir lemas, kepala kita pula dipukul oleh ahli keluarga si mangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Permatang Pauh, bangun.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Silakan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih, ya. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa

setengah pekerja-pekerja yang datang, yang telah bekerja dan apabila tempoh habis, dikategorikan sebagai pekerja tanpa izin dan telah disebat dan mereka kalau dalam masa disebat itu pergi bertemu dengan bekas banduan dan memohon kerana mencari rezeki yang halal di sini, mereka telah disebat. Yalah memang kategorinya mereka adalah pendatang tanpa izin tetapi sebelum dikategorikan pendatang tanpa izin, mereka adalah pekerja. Apabila tempoh habis mereka dikategorikan sebagai pendatang atau PATI. Tetapi dengan sebatan itu, Malaysia sahaja negara yang sebat mereka. Jadi, kalau orang Malaysia pergi sebagai pendatang tanpa izin di negeri lain, bila ditangkap disebat, itu adalah salah satu daripada *reason*, sebab, kenapa saya katakan mereka sombong. Okey?

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Jika, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh menyuarakan ketidakadilan dari segi pelaksanaan undang-undang negara kita, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah hanya kerana ini, wajarkah Yang Berhormat menghukum dengan mengatakan pemimpin-pemimpin kita sombong dengan cara mereka mengendalikan kes perhubungan Indonesia dan Malaysia ini, dengan mengatakan bahawa Yang Berhormat saya lihat telah menghukum pemimpin-pemimpin kita dengan hanya menyaksikan satu kes yang berkecuali seperti ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: : Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya ingin memberi penerangan sedikit, ya.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya ingat jangan kita kelirukan penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh kerana saya waktu dalam Kementerian Dalam Negeri, saya tahu proses ini. Pendatang tanpa izin ini memang dia masuk ke dalam negara kita tidak ada izin. Bukan setelah di izin kemudian menjadi pendatang tanpa izin. Itu satu, daripada awal dia tidak ada izin dan dia memang tidak mendapat keizinan. Maka dia melakukan pekerjaan atau pun kebenaran tinggal adalah tidak ada, maka dia menjadi pendatang tanpa izin. Undang-undang yang

dijatuhkan kepada pendatang tanpa izin telah dibentangkan dalam sini, iaitu dengan undang-undang yang dijatuhkan di mahkamah, bukan setelah ditangkap terus disebat, itu peraturan yang ada.

Dan, undang-undang ini tidak di buat oleh pemimpin, seperti kata, hujah dalam ucapan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Penonjolan fakta ini adalah tidak benar kerana semua undang-undang setelah kita bentang dalam Dewan ini dipersetujui, sama ada rakyat dalam negeri ini atau pun rakyat asing, pendatang yang berizin, pendatang tanpa izin adalah dengan peraturan yang ada. Jangan jadikan hujah sebagai satu yang mengelirukan, yang menjadikan negara ini lebih buruk daripada jangkakan orang, kerana cakapan daripada rakyat dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya perkara ini tidak ditimbulkan kerana peraturan yang kita buat adalah halal.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pematang Pauh.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun barangkali ada pihak yang mengatakan bahawa ini adalah dua isu yang berbeza dan perlu dipisahkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya ingin meneruskan ucapan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Permatang Pauh dengan.....

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: ...dan kita harus akur dengan pulangan yang disediakan oleh Indonesia kepada kita tetapi sebagai manusia yang punya perasaan, rakyat Malaysia mempunyai sebab untuk merasa terguris dan tersinggung. Alhamdulillah sebagai rakyat yang rasional kita tidak memberi reaksi balas yang bersifat api dengan api dan inilah pendekatan kerajaan kita yang harus dipuji. Memang benar permohonan maaf telah disampaikan oleh salah seorang wakil Kerajaan

Indonesia walaupun wakil tersebut mengisytiharkan di hadapan Parlimen Indonesia bahawa tindakan memohon maaf tersebut tidak lebih daripada sekadar dengan maksud diplomatik.

Wakil tersebut sehingga membuat perbandingan dengan berkata bahawa di ambang Amerika terlibat dengan...

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin:...Perang Dunia Kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Terap dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya ingin meneruskan ucapan saya. Seorang diplomat Jepun tetap tunduk memberi hormat kepada Presiden Amerika kemudian pulang ke negaranya dengan membawa maklumat bagaimana cara menyerang *Pearl Harbor*. Ini bukanlah maksud saya bagi mencadangkan wakil Indonesia tersebut datang ke sini pulang membawa rahsia, pantai mana yang paling sesuai untuk mengganyang Malaysia tidak sekali-kali, cuma sekadar memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kata-kata maaf tersebut tidak mempunyai nilai keikhlasan yang sewajarnya berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Parlimen di Indonesia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bahkan saya, seperti juga Ahli-ahli Dewan ini yang lain tetap menyokong pendekatan berperingkat yang diambil oleh kerajaan seperti yang terdapat dalam prosedur antarabangsa mengenai tuntutan terhadap satu kawasan yang sama antara mana-mana negara.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Pada masa yang sama..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya ingin meneruskan ucapan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin:...sebab saya ada banyak lagi hendak cakap ini. *[Disampuk]* Dalam pada masa yang sama saya juga menyokong agar bantuan kemanusiaan susulan ke Aceh seperti mana yang telah dirancang akan kita teruskan. Apa yang kita ingin nyatakan di sini kita tidak ingin melihat Indonesia mengambil kesempatan ke atas sikap sering mengalah Malaysia ini dan terus-menerus mengganyang Malaysia.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Silakan Tangga Batu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Padang Terap atau Tangga Batu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pagar. Yang Berhormat Pagar, saya berada dekat dengan isu Malaysia-Indonesia ini ketika NGO Indonesia sedang sibuk belajar silat, seni mempertahankan diri, ada di antara mereka menyatakan bersedia pada bila-bila masa sahaja untuk "diterjunkskan" di Malaysia bagi tujuan mengganyang Malaysia.

Pada ketika yang sama di persidangan *Lake Toba Summit*, Presiden Susilo Bambang Yudhoyono menyatakan rasa kagumnya dengan Malaysia dan melahirkan rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang bantuan yang telah diberikan kepada mangsa-mangsa Tsunami.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Pagar, adakah kemungkinan pihak ketiga atau dalang-dalang yang melahirkan dan membangkitkan semangat marah NGO-NGO Indonesia ini kepada Malaysia terhadap perebutan pulau itu. Boleh tidak Yang

Berhormat berikan pandangan tentang pihak ketiga yang mungkin datangnye dari negara lain ataupun dari dalam negara kita sendiri. Silakan, Yang Berhormat.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Sebenarnya saya apabila Yang Berhormat Tangga Batu mengatakan perkara ini, ini tidak menghairankan dan saya bersetuju kemungkinan besar ada pihak ketiga yang telah memainkan peranan untuk mengapi-apikan lagi hubungan di antara Indonesia dan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah sekian lama dikenali sebagai sebuah negara yang selalu menghargai hubungan kejirannya. Antaranya ialah dengan membuka peluang kepada rakyat daripada jiran-jirannya untuk sama-sama menikmati kemakmuran ekonomi kita dengan mengambil mereka sebagai pekerja di negara ini. Sifat dan sikap kemanusiaan kita juga sehingga bersedia menjadi tempat perlindungan sementara kepada rakyat dari kalangan negara jiran kita yang lari daripada kemelut politik bersenjata di negara mereka.

Atas dasar kemanusiaan inilah kita sering berkompromi dengan suara antarabangsa terutamanya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi perlindungan pelariannya, dengan izin, *United Nation High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dalam kes selatan Filipina yang berhadapan dengan konflik bersenjata perang saudara sejak tahun 1970-an terdapat beberapa kem penempatan pelarian di bawah naungan UNHCR dibuka di negeri Sabah.

Salah satu daripadanya yang masih wujud pada hari ini ialah Kem Penempatan Pelarian Filipina di Kinarut yang telah dibuka pada tahun 1971. Walaupun perang saudara semakin kendur di selatan Filipina sejak satu dekad yang lepas, namun keadaan yang belum stabil sepenuhnya telah membuat kita akur dengan kehendak UNHCR agar kem-kem pelarian termasuklah Kem Kinarut ini terus dikekalkan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran bangun, Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Minta maaf, boleh izinkan saya teruskan ucapan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat bagi Tuaran, sila.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ini kita lakukan walaupun semua kos untuk menampung kewujudan Kem Kinarut ditanggung sepenuhnya oleh Malaysia sebermula tahun 1976 dengan agensi pemantau diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri Sabah dan agensi pelaksana Pejabat Daerah Papar. Ini berlangsung walaupun kita terpaksa membayar dengan kos sosial yang melimpah daripada kewujudan Kem Kinarut ini yang terletak di kawasan Parlimen saya. Hari ini terdapat 2,834 orang penduduk dalam Kem Kinarut ini yang kebanyakannya memegang dokumen pengenalan IMM13.

Rumusan daripada tinjauan yang dibuat pada bulan Mac tahun ini, terdapat tujuh masalah tegar yang tersurat di Kem Kinarut ini. Ianya merangkumi pelupusan najis tidak sempurna, pelupusan sampah tidak sempurna, bekalan air bersih tidak mencukupi, tiada sistem perparitan ataupun saliran, kesesakan akibat luas kawasan berbanding dengan kepadatan penduduk yang tidak seimbang, jangkitan penyakit dan yang paling ketara ialah masalah sosial serta jenayah. Dari sudut kesihatan, unsur jangkitan penyakit yang direkodkan termasuklah yang berkaitan dengan nyamuk, kebersihan diri serta seksual.

Kem Kinarut ini juga dikenal pasti sebagai sarang pengedaran dadah Syabu yang juga menyebabkan jenayah berkaitan dengan ragut dan bunuh. Oleh itu pilihan terbaik ialah dengan menutup dan memindahkan kem penempatan ini ke kawasan baru yang lain. Jika ini dilakukan, agensi pemantau dan agensi pelaksana akan dapat membuat perancangan yang lebih sistematik dari segi kesihatan, kebersihan dan mewujudkan unit-unit kediaman yang lebih tersusun serta sesuai dengan kapasiti kawasan.

Bahkan langkah ini dari aspek kepentingan agensi-agensi keselamatan akan memudahkan kerja pihak Pasukan Petugas Khas Persekutuan untuk mendaftar semula jumlah pelarian yang sah daripada Kem Kinarut ini, sementara bagi pihak polis pula, satu pusat sumber pengedaran dadah dan jenayah yang berkaitan dengan licik dapat dihapuskan. Sehubungan dengan itu adalah saya mengharapkan agar jika cadangan berbentuk penyelesaian total ini nantinya dibawa oleh kerajaan ke pihak Kerajaan Persekutuan, maka ianya akan diterima untuk meyakinkan UNHCR akan rasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titahnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada mengalu-alukan penyertaan yang seimbang dan dalam ekonomi di

kalangan kumpulan etnik dan wilayah. Ini termasuklah menyeimbangkan tahap pembangunan antara sesama bumiputera sendiri. Baginda menyuarakan hasrat kerajaannya untuk meminggirkan mana-mana kumpulan bumiputera daripada arus perdana pembangunan, tidak meminggirkan mana-mana kumpulan bumiputera daripada arus perdana pembangunan.

Untuk itu titah Baginda, perhatian khusus akan diberikan terhadap kumpulan peribumi di Sabah dan Sarawak. Komitmen ini adalah wajar kerana seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum Sabah adalah antara negeri yang kadar kemiskinannya masih berada jauh di atas tanda aras nasional. Kadar kemiskinan 16% tersebut tercatat dengan kaum bumiputera menjadi kumpulan yang menjadi pemberat utama.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan bangun. Hendak bagi jalan?

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Papar dan Tuan Yang di-Pertua. Apakah ini bermakna Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu prihatin dan begitu peka terhadap jurang perbezaan di antara pembangunan wilayah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa untuk memberi peruntukan yang lebih kepada Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini untuk memastikan dalam lima tahun ini dua wilayah ini bangun sama gagah, berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negeri-negeri yang lain?

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa Yang Berhormat telah menyatakan dengan indah sekali cadangan ataupun harapan kami, wakil-wakil rakyat dari Sabah untuk melihat pembangunan dibawa mungkin secara berperingkat tetapi insya-Allah dalam tempoh yang agak dekat memandangkan seperti yang saya nyatakan tadi, kadar kemiskinan di Sabah adalah 16% jika dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan yang hanya 0.5%. Wajarlah Sabah diberikan perhatian yang sewajarnya.

Saya teruskan. Oleh itu peruntukan pembangunan untuk negeri Sabah harus ditimbang tara dengan tahap yang sesuai dengan keperluan untuk mengimbangi ketempangan darjah kemiskinan ini. Dalam erti kata lain bagi tujuan analogi, jika dahulunya hanya kadar 50% sahaja daripada nilai sebenar permintaan yang diajukan, maka untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kadar itu perlu dinaikkan sehingga mencapai 90% untuk kita melihat kesan yang didambarkan.

Dalam masa yang sama, penangguhan projek-projek yang sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh tertentu perlu disifarkan dan ini boleh dilakukan jika agensi-agensinya pelaksana seperti Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah mengurangkan birokrasi dan menggandakan daya pecutan pelaksanaan. Oleh daripada itu peruntukan khusus dan tetap seharusnya digunakan untuk meningkatkan kapasiti penambahan hasil bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Sabah perlu dipertimbangkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Persekutuan.

Skim-skim pembangunan berperingkat secara bimbingan seperti Skim Kampung Tradisi yang kini hanya dibuat dalam beberapa negeri di Semenanjung wajar dilebarkan skop pelaksanaannya ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan pembangunan minda dan kemahiran rakyat luar bandar melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat atau KEMAS mempunyai kesan yang mendalam. Sehubungan dengan itu saya menyeru agar peruntukan dan kekerapan pelaksanaan program-program berbentuk motivasi, kemahiran dan kesedaran isi rumah harus dipertingkatkan dalam konteks negeri Sabah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut bangun, Yang Berhormat.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Izinkan saya teruskan ucapan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tiada masa, minta maaf.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Papar...

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja, sedikit, saya hendak sebut ini pasal bab wanita dan masyarakat. Nanti Yang Berhormat keterlaluhan, susah.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya kena teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk maksud yang sama juga saya mencadangkan agar pegawai-pegawai jurulatih KEMAS ditambah dari segi bilangan dan dilatih tubi agar kapasiti rangkuman sasarannya lebih meluas lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua, adakah saya mempunyai masa yang cukup?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada, tidak ada, Yang Berhormat.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sukan sering dikaitkan dengan belia, lantas kedua-dua *item* ini digarapkan agendanya dalam satu portfolio khas iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Ekspektasi tinggi kerajaan dalam pembangunan sukan yang cemerlang dan pelbagai bentuk pembangunan kebeliaan yang lain memerlukan jumlah pelaburan yang besar untuk mencapai impak yang dikehendaki.

Maka bagi satu rancangan lima tahun yang berturutan seperti Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang, jumlah RM2 bilion adalah refleksi yang lebih membayangkan tampungan cuma separuh daripada keperluan sebenar. Jumlah ini untuk tempoh sedemikian adalah umpama melepaskan batuk di tangga. Sebagai analogi, kita berhasrat memenangi perlumbaan kuda tetapi iltizam yang kita tunjukkan

tidak memadai dengan kapasiti yang kita gunakan bila kita yakini mencapai kemenangan dengan menurunkan seekor keldai sebagai tambatan.

Untuk itu saya meletakkan harapan agar kerajaan menunjukkan gambaran sebenar hasratnya dalam pencapaian sukan dan pembangunan belia dengan memberikan kapasiti yang sewajarnya kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dibentangkan pelannya pada tahun ini.

Maka dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak lagi Yang Berhormat bangun. Segambut.

11.44 pagi.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk. Ada peluang, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Ada, ada!

Dr. Tan Kee Kwong: ...memberi saya berucap pada pagi ini tentang Titah Diraja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk yang lain, Segambut berucap.

Dr. Tan Kee Kwong: Sebagai rakyat Malaysia kita harus bersyukur kepada Tuhan dapat menikmati kehidupan yang aman dan harmoni. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membuktikan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang baik dan berjiwa rakyat. Kami berdoa di bawah kepimpinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan terus menjadi model perpaduan bangsa dan agama yang berharmoni di serata dunia.

Perkara ekologi Bukit Cahaya Seri Alam, Selangor. Laporan mengenai berlakunya pembangunan yang secara tidak terancang sehingga mengancam sistem

ekologi dan juga *biodiversiti* negara di Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam telah mengejutkan penduduk-penduduk di seluruh negara kita.

Kesan kegiatan pembangunan itu telah menyebabkan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi meninjau sendiri tempat tersebut dari udara. Taman seluas 800 hektar kendalian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu hampir menjadi pulau kerana rata-rata garis sempadannya sedang dibangunkan sebagai kawasan penetapan manusia. Taman pertanian berkenaan mengalami kemusnahan ekologi dan juga termasuk kemusnahan flora dan fauna. Apa yang menyedihkan, taman itu telah diluluskan oleh Kabinet untuk dijadikan Taman Botani Negara. Taman agro perhutanan tersebut di dunia menjelang tahun 2007 kini menghadapi kesan alam sekitar yang dahsyat. Perdana Menteri kita melahirkan rasa kesal kerana penerokaan hutan dan penarahan bukit masih berlaku walaupun semua kerajaan negeri diarah mengawasi kegiatan memusnahkan alam sekitar itu.

Sebab-sebab utama perkara ini terjadi ialah pemberian tanah yang telah dipecah-pecahkan kepada 35 pemaju swasta itu akan mewujudkan pembangunan yang tidak terancang, teratur dan kesan alam sekitar yang tidak terkawal. Berdasarkan penyiasatan Utusan Malaysia, beberapa maklumat berjaya dikumpulkan seperti berikut;

- pembangunan dijalankan sesuka hati,
- tidak ada perancangan yang bersatu padu antara 35 pemaju yang diberi hak milik ke atas tanah-tanah itu,
- pemaju-pemaju hartanah menjalankan kerja tanpa kelulusan daripada Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar dengan izin, EIA;
- tanah dan bukit dipotong untuk memaksimumkan pembangunan dan keuntungan;
- tanah kecerunan melebihi 35 darjah turut dipotong sedangkan ia tidak boleh dibangunkan - tindakan yang boleh mengenai kemusnahan ekologi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ada satu sikap yang terbuka, maka rakyat akan bertambah yakin dan juga Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam dan bertanggungjawab mengekalkan keadaan semula jadi dan ekosistem taman itu yang semakin terancam ekoran pembangunan

yang berleluasa dan juga mewartakan status tanah ini sebagai taman negeri yang terletak di bawah satu peruntukan undang-undang khas yang mana sebarang pembangunan atau perubahan status perlu mendapat kelulusan sidang Dewan Negeri.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Segambut. Dari ucapan Yang Berhormat bagi Segambut tadi, saya dapat melihat Yang Berhormat bagi Segambut telah menyebutkan beberapa perkara berkaitan dengan pembangunan. Dalam masa kita menggalakkan pembangunan, kita terpaksa memberikan perhatian kepada alam sekitar dan ini sesuai dengan *Local Agenda 21*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang memberikan penekanan kepada aspek-aspek *sustainable development* ataupun pembangunan yang mapan.

Yang Berhormat bagi Segambut, apa kata kalau kita mencadangkan kepada pemaju-pemaju yang ghairah membangunkan kawasan-kawasan hutan, yang meneroka hutan dan menarah bukit-bukit ini supaya mereka disyaratkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun yang berkaitan iaitu satu pokok yang ditebang oleh mereka, diganti dengan satu pokok yang lain dan satu bukit yang ditarah oleh mereka, dibina satu bukit lain untuk mengekalkan keseimbangan pembangunan kita. Silakan Yang Berhormat bagi Segambut.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Walaupun itu cadangan yang baik tetapi syarat-syarat itu sangat ketat dan kita sudah cukup banyak garis panduan dan arahan, kita tambah lagi. Apa yang mustahak ialah kawalan yang baik dan kita tidak perlu tambah banyak syarat lagi. Apa yang mustahak ialah bagi peruntukan atau bantuan seperti Majlis Bandaraya Shah Alam – nanti saya sebutkan di dalam ucapan sebab dia pun menghadapi kesusahan kerana tidak cukup kakitangan kerajaan dan sebagainya, terima kasih ya.

Sebarang pembangunan mesti mendapat kelulusan daripada Jabatan Mineral dan Geo Sains serta Jabatan Alam Sekitar dan juga meminda Undang-Undang Alam

Sekitar yang lapuk dengan mengenakan hukuman penjara bukan sahaja saman atau *fine*, tetapi hukuman penjara kepada pemaju-pemaju yang melanggar peraturan dan menghentikan semua kontrak kerajaan yang telah diwartakan seperti contoh, saya ingat sekarang kalau katakan rumah teres dua tingkat di kawasan Lembah Klang boleh dijual lebih kurang 400 ribu dan kalau you denda dia, RM50 ribu sebuah rumah, pemaju boleh untung RM200 ribu. Kalau you denda dia RM50 ribu, dalam bahasa Kantonis, dengan izin, [*Bercakap dalam bahasa Kantonis*] “Tidak ada apa-apa masalah” tetapi you bagi peluang dan siapa yang bersalah, *director-director* yang berkeenaan masuk penjara, itu yang dia takut.

Kesimpulannya, apa yang penting hari ini ialah supaya perkara ini tidak berulang dan menjadi pengajaran pahit kepada semua pentadbir dan semua jabatan. Tindakan atau langkah-langkah yang drastik untuk mengubah sikap mestilah diambil dan juga pemaju-pemaju yang didapati bersalah mestilah disenaraihitamkan dan tidak ada tolak ansur dalam hal ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi peluang kepada Putatan, *sorry*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, Putatan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Oh, okay, silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Segambut. Saya sungguh tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat berkeenaan dengan cadangan Yang Berhormat untuk memperketatkan undang-undang bersabit dengan alam sekitar. Saya minta penjelasan atau persetujuan daripada Yang Berhormat. Soal memperketatkan undang-undang alam sekitar ini, saya rasa terpulanglah di mana keadaan yang dilakukannya. Sebagaimana Yang Berhormat tahu, di Sabah, pembangunan di luar bandar ini harus diperketatkan kerana kebanyakan tanah perhutanan di negeri Sabah ini mempunyai beberapa kampung dan penduduk desa yang mengusahakan tanah-tanah pertanian secara berpindah randah. Kebanyakan mereka ini tinggal di bukit bukau yang mengusahakan tanah-tanah mereka di *slope* bukit yang ditegah oleh beberapa jabatan kerajaan, misalnya bukit yang berstruktur lebih daripada 30% ketinggian ditegah. Mereka ini orang-orang miskin,

petani-petani ini mengharapkan kepada hasil pertanian sahaja. Jadi ini telah ditinggalkan, dibakar dan di diskriminasi.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang orang-orang yang tinggal di desa-desa ini? Adakah ini patut juga dihukum mengikut cadangan Yang Berhormat tentang memperketatkan undang-undang alam sekitar ini? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang perkara ini ia tidak mengira walaupun di Lembah Klang atau di desa, siapa yang menjejaskan alam sekitarnya, mesti disiasat dahulu dan dihukum sebab tanah atau hutan itu satu harta yang kita harapkan generasi yang akan datang dapat manfaatnya. Terima kasih ya.

Sekarang, saya sebut sedikit tentang perkara di kawasan saya iaitu Segambut yang menunjukkan satu sikap terlampau atau dengan izin, *greedy* tentang pemaju-pemaju yang berkaitan. Perkara ini – Bukit Kiara Greenland dan pagi ini sebelum saya datang ke Dewan, saya sendiri turun padang pada pukul 7 pagi untuk menyiasat di mana pada waktu itu ramai di antara Ahli Yang Berhormat rakan saya masih tidur di dalam hotel [*Ketawa*] Sebulan dua, ini adalah tempat yang pasti cukup menggemirakan para pencinta alam sekitar kerana isu-isu alam sekitar yang mereka perjuangkan sejak beberapa tahun lalu mula diberikan perhatian serius oleh kerajaan. Pada masa ini terdapat lebih kurang 500 ekar – saya sebut sekali lagi, 500 ekar *greenland* atau tanah lapang di Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Ini terletak di antara Kuala Lumpur *Golf and Country Club* dan juga Taman Tun Dr. Ismail. Beribu orang gemar menikmati pemandangan di sini dan ada di antara mereka yang datang bukan sahaja dari Lembah Klang tetapi juga dari jauh, dari bandar Klang, Kampung Pandan dan sebagainya.

Pada tahun 1995, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan 90 ekar daripada tanah lapang atau dengan izin, *greenland* ini untuk didirikan Pusat Penyiaran Asia dengan izin, *Asian Broadcasting Center* sebagai persediaan untuk Sukan Komanwel 1998. Walau bagaimanapun, pusat penyiaran ini telah didirikan berdekatan Angkasapuri, dekat *Federal Highway*. Baru-baru ini saya dengar khabar-khabar angin, saya pun tidak ada bukti bahawa kawasan yang telah diperuntukkan ini akan digantikan dengan pembinaan kondominium mewah.... saya ingat cukuplah. Bagi pihak penduduk sekitar Kuala

Lumpur dan juga Petaling Jaya serta seluruh Lembah Klang, saya dengan ini menggesa Kerajaan Pusat untuk mengambil semula tanah seluas 96 ekar ini dan menjadikan sebagai tanah lapang atau dengan izin, *greenland* untuk generasi yang akan datang.

Sebagai bekas Timbalan Menteri Tanah, saya mengetahui bahawa kerajaan telah memperuntukkan ini dengan tujuan tertentu dan sudah semestinya tanah ini digunakan untuk tujuan yang telah ditentukan oleh kerajaan. Selepas lebih kurang sepuluh tahun, tanah ini sudah tidak diperlukan untuk pembinaan Pusat Penyiaran dengan izin, *Asian Broadcasting Center* maka kerajaan berhak mengambil semula tanah yang telah diperuntukkan ini. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat termasuk Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini sentiasa *exercise* di kawasan ini. Saya harap, bila sampai komen-komen dari saya...saya sudah tulis surat kepada Ketua Setiausaha Negara, Pengarah Tanah dan Galian dan juga Datuk Bandar baru dan saya harap bagi sokongan kuat daripada Ahli Yang Berhormat sekalian.

Lagi satu perkara yang ada kaitan juga tentang apa yang saya berucap tentang peranan kerajaan tempatan. Kerajaan pusat dan juga dana kerajaan negeri, kerajaan masih mengamalkan sistem yang lama diwarisi dari British dan sistem ini memerlukan perubahan yang drastik dan perkara ini sudah bincang sudah lama dan banyak pegawai kerajaan di sini pun saya harap ambil perhatian. Pada masa ini Kerajaan Pusat mendapat cukai langsung seperti cukai pendapatan daripada syarikat, perseorangan atau income tax, petroleum serta lain-lain. Hasil cukai Kerajaan Pusat yang tidak langsung termasuk duti eksport daripada petroleum.

Kerajaan Pusat juga memungut duti import dan juga cukai tokok seperti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan sebagainya tetapi kerajaan negeri pada masa ini mengalami masalah kewangan yang teruk dan memerlukan suntikan dana dari Kerajaan Pusat. Sebagai contoh saya sebagai wakil rakyat dari Kuala Lumpur, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan lebih kurang RM2 bilion untuk Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan kita sampaikan tahniah dan syabas, bukan saya selaku wakil Kuala Lumpur tidak mahu wang ini tetapi saya ambil contoh sahaja. Kuala Lumpur dapat lebih kurang RM2 bilion ini daripada Kerajaan Pusat tetapi kerajaan negeri seperti Negeri Sembilan tiap-tiap tahun ada hanya lebih kurang RM220 milion untuk seluruh Negeri Sembilan dan Negeri Selangor hanya RM1.2 bilion. Ini bermaksud peruntukan untuk Dewan Bandar

Raya Kuala Lumpur akan lebih tinggi daripada peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Inilah tidak bersesuaian dengan itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti contoh memohon Kerajaan Pusat sudah lama untuk memberikan dana bagi membiayai dan minta izin.....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Nanti, saya tidak cukup masa, kalau ada masa saya beri chance!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat !

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Membiayai Jelutong Sewerage Plan selepas hampir 20 tahun Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah tunggu 20 tahun. Selepas hampir 20 tahun menunggu Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya mendapat peruntukan sebanyak RM465 milion sedangkan syarikat-syarikat swasta di Negeri Pulau Pinang membayar kepada kerajaan pusat cukai korporat dan begitu banyak. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima begitu banyak rungutan daripada orang awam bahawa keadaan persekitaran Batu Feringgi dan lain-lain pantai pelancongan yang terkenal di Pulau Pinang amat kotor dan kerajaan negeri tidak dapat berbuat apa-apa kerana tidak mempunyai wang yang mencukupi bagi memperbaiki keadaan.

Lagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua, Jambatan Pulau Pinang kedua. Kerajaan negeri perlu dengan segeranya membina jambatan kedua yang menghubungkan antara Seberang Perai lebih kurang kawasan Batu Kawan dan bahagian pulau dekat Batu Maung, diteruskan bagi mengatasi masalah kesesakan, sebagai contoh lebih kurang 120,000 buah kereta guna jabatan yang sedang ada dan keselamatan lalu lintas di jambatan yang sedia ada. Kedudukan kewangan ini masih belum mengizinkan, namun kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap berharap supaya Kerajaan Pusat memberikan peruntukan kepada projek tersebut. Kalau tidak ada peruntukan atau jaminan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh teruskan projek ini. Pihak bank juga tidak akan meluluskan pinjaman kerajaan negeri sekiranya tidak mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada Kerajaan Pusat dan anggaran kos lebih kurang RM2 bilion dan juga dana daripada pihak berkuasa tempatan dan ini perkara sangat serius.

Sekarang kita nampak tempat ini yang dahulu seperti Kluang dan lain-lain tempat, Kampar dan sebagainya sekarang kita di kawasan Desa dahulu sekarang ada banyak projek kilang dan taman perumahan dan sebagainya. Juga kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah tidak begitu memberangsangkan kerana hanya bergantung kepada cukai pintu dan kadang-kadang orang yang duduk di sana tidak bayar dan kita sebagai kerajaan apabila hendak menaikkan cukai pintu ada banyak masalah terutamanya dari pembangkang, bercakap kos sudah tinggi dan sebagainya, apa boleh buat. Ini adalah tidak mencukupi untuk melantik profesional seperti arkitek, jurutera, perancang bandar dan sebagainya. Kerja-kerja akan menjadi lambat, sangat lambat dan kita sentiasa maki tetapi apa sebabnya lambat? Sebab dia tidak cukup kaki tangan profesional dan kadang-kadang di atas meja itu yang bahagian technician ada 300 fail dan dia sendiri tidak tahu mana yang **hendak** mulakan kerjanya, susah. Kerajaan-kerajaan akan menjadi lambat dan tidak terkawal selia seperti contoh Bukit Cahaya Seri Alam di Shah Alam Selangor. Masalah birokrasi juga turut akan melambatkan kerja. So cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ialah Kerajaan Pusat diminta memantau perkara ini dengan segera, sudah bincang saya ingat sudah lama tetapi bos yang menjaga wang tidak meletakkan diri.

Kerajaan Pusat diminta berkongsi bersama dengan kerajaan negeri segala cukai yang diperolehi, saya bagi contoh apabila orang di California, USA beli petrol, kerajaan pusat USA dapat cukai, majoriti tetapi kerajaan negeri California pun ada dapat sedikit tax. Itu yang sangat serius. Kerajaan pusat diminta membantu dengan memberikan dana kepada pihak berkuasa tempatan, itu yang sangat penting, Tuan Yang di-Pertua. Sebab sekarang tempat besar seperti Pulau Pinang, Johor Baru, DBKL Kuala Lumpur, Ipoh mungkin Kuantan boleh buat kerjanya dengan sebaik-baiknya tetapi tempat-tempat kecil tidak boleh tahan lagi dan bagaimana kita boleh kritik dan mungkin masalah di lain-lain tempat jadi headline di surat khabar Nanyang Siang Pau, Utusan, New Straits Times dan sebagainya tetapi kita mesti siasat apa sebab perkara ini berlaku? Kita boleh ucap seperti ini lebih 10 tahun, 20 tahun, lebih 50 tahun tetapi kalau kita tidak tukar sistem masalah ini tidak boleh diatasi, tidak boleh selesai...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setuju!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Dan Sri Gading pun setuju ya! Dengan komen-komen itu saya sekali lagi sampaikan ribuan terima kasih atas ucapan titah Diraja yang luas dan tepat, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

12.09 tgh

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. *[Dewan menjadi riuh seketika dan ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi peluang, bersabar untuk saya berucap pada pagi ini. Saya bangun Tuan Yang di-Pertua pertamanya untuk berucap menjunjung kasih ke bawah Tuanku Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi ucapan titah di perasmian parlimen kita baru-baru ini. Daripada ucapan ataupun titah ucapan Tuanku Seri Paduka Baginda, kita dapati bahawa Tuanku adalah seorang raja yang berjiwa rakyat dan seorang raja yang duduk di atas titah di sana tetapi beliau mempunyai perasaan dan juga mempunyai perasaan sayangkan rakyat di bawah pemerintahannya.

Dalam hujah-hujah ataupun dalam titah baginda, baginda telah menyentuh begitu banyak sekali yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin juga kembali kepada Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan budi bahasa. Kempen budi bahasa ini sebenarnya patut bermula di rumah. Kalau dalam rumah tangga kita, anak-anak kita, kita asuh mereka, kita didik mereka secara lemah-lembut maka anak-anak ini akan menjadi seorang warganegara yang berbudi bahasa tetapi kalau di rumah sendiri, rumah tangga kelam-kabut, isteri 'sengyang' pada suami...

Seorang ahli: Apa benda itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Sengyang' itu ialah sergah, kemudian suami pula perang kepada isteri. Jadi apabila anak-anak melihat ini dia akan merasa adakah ini cara hidup dan mereka akan terbawa-bawa dan akan sedemikian rupa. Jadi budi bahasa ini adalah satu benda yang walaupun hari ini kerajaan cuba membina tetapi kita juga harus mendidik daripada rumah, daripada tadika, sekolah rendah, menengah hinggalah ke dewasa.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan bangun Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini tidak beri pun susah nanti ini!

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah mungkin juga peperangan, ketidaktenteraman rumah tangga di rumah mengakibatkan remaja-remaja dan anak-anak kita pada hari ini mereka menjadi samseng jalan raya, menjadi road bully dengan izin, menjadi pelumba motor haram, tiap-tiap hujung minggu di bandar raya Kuala Lumpur ini. Mungkin ini salah satu sebab mereka tidak diberi budaya, tidak diberi kefahaman dan mereka hampir menjadi najis dan sampah masyarakat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pandangan Yang Berhormat tepat sekali. Apabila tidak ada pendidikan, mereka tidak mempunyai perasaan, apabila tidak ada perasaan itulah nasibnya mereka, jadi mereka tidak hirau apa pandangan masyarakat, mereka mementingkan diri mereka. Jadi orang-orang yang tidak berbudi bahasa ini adalah orang-orang yang tidak mengetahui cara budaya hidup dan mereka ini tidak akan jauh ke hadapan.

Bercakap tentang budi bahasa Tuan Yang di-Pertua, kita juga kena melatih orang-orang yang datang daripada negara kita. Terutama sekali apabila mereka masuk ke negara kita untuk...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh, boleh tanya sedikit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini pun satu lagi, ini Parlimen buli.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tahu hasrat Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerai, masalah budi bahasa ini tidak boleh kita kompromi. Dalam Parlimen ini lain, mereka kacau, kita kacau mereka balik. Saya ringkaskan, tidak mahu ambil masa Yang Berhormat. Sama ada kita hendak membudibahasakan masyarakat kita daripada kecil hingga besar atau masyarakat luar kerana inilah budi bahasa kita. Baru-baru ini Formula One seluruh dunia melihat, menonton, kita sebab tidak ada masa sebab jaga kawasan, Yang Berhormat tidak pergi, saya pun tidak pergi walaupun saya tahu bab sukan.

Sekali gus saya bercakap majlis penyampaian hadiah 'cyclist' dengan izin. Main kepala Agong, letak topi, minta maaf, adik Agong ada di sini. Walaupun saya anak raja saya bercakap.

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan marah!

Seorang ahli: Anak Raja Bersiong!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita sudah minta dan sudah tegur sudah, bercakap Utara, dengar ini soalan, dengar dahulu. Saya bercakap di sini, Yang Berhormat baru Hendak bercakap? Formula One, majlis penyampaian hadiah, tidak apa lah yang menang nombor satu, nombor dua kah tidak kiralah sebab kita tidak ada pelumba. Hadiah nombor satu siapa sampai? Pengerusi Petronas, baguslah. Hadiah nombor dua, Menteri Belia dan Sukan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Di mana adatnya? Kalau kita ikut protokol Menteri lah kena beri hadiah nombor satu, Pengerusi Petronaslah beri nombor dua sebab Pengerusi Petronas duduk di situ siapa yang angkat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia yang raja!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita yang angkat, kerajaan yang angkat letak di situ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia itu rajalah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Maka sebab itu Yang Berhormat setuju atau tidak? Supaya soal protokol ini jangan main-main. Supaya orang lihat, bukan main-main silap, silap.

Seorang Ahli: Cukup Yang Berhormat. Cukup!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Walaupun Petronas yang menganjurkannya, kita tahu tetapi Petronas itu adalah kerajaan, siapa kerajaan, kita inilah kerajaan bukan yang sebelah sana.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sabar Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi saya minta Yang Berhormat bahasa halus, setuju atau tidak setuju supaya masalah protokol ini bukan main-main. Kalau ada pembesar datang, bagi dia menyampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Menteri Belia, Menteri Belia dan Sukan yang menyampaikan hadiah tersebut, bukan begitu kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Siapa yang berucap ini, saya kah atau Yang Berhormat?

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Protokol ini, memanglah protokol itu wujud dek kerana budi bahasa. Bila kita ada budi bahasa macam kita hendak masuk hadapan orang-orang tua, berjalan tunduk. Kita hendak masuk rumah bagi salam. Haa, Pasir Mas! Assalamualaikum. Pasir Mas hendak pergi rumah orang dia bagi salam. Ini caranya. Saya memang ada dalam catatan saya tadi. Memang saya tidak bersetuju. Pelumba-pelumba luar sesiapa yang bersukan hendak datang masuk negara kita sesiapa sahaja masuk ke pintu Malaysia tunjuk cara-cara adat budaya orang Malaysia ini. Saya bersetuju macam Le Tour de Langkawi itu.

Pemenang itu dia boleh ambil cap dia, selepas itu letak atas kepala Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ini adalah satu perbuatan yang biadab bagi saya. Kita sendiri tidak buat macam itu. Kita menyembah Tuanku kerana Tuanku adalah kepala negara. Jadi, kalau benda macam ini, kita kata kadang-kadang bila kita tengok *organizer*, alah depa ini orang asing. Oh! Kalau orang Malaysia boleh hormat, orang asing tidak boleh pasal apa?

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Patut depa kena hormat kerana depa mai dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau tidak macam itu.....Pasir Mas nanti sekejap, tengah dok geram ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dok sat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dahulu Pasir Mas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dok sat. Sekejap sahaja. Dia turun sat, nanti Yang Berhormat bangkit.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Budaya ini harus kita beritahu kepada mereka. Begitu juga kalau boleh pada hari itu saya berasa.....tetapi tidak apalah kerana Tuanku kita ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini seorang *gentleman*.

Saya terlihat apabila Tuanku sedang berangkat hendak balik, Tuanku terpaksa angkat kerusi untuk laluan kepada Seri Paduka Permaisuri Agong. Jadi, yang lain sudah elok. Kita sudah *organize* cukup elok, dengan doa apa semua. Cuma ke depan ini, agak-agak di belakang kerusi Tuanku itu kita letak dua bentara untuk hendak jaga pasal tidak manislah Tuanku pergi tarik kerusi. Jadi, yang ini tidak apalah. Yang ini kita perbetul sedikit sebanyak.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila, sila Pasir Mas. Jangan lama, masa tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai di mana budi bahasa mesti diutamakan dalam kehidupan sama ada kehidupan bermasyarakat, kehidupan bernegara ataupun kehidupan berperibadi.

Tetapi apa yang timbul sebenarnya kita terlalu lewat setelah 47 tahun kita merdeka. Kita biarkan anasir-anasir lain mengambil tempat di negara kita. Biadabnya, tidak ada akhlaknya, tidak ada penghormatannya dan pelbagai selama 47 tahun, baru sekarang ini kita rasa. Sudah terlambat. Walau bagaimanapun saya masih lagi meletak

harapan yang tinggi supaya kita kembali kepada asas bahawa negara kita ini titik tolaknya berdasarkan kepada budi bahasa.

Jadi sebaik-baiknya kita rujuk kepada ajaran Islam sebagai tonggak perjalanan ataupun apa yang berlaku di negara kita ini. Bermula daripada ajaran-ajaran inilah sebenarnya dapat melahirkan satu bangsa yang baik dan satu bangsa yang utuh untuk masyarakat kita dan seterusnya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berasa lega pada pagi ini Yang Berhormat apabila Yang Berhormat dan juga pemimpin parti Pembangkang PAS telah mengeluarkan bahawa kita kena berbudi bahasa dan berlemah lembut kerana yang anasir luar dok masuk mai Yang Berhormat dok kacau kita ini kerana kita sama kita dok maki hamun.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Betul tidak? Jadi sekarang ini Yang Berhormat kata macam itu, jadi kita ceramah tidak lama lagi Yang Berhormat pada masa pilihan raya jangan dok makilah sesama kita.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Satu sahaja yang saya hendak minta. Alhamdulillah, syukur. Alhamdulillah Yang Berhormat telah sedar kerana kita tidak mahu maki hamun ini. Kita sama-sama makan nasi ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada lagi Yang Berhormat? Saya tidak bagi pun kasihan. Kawan-kawan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Ketawa]* Sebenarnya salah faham itu.

[Dewan menjadi gamat dengan ketawa].

Kalau Yang Berhormat Jerai pergi ke Pasir Mas tidak ada maki hamun – tidak ada. Saya dengan Barisan Nasional saya *sporting*. Saya tidak pernah maki dia dan dia tidak pernah maki saya. *[Tepuk]*

Saya terangkan bahawa PAS ini adalah perjuangan yang baik. Perlu diberi kesempatan untuk memerintah negara sekali.

[Dewan menjadi gamat dengan ketawa]

47 tahun.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, lagi baik kalau PAS masuk Barisan Nasional dan kita memerintah negara bersama. Pasal kita pun sudah bagi negeri Kelantan, tidak berapa boleh pi, Terengganu lingkup terus jadi macam mana hendak bagi negara, Yang Berhormat. Jadi, tidak apa. Jadi, kita mai sekali. Rokat tidak apa dia hendak pi ke sana, biar dia pi. Tetapi Yang Berhormat pun mai lah. Kita berkawan elok-elok. Jadi, satu hal ya budi bahasa, Pasir Mas ya.

Yang keduanya, penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua. Kita dalam Dewan Rakyat ini meluluskan rang undang-undang ini cukup banyak. Tiap-tiap kali Dewan Rakyat bersidang ada sahaja rang undang-undang yang diperbaharui, diluluskan untuk kesejahteraan rakyat, untuk kebaikan negara, untuk mengupdatekan peraturan dan undang-undang di negara kita ini. Tetapi saya dapati bahawa kelemahan ini adalah terletak di bawah penguatkuasaan. Di sinilah kebuntuannya berlaku dan apabila penguatkuasaan ini tidak sebegitu baik, maka orang berpendapat bahawa undang-undang itu tidak baik, bahawa undang-undang itu tidak adil disebabkan oleh penguatkuasaan.

Oleh yang demikian, beberapa faktor menyebabkan penguatkuasaan ini tidak berjalan dengan lancar disebabkan oleh yang pertamanya ialah kekurangan tenaga-tenaga dan pegawai-pegawai penguatkuasaan. Saya minta JPA supaya bertindak meluluskan permohonan-permohonan yang dibuat oleh kementerian-kementerian untuk memperbanyakkan pegawai-pegawai penguatkuasaan supaya mereka ini dapat menjalankan tugas. Ini kadang-kadang satu kementerian mempunyai peraturan-peraturan yang cukup banyak di bawahnya, tetapi tidak dapat hendak dijalankan disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasaan.

Yang keduanya, pegawai penguatkuasaan ini harus dilatih supaya mereka ini menjalankan tugas dengan tertib, dengan berbudi bahasa walaupun kita hendak saman seseorang atau walaupun kita hendak denda seseorang itu, *approach* kita itu baik. Biar *approach* itu memalukan orang itu dan melemahkan.

Saya biasa ke Korea Tuan Yang di-Pertua dan saya biasa lihat pemandu di Korea yang membuat kesalahan ketika memandu kereta. Apabila seorang polis datang,

polis itu tabik dahulu untuk memberi penghormatan kepadanya. Kemudian dia beritahu bahawa saudara telah melakukan kesalahan-kesalahan ini dan terus disaman orang itu.

Kita di sini, kita nampak pasukan keselamatan, polis kita semua ada berjalan dengan baik dan tertib mengawal keadaan. Tetapi ada juga sesetengah agensi-agensi kerajaan atau badan-badan kerajaan yang mempunyai penguat kuasa, tetapi mereka mungkin tidak arif dari segi perundangan dan cara-cara hendak menjalankan tugas ini. Ini menyebabkan kadang-kadang masyarakat memandang serong kepada kerajaan kepada undang-undang yang kita ada. Contohnya berlaku peristiwa-peristiwa menangkap anak-anak muda di dalam kelab malam, *beer bar* dan sebagainya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mungkin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Penguatkuasaan, dan saya hendak balik sedikit kepada moral boleh atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sekarang ini ada terdapat dua aliran pemikiran mengenai moral tadi. Satu mengatakan bahawa soal moral adalah soal peribadi. Soal moral perlu dikuatkuasakan di rumah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Tetapi ada satu lagi aliran pemikiran mengatakan soal moral adalah soal yang melibatkan juga perundangan, iaitu perlu ada undang-undang untuk menyekat keruntuhan moral dan sebagainya. Sekarang ini perkara ini sedang hangat diperdebatkan. Hari Isnin lepas kita mendapat taklimat daripada satu kumpulan yang mempunyai aliran pemikiran bahawa soal moral adalah soal peribadi dan tidak boleh dikuatkuasakan melalui perundangan.

Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini terutama dari segi soal penguatkuasaan. Sebab apabila ada undang-undang akan ada penguatkuasaan dan kadang-kadang cara penguat kuasa itu terkeluar daripada lunas-

lunas yang sepatutnya. Jadi oleh itu pandangan mereka tidak perlu ada undang-undang langsung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya setuju Yang Berhormat. Kalau tidak ada undang-undang, huru-hara negara kita. Kalau tidak ada undang-undang yang dok hisap dadah itu hisaplah. Kemudian yang dok pi bar, yang dok hohahaha ini tidak apa sebab tidak ada undang-undang. Undang-undang dalam sebuah negara itu perlu untuk menjaga ketenteraman negara itu. Apatah lagi kita negara Islam. Undang-undang ini harus kita jaga kerana kita isytiharkan negara kita negara Islam. Kita tidak boleh tunjuk moral rakyat kita ini begitu teruk sedangkan kita adalah negara Islam.

Jadi, kalau kita kata moral itu adalah hak milik tertentu, jadi kita tidak perlu ada penjara, tidak perlu ada hakim. Ikut suka. Kalau orang itu hendak berjalan tidak pakai baju, tidak pakai seluar biar pi kat dialah, itu hal dia. Kita mahukah tengok macam itu? Kita mahukah tengok satu hari nanti lelaki dengan lelaki pegang tangan lembut dok bergolek punggung.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mahukah? Haa, geli. Kita tidak mahu benda itu. Tetapi di negara Barat lelaki dengan lelaki boleh kahwin, Pasir Mas woi! Tidak tahu dia bubuh kot mana. Tapi dia boleh kahwin.

[Dewan menjadi gamat dengan ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hai! Haiya, terkejutlah. Jangan marahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Bagi, bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagilah, kasihan pada dia. Jangan marah sudah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya tidak setuju langsung dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Kalau pada zaman era ini, era globalisasi IT kita masih menggunakan undang-undang bagi menguatkuasakan akhlak dan moral individu kita ketinggalan. Kita bawa generasi kita

ke zaman purba. Yang pentingnya adakah Yang Berhormat setuju ialah kekuatan iman dari dalaman bukan sampai hendak adakan undang-undang pergi tangkap orang.

Apakah garis panduan kita perlu gunakan, pakaian ini senonoh atau tidak senonoh. Ini bergantung kepada individual. Kita tidak patut menggunakan undang-undang untuk penguatkuasaan sebab setiap seorang pegawai penguat kuasa mempunyai pandangan yang berlainan. Cara saya pakai ini ada yang kata tidak elok, ada yang kata elok.

Beberapa Ahli: Elok, elok!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, okay Yang Berhormat. Okay.

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi contoh.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, okay.

Cik Fong Po Kuan:yang pakai pakaian dan juga pegawai yang tidak sensitif langsung. Yang tidak *up to date* dengan *trend* orang muda. Yang penting ialah individu diajar bagaimana menjaga maruah diri. Bagaimana berpakaian yang sesuai.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu Seputeh lagi elok.

Cik Fong Po Kuan:untuk menghadiri jamuan yang sesuai atau ke tempat yang sesuai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, okay. [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Cik Fong Po Kuan: Jadi, Yang Berhormat saya rasa Yang Berhormat ketinggalan dari segi mental dan tidak *up to date* dengan keperluan generasi muda ini dan tidak sensitif langsung. Jadi Yang Berhormat, saya pohonlah kalau orang muda tidak kira apa kaum pakai yang tidak berlungan *sleeveless* atau *spaghetti straight*, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai pakaian sedemikian?

Beberapa Ahli: Seksi!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Seputeh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: *So, what is the yardstick?*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudahlah itu. Okaylah.

Cik Fong Po Kuan: Jadi tidak patutlah ada undang-undang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, sudahlah saya sudah bagi peluang.

Cik Fong Po Kuan: Inilah masalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup!

Cik Fong Po Kuan:negara tidak boleh maju. Inilah.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk dalam bahasa Mandarin]*

Cik Fong Po Kuan: Ini warga tua ini.....

Seorang Ahli: Woi! Menghina, menghina. Jerai menghina ini.

Seorang Ahli: Siapa yang cakap ini?

Cik Fong Po Kuan: Tadi Yang Berhormat punya rakan pun macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh cukup.

Cik Fong Po Kuan: Saya hanya ambil separuh dari masa itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Duduklah.

Cik Fong Po Kuan: Ini jagalah.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Cik Fong Po Kuan:jaga sikaplah. Jaga sikaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]* Inilah Tuan Yang di-Pertua, saya bagi peluang pada dia, dia marah sama saya. Inikah budi bahasa?

[Dewan menjadi gamat seketika]

Macam inikah budi bahasa? Saya baik, saya lembut tetapi keras dalam perjuangan.

[Dewan menjadi gamat dengan ketawa]

Jadi Yang Berhormat macam ini, undang-undang peribadi. Okay kalau macam itu Yang Berhormat Batu Gajah kata, kalau kawan itu pergi bunuh anak ataupun adik

Yang Berhormat kerana moral dia itu teruk, Yang Berhormat kata ini tidak payah guna undang-undang.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, mohon penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Duduk, duduk. Ini siapa bagi jalan?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat jangan bagi ekstrem. Bunuh itu adalah jenayah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, Seputeh dia tidak bagi.

Cik Fong Po Kuan: Sekarang saya kata pakaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah dia tidak bagi, tidak bagi. Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang saya pertikaikan.....

Cik Fong Po Kuan: *[Terus bercakap tanpa menggunakan mikrofon]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah kena ikut peraturan. Batu Gajah sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay duduk Yang Berhormat. Kemudian kita hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara Islam.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis, Lipis bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sat, sat. Bagi saya habis geram dahulu.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Negara kita negara Islam. Dalam Islam tidak boleh lelaki dan perempuan bukan mahram berpegang-pegang tangan, berjalan-jalan begitu haram dari segi Islam. Kita gunakan yang ini al-Quran kata! Dalam al-Quran mengatakan haram. Tidak boleh kalau bukan mahram kita pegang-pegang dan berpeluk-peluk.

Jadi, yang ini undang-undang Islam yang kita kena buat dan kita kena jaga akhlak umat Islam di negara kita. Saya tidak kacau kalau Batu Gajah hendak pakai *bikini*, pakailah. *You* punya pasal, saya tidak marah. Kalau saya geram, saya tengok tempat lain saya tidak tengok Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Habis cerita kerana budi bahasa dan moral saya baik.

Tetapi adakah kita bermoral kalau anak muda yang sepatutnya ada di rumah pukul tiga, empat pagi mabuk dengan dadah dan sebagainya, dan kerajaan hendak biarkan benda ini? Ini salah. Kerajaan bertanggungjawab, kalau kerajaan biarkan walaupun tanggungjawab moral adalah tanggungjawab ibu bapa dan tanggungjawab individu itu sendiri. *[Tepuk]* Sebab itulah kita ada Dewan Rakyat, Parlimen dan Dewan Negara untuk gubal undang-undang bagi memastikan rakyat kita jangan jadi *barbarian*, rakyat kita jangan jadi orang hutan, jangan jadi orang zaman batu dulu tidak pakai baju, tidak pakai seluar. Saya tidak kisah, apa salah dia orang kata itu kompelin fasal pergi tangkap tiga orang model yang membuat *fashion show*, apa cakap fasal moral kalau dia sendiri boleh naik atas pentas, tunjuk punggung, tunjuk dada kepada orang. Moralkah itu?

Apabila pegawai penguat kuasa okay, mungkin cara tangkapan itu agak silap tetapi itu pentadbiran, boleh diperbetulkan. Tetapi pada hakikatnya, tidak boleh kita pinda undang-undang Allah, undang-undang Al-Quran untuk menyesuaikan dengan zaman pada hari ini. Yang itu, *no way* yang kita boleh ubah. Saya pertahankan yang itu fasal kita kena pertahankan kerana kalau tidak teruk di akhirat kelak. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Duduk, saya bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya setuju lebih daripada 100 peratus saya setuju. *[Tepuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tetapi dengan syaratnya biar sungguh-sungguh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Anak-anak tak adakah?
[Ketawa] Banyak ceritanya. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, penguatkuasaan ini, tidak mengapalah, kita *train*. Saya minta pegawai-pegawai penguat kuasa kerajaan latihkan. Depa sudah buat kerja elok dah, kadang-kadang pegawai tidak cukup dan sebagainya.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, apa lagi Batu Gajah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Tak kan minta jalan macam ini dengan saya. Tidak boleh, macam ini. [Menunjukkan gaya kepada Yang Berhormat Batu Gajah] Duduk Yang Berhormat, duduk. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dia tidak bagi Batu Gajah, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bukan marah. Yang datang jumpa kita baru-baru ini, dia tidak ditrain. Tidak mengapa, benda tidak betul, rujuk. Kalau hal Islam, rujuk kepada mufti-mufti, rujuk kepada badan-badan Islam, badan-badan agama yang ada, rujuk sebelum kita buat sesuatu tindakan. Kita tidak mahu anasir-anasir luar memperalatkan organisasi-organisasi, NGO dalam negara kita ini untuk mencapai matlamat mereka. [Tepuk] Pada zaman sekarang ini, macam-macam boleh berlaku, dia boleh berlaku macam-macam. Bukan kita memandang serong tetapi kita hendak beri tahu kepada mereka supaya mereka jangan terperangkap di dalam agenda-agenda yang cuba hendak memecahbelahkan umat Islam dan rakyat majmuk di dalam negara kita ini.

Tuan Baharum bin Mohamed: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lagi satu, fasal halal haram. Saya nak kena bercakap.

Tuan Baharum bin Mohamed: Hello. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi peluang Yang Berhormat? Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Tuan Baharum bin Mohamed: Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang JPA. Kita di dalam Parlimen ini, di dalam Dewan ini meluluskan banyak akta-akta, rang undang-undang untuk penguatkuasaan tetapi apabila ia diimplementasikan, nampaknya banyak yang gagal dan adakah, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, JPA adalah satu badan yang kedekut untuk bagi peruntukan pegawai-pegawai ataupun peruntukan kewangan yang diperuntukkan untuk kakitangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan kedekut, depa barangkali tak tahulah, kedekut pun kedekutlah fasal bila kita pergi di mana kementerian pun dok kompelin tidak cukup pegawai. Ini kerajaan hendak pi ke asas tani apa semua ini, kalau kita tengok di Parlimen Jerai saya ada seorang Pegawai Pertanian hendak jaga satu kawasan Parlimen. Jenuh dia hendak jaga. Jadi JPA pun *clear*lah cepat-cepat, apa masalah. Duit minta pada *Treasury*, proses jalan, ambil melalui Program Isi Penuh budak-budak *graduate* kita ini, serap depa masuk, buat kerja.

Saya kesian kerana pegawai penguat kuasa, Tuan Yang di-Pertua, depa berdepan dengan keadaan keselamatan depa. Macam polis kadang-kadang kena tembak dan sebagainya. Bila tersilap nanti depa kena balik. Yang ini kita pun kesian pada depa, jadi bagilah *enforcement* yang cukup baru negara kita selamat negara kita ini. Yang pendatang haram mai kerana *enforcement* kita lemah, fasal yang masuk terlampau banyak, kerja lain banyak, polis ini nak kena buat macam-macam, macam mana nak 'dan', depa pun tak 'dan'. Jadi JPA kenalah faham, bagilah, apa salahnya.

Lagi satu berkenaan dengan halal haram. Dulu saya mencadangkan, negara kita negara Islam, kalau seorang umat Islam ataupun Tok Arab manakah mai di Malaysia, dia turun kapal terbang, dia mengatakan negara ini negara Islam fasal dia sudah dapat *information*. Jadi dia pi makan di mana pun dia kira halallah. Jadi, la-ni, saya hendak mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya hanya kedai-kedai, restoran-restoran,

apa sahaja jenis perniagaan yang tidak halal sahaja dipelekatkan dengan pelekat “Tidak Halal”. Yang lain itu kita *consider* sebagai halal.

La-ni, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Datuk lalu satu lorong kedai, kemudian Datuk tengok satu kedai itu tulis tanda “Halal”. Kalau saya sebagai Sheikh Badarudin Al-Kedari [*Ketawa*] Ana turun kapal terbang, ana jalan-jalan ana nampak “Halal” [*Meniru gaya cakap orang Arab*] saya berasa kedai ini halal manakala kedai lain yang tidak ada pelekat “Halal” ana anggap tidak halal. Tidakkah aniaya?

Jadi ini satu pandangan yang baik – hak yang tidak halal pun pelekat macam kita pergi *supermarket*, kadang-kadang di satu kawasan itu dia ada kawasan yang menjual barangan tidak halal sebab ada jual khinzir dan sebagainya, bubuh barangan makanan yang tidak halal. Hak lain dalam *supermarket* itu halal. Jadi tak kan nak pelekat semua halal, halal, halal. Nanti orang turun kapal terbang, orang kata Malaysia, “Ya halal”. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Rumah pun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, rumah pun bubuh “Halal”, kalau tidak orang tidak mai. Tidak boleh, jadi yang tidak halal itu kita pelekat “Tidak halal” manakala yang lain kita *consider* sebagai halal. Orang kata pelik. Tidak pelik eh, nak pelik apa? Macam Tuan Yang di-Pertua pergi buat umrah turun di Jeddah, *hotdogkah*, apa *dogkah* semuanya halal di sana. Bukan? Kita makan. Negara kita pula orang anggap sebagai halal, pengilang-pengilang buat Nestle, cap, eksport benda kita pi luar negara fasal dianggapkan negara kita halal. Kemudian macam Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pun dia bukan makan daging, dia susah hati apa? [*Menoleh ke arah Yang Berhormat Cameron Highlands*] Bukan? Tak pa, bubuh tanda halal apa semua itu ini, kedai yang tidak halal, bubuh “Tidak halal” jadi saya boleh tahu. Oh, saya masuk-masuk, “Ha, kedai ini tidak halal”, saya tidak pi. Hat lain tu, halal.

Kemudian, kalau ada yang tidak berpelekat “Tidak halal” tetapi mengamalkan perbuatan-perbuatan yang haram ...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: maka dia boleh didenda. Haa, yang tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands minta penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Apa cerita Cameron Highlands tadi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menoleh ke arah Yang Berhormat Cameron Highlands sambil memberi tanda hormat mengikut adat orang Hindu]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh jelaskan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dah fasal ...

Seorang Ahli: Mengantukkah tidur?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tidurkan tadi? *[Ketawa]* Yang Berhormat tidur nak suruh saya ulang, masa saya. Kemudian satu lagi Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya ini fasal luar bandar, saya bila baca surat khabar, saya baca, *[Membaca daripada surat khabar]* "Penduduk guna ayer bekas lombong gatal kulit" saya pun bacalah. Baca, baca, dia bubuh tang tu "Sungei Petani – Sebahagian 200 penduduk Kg. Batu Satu, Pendang Lombong, Bidong, dekat sini", mai, mai tang Bidong, kena di kawasan saya. Saya minta kepada kerajaan supaya menolong kawasan luar bandar. Zaman selepas kita Merdeka, kesian tengok budak ini, Mohd Shahrul Akmar *[Membaca keratan akhbar]* sudahlah jantung berlubang, mandi air telaga, air pula gatal. Kesian dekat dia, hak berlubang, berlubang, hak gatal, gatal, macam mana saya nak hidup? *[Ketawa]* Saya baca ini saya kena selesai masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nanti sat, ini kes nak mati, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah, gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi saya minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah selesaikanlah masalah luar bandar, dah tak larat

bercakap dah. Kalau saya tidak bercakap pun, bila balik ke rumah, dia kata, "Datuk, hang pi Parlimen hang buat apa?" "Bercakap aku dah bercakap" "Ni rumah aku tak ada lagi, nak buat macam mana?" "Hang sabar sat". Jadi sabar, sabar, itu sahaja yang kita boleh cakap. Saya haraplah kerajaan supaya tolonglah bantu luar bandar.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penswastaaan, saya hendak tahu daripada kerajaan setakat hari ini berapa buah syarikat milik kerajaan yang telah diswastakan. Saya hendak tahu juga dia swasta pi dekat siapa? Yang ketiga, saya hendak tahu juga, berapa banyak sudah syarikat kerajaan yang diswastakan tetapi dia tidak bayar duit kepada kerajaan, syarikat dok kat dia. Ini yang saya nak tahu. Saya juga hendak tahu, berapa syarikat yang diswastakan telah rugi dan diserahkan kepada kerajaan. Itu yang saya hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu lagi, hubungan Malaysia dengan Indonesia. Hak ini, Tuan Yang di-Pertua, kita jangan dok bergaduh sangatlah sesama kita, tolong-menolong, "cubit paha kiri paha kanan sakit". Adik-beradik, tidak usahlah kita bergaduh, kita pakat-pakat sabar, mungkin depa pun ada masalah depa, kita pun ada masalah kita. Kalau kita bawa pula hak yang Pakistan seramai 100,000 ini, keturunan Kalabakan mai [*Sambil memandang ke arah Yang Berhormat Kalabakan*][*Ketawa*][*Disampuk*] Ha! Ha! Dia Arab. *Sorry*, dia Arab. [*Ketawa*] Fasal saya tengok hidung macam hidung Pakistan. [*Ketawa*] Dia mai hidung Pakistan, Tuan Yang di-Pertua, teruk kita. Saya biasa di sebelah kampung, hak mai naik jual karpet, Tuan Yang di-Pertua, dia jual karpet besar, dia ambil karpet kecil, bawa balik kat dia. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, yang itu susah kita, Tuan Yang di-Pertua. Depa ni budaya dia lain, budaya bukan macam budaya kita, sebab itu depa pakai seluar labuh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, sudah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: depa tak pakai seluar macam orang Melayu kita. [*Ketawa*] Jadi saya hendak peringat Dewan yang mulia ini, kalau

nak bawa masuk, kaji dulu budaya depa itu, sama ada budaya itu sesuai atau tidak sesuai dengan kita. Hak yang Indonesia itu budaya depa lebih kurang kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: kita serumpun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa cerita ni, karpet besar karpet kecil ini? *[Ketawa]* Karpet apa? Tak faham kita. Karpet besar jual, karpet kecil dibawa balik. Ini karpet apa? Cuba Yang Berhormat bagi Jerai tolong jelaskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Depa ini pergi berniaga karpet, bubuh karpet belakang motor, nak jual di kampung. Sambil dok jual karpet tu dok kerling biji mata. Dia tolak karpet kat emak mertua, dia balas anak orang itu bawa balik jadi bini dia. *[Ketawa]* Itulah kerja dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu keluar mai hidung, hidung boleh kupas nyiorlah, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* fasal hidung tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi tidak lama wajah Malaysia akan menjadi wajah *Shah Rukh Khan*, kita pun teruklah masa itu. Jadi ini yang kita nak kena jaga, hak mai ini kita kena pilih sama. Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita biar dia akan menjadi masalah sosial tidak lama. Hak hero, hero kita dok masuk pusat serenti, mai hero itu ganti hero kita, dia keluar mai anak, jadi macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi orang mai Malaysia, orang pi Pakistan tak lama dia kata, "Ai, sama lebih kurang Pakistan dengan Malaysia ni". Masa itu Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun kacau. Dia bukan kira dah Melayu atau Cina dia

nanti ambil fasal [*Menuturkan beberapa patah perkataan Kantonis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dimaksudkan*] ... muka dia cantik. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okay Yang Berhormat bagi Jerai. Cukuplah Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, last sekali Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Last sekali rakyat istimewa, Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia ini kita ada banyak rakyat istimewa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Ni, kesian rakyat istimewa. Depa minta suruh saya bercakap ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya faham tu, Yang Berhormat telah mengambil masa yang banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berdosa Tuan Yang di-Pertua kalau saya tidak bercakap kerana depa minta depa ini orang yang istimewa, Tuan Yang di-Pertua. Kesian dekat depa, depa bercakap tak berapa boleh, berjalan pun tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak habak sikit sahaja, minta kerajaan tolong ... [*Disampuk*] jangan cakap macam tu, nanti lu punya anak keluar istimewa, you susah. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan tolong bagi peruntukan yang lebih untuk membela anak-anak istimewa dalam negara kita ini, sudah kuai banyak, beri depa peluang, bagi kemudahan-kemudahan asas, kemudahan-kemudahan dalam publik kepada mereka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih kerana memberi masa yang lebih kepada saya untuk bercakap dan saya harap yang lain-lain jangan marah. Saya menyokong Usul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Labuan.

12.43 tgh.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta di dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada sidang kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah memaklumkan bahawa ujian ke atas produk sosej daripada dua syarikat - Pola Sausage House Sdn. Bhd dan Pacific Refrigerating Sdn. Bhd. tidak dibuat daripada sumber babi.

Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada menyentuh tentang produk halal ini. Saya tidak bercadang untuk mengulas Tuan Yang di-Pertua, kerana telah banyak diperbahaskan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Walau bagaimanapun, saya ingin menambah sedikit kerana timbulnya keraguan yang begitu tinggi di kalangan umat Islam tentang kekecohan yang ditimbulkan baru-baru ini. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, memandang produk halal ini pasarannya begitu besar. Saudara saya Yang Berhormat bagi Kudat ada menyebutkan bahawa untuk pasaran *Middle East* sahaja ianya melebihi USD9 bilion nilai permintaan eksportnya.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai banyak GLC di negara ini. Kita ada Telekom, kita ada Tenaga, kita ada MAS dan ada beberapa lagi, di mana kerajaan secara langsung terlibat selaku pelabur ataupun pemilik saham terbesar syarikat-syarikat tersebut.

Jadi, untuk memastikan supaya kita tidak kehilangan perniagaan produk makanan halal ini, disebabkan oleh beberapa syarikat yang tidak bertanggungjawab. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mencadangkan kepada Tabung Haji untuk terlibat dalam industri memproses ataupun mengeluarkan makanan halal ini untuk kegunaan dalam negeri dan juga untuk dieksport kerana hari ini Tabung Haji terlibat dengan pelbagai perniagaan. Jika dibandingkan dengan perniagaan-perniagaan lain, saya rasa adalah lebih relevan untuk Tabung Haji diberikan kebenaran untuk melabur dalam industri pengeluaran makanan halal, di mana pasarannya yang kita sedia maklum adalah begitu besar sekali.

Sekali gus dengan penglibatan Tabung Haji dalam perniagaan mengeluarkan makanan halal ini, akan menghakiskan perasaan ragu umat Islam, terutama yang ada di

negara ini. Jika tidak kita akan sering kali berdepan dengan masalah ini, lepa satu, satu. Sekarang ini Menteri kata, ini sah. Enam bulan akan datang lagi akan timbul lagi keraguan. Apabila perkara ini sudah berlaku, untuk kita yakin susah, Tuan di-Pertua. Hari ini saya sendiri walaupun Menteri kata tidak ada, tidak semudah itu untuk menghilangkan keraguan saya untuk menyuruh anak saya beli sosej, walau dari jenama apa sekalipun kerana kita tidak tahu, apakah mereka ini betul-betul tidak melakukan.

Apakah ujian makmal tersebut dapat dipercayai kesahihannya? Jadi, ini yang saya rasa perlu kerajaan lihat, kerana sebentar tadi Yang Berhormat bagi Jerai juga kata, kita ini mengisytiharkan negara Islam, jadi tidak sepatutnya makanan-makanan seperti ini dipertikaikan halal haramnya terutama oleh orang Islam. Jadi, Tuan di-Pertua, saya mohon mencadangkan kepada kerajaan supaya tubuhkanlah lagi satu JLC, cadangkanlah kepada Tabung Haji. Saya yakin, pelabur-pelabur Tabung Haji termasuk saya sendiri yang mempunyai akaun di Tabung Haji redha dan pasrah, dividen-dividen saya tersebut digunakan untuk dilaburkan ke dalam industri pengeluaran makanan halal ini kerana ia penting untuk anak cucu cicit kita dan juga umat Islam sejagat.

Saya rasa Tabung Haji tidak ada masalah dari segi modal, jika sekiranya ditimbulkan modal untuk menubuhkan kilang mengeluarkan makanan ini berjumlah sekian-sekian. Saya tidak rasa Tabung Haji ada masalah daripada Tabung Haji terlibat dengan projek perumahan dan sebagainya, saya ingat terlibat dalam industri mengeluarkan makanan ini adalah jauh lebih baik dan juga menguntungkan kerana *demandnya* begitu besar. Yang kedua Tuan di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya kita tidak timbul perbalahan di kemudian hari.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sebentar! Adalah tidak mustahil sebenarnya kerajaan mengeluarkan satu polisi. Ini melibatkan makanan, Tuan Yang di-Pertua. Kita cukup sensitif sebagai orang Islam tentang makanan ini. Kenapa kita biarkan syarikat yang untuk mengeluarkan makanan Islam ini daripada syarikat-syarikat yang pemegang sahamnya, Ahli Lembaga Pengarahnya, mereka yang bukan beragama Islam. Jika sampai mereka melakukan kesilapan, tersilap, apakah besok apabila anak kita termakan sosej bercampur daging babi, kita akan katakan minta maaf, termakan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak, bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Adakah perkataan terhalal, terharam dalam terminologi halal haram ini? Jika tidak ada Tuan di-Pertua, saya minta perkara ini dikaji oleh kerajaan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Tuan di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan kerana memberi laluan kepada saya. Dalam kita memperkatakan soal halal haram ini, kita tahu bahawa baru-baru ini setelah mendapat analisis keputusan dari makmal, kita mendapati bahawa sosej yang dikatakan sosej itu merupakan sosej yang haram setelah mendapat analisis makmal, dikatakan bahawa tidak ada sumber-sumber daripada daging yang haram dalam sosej tersebut. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita tahu bahawa perkara ini di masa hadapan, kita harus berhati-hati sebelum kita terus mengisytiharkan bahawa perkara itu halal dan haram?

Pada saya harus dilakukan sesuatu kajian yang lebih terperinci dahulu ataupun satu kajian dahulu sebelum kita mengisytiharkan ataupun menuduh ataupun mengatakan sesuatu itu halal atau haram. Ini bukan sahaja boleh meresahkan masyarakat, tetapi juga boleh menimbulkan ketengan-ketengan pada pandangan saya. Kita bersetuju penggunaan logo halal itu mungkin disalah gunakan. Itu kita bersetuju tetapi soal mengatakan bahawa penggunaan bahan itu halal dan haram, harus ada kajian yang terperinci dahulu sebelum kita mengisytiharkan bahawa premis tersebut ataupun kilang tersebut menjual sesuatu yang haram kerana kalau tidak, ini akan menjadi satu tamparan bukan sahaja kepada kerajaan, tetapi juga kepada badan-badan yang menguatkuasakan agama.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Gombak. Itu makanya Tuan di-Pertua, untuk mengelakkan daripada berlaku kemungkinannya berlaku pertelingkahan daripada perkara-perkara yang boleh kita elakkan. Maka, saya mencadangkan kepada kerajaan, supaya kita buat satu polisi hanya syarikat yang pemegang sahamnya 100%, Ahli Lembaganya 100% dan pekerja kilangnya 100% yang beragama Islam sahaja dibenarkan mengeluarkan produk makanan untuk disimpan ataupun di taruk logo halal. Yang lain-lain itu, jelas, kita tidak

benarkan kerana mungkin mereka akan menggunakan perkataan, "Oh, saya tidak tahu", contoh. Kita bersembang dengan kawan-kawan kita, dia kata yang sembelih ayam itu orang Islam. Dia sembelih, dia tengok, dia lihat. Tiba-tiba tiga orang sakit. Dia kena sembelih ayam yang begitu banyak, 50 atau 500 ekor satu hari.

Apa kata kalau tauke yang tengok itu, dia tengok cara kita sembelih, dia ikut. Dia ikut cara kita potong ayam, tetapi dia kata dia tidak membaca bismillah. Bolehkah kita kata, ayam yang disembelih itu kita boleh makan? Mana boleh, sudahlah dia bukan Islam, dia kata bismillah sekalipun ayam yang disembelih itu tidak akan halal jadinya. Jadi jelas, macam Yang Berhormat bagi Jerai, saya setuju hukum halal haram ini kita jangan gunakan akal logik untuk menerima. Tidak boleh. Jadi, kita kena bertegas, kerajaan kena bertegas. Kita tidak mahu hangatkan isu ini, tetapi keberkesanannya, keraguan yang telah ditimbulkan tidak akan hilang dengan begitu mudah hanya dengan penjelasan bahawa kita telah membuat ujian makmal dan sebagainya. Harus ada pendekatan. Kerajaan harus memandang serius perkara ini kerana umat Islam di negara ini ramai dan semuanya was-was hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kuala Krau dan Yang Berhormat bagi Seputeh. Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Labuan. Baru-baru ini kita dipaparkan melalui televisyen bahawa terdapatnya pengusaha restoran atau kedai makan yang telah bertindak untuk menyamak atau membersihkan premis restoran tersebut daripada penyamaran daripada penyalahgunaan makanan yang tidak halal atau sumber-sumber daripada babi dan sebagainya. Daripada manakah maklumat yang pengusaha tersebut boleh membuat membersihkan atau menyamak premis tersebut? Adakah premis tersebut benar-benar telah membekal atau memasak makanan yang tidak halal kepada orang ramai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Labuan, sila duduk dahulu. Kita ada usul.

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.54 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas] Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato’ Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Labuan, sila sambung.

Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman: Saya bersetuju dengan pandangan sahabat saya, Tuan Yang di-Pertua tetapi bukan itu soal pokok yang ingin saya bincangkan di sini. Soal menyamak dan sebagainya ini. Ini sudah perkara kedua. Perkara telah berlaku. Bagaimana kalau kita sudah termakan? Bagaimana? Apakah dengan perkataan, *“Saya minta maaf, saya tidak tahu”*. Lepas itu keluar pula kenyataan, kita akan semak. Boleh menyelesaikan masalah di mana kita merasa, *“Eh, why, kenapa perkara jadi macam ini”*. Jadi, untuk mengelakkan, kita hidup dalam masyarakat yang aman harmoni, kita menghormati budaya masyarakat lain, kita menghormati lain dan sebaliknya. Orang Islam sudah tentu tidak akan membuat perkara di mana orang lain punya makanan dicampuradukkan kerana kita terhad kepada perkara yang kita boleh buat, makanan yang halal sahaja.

Jadi, Tuan di-Pertua, saya tidak ingin mengulas lanjut. Saya ada dua cadangan. Pertama saya kata tadi....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sebentar. Kerajaan mempertimbangkan dengan sewajarnya Tabung Haji menjadi pengeluar utama makanan halal untuk kegunaan dalam negeri dan juga eksport negara kerana dalam perkhidmatan Tabung Haji tidak akan timbul lagi soal keraguan di kalangan pengguna. Yang kedua, untuk memastikan tidak timbul masalah di masa akan datang, kerajaan harus keluar dasar makanan halal ini hanya boleh dibuat oleh mereka yang seratus peratus agama Islam. Pemegang saham, Lembaga Pengarah termasuk pekerjanya untuk memastikan tidak timbul sebarang keraguan. Sahabat saya dari kelmarin ada bercerita bahawa untuk produk bukan halal, sudah bukan isu, kita tidak akan terlibat dengan produk tersebut. Kita hanya berminat produk halal, ini hak kita, hak orang Islam. Bercakap soal barangan halal, ini hak kita. Jadi, saya minta kerajaan supaya mempertimbangkan perkara ini dengan sewajar-wajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Labuan. Saya faham tentang isu ini dan juga perasaan kaum Muslim terhadap makanan halal tetapi saya juga pernah terima aduan daripada kawan saya beragama Islam, yang Melayu, yang mana mereka kata, adalah sangat susah bagi mereka untuk mendapat logo dan kelulusan daripada jabatan agama untuk mendapatkan pengiktirafan daripada jabatan agama apabila mereka hendak berniaga dalam restoran yang memberi makanan halal. Jadi, dengan isu yang dibangkitkan oleh media baru-baru ini, bukankah ini akan menjadikan lebih kaum Muslim, yang mana mereka ingin berniaga dalam restoran halal tetapi mungkin mereka gagal mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Agama Islam kerana isu ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: saya rasa soal senang atau tidak senang itu saya ingat JAWI ataupun JAKIM ataupun Pejabat Jabatan Agama di negeri-negeri mempunyai dasar dan polisinya sendiri. Saya rasa untuk tidak mempermudah sependapat logo halal itu juga baik. Jika tidak besok, sewenang-wenangnya orang akan tampil logo *Halal*. Jadi, jika dia ketat dan harus ikut prosedur, *I think that is administration* punya urusanlah. Saya tidak mahu komen. Saya cuma mahu cakap soal

dasar sahaja. Tuan di-Pertua, Tuanku Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga bertitah...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Labuan. Kita kembali sedikit mengenai cadangan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa pengurusan makanan halal ini akan dicadangkan kepada kerajaan supaya semua yang terlibat itu adalah yang beragama Islam. Apa pandangan Yang Berhormat, pengusahaan makanan ini ada berkaitan dengan kos, *management* atau pengurusan, mengenai keuntungan dan sebagainya, dan untuk memproseskan makanan ini kita memerlukan bahan-bahan mentah. *Right?* Bahan-bahan mentah mungkin dia ada beli daripada orang yang bukan Islam ataupun mungkin dari sumber-sumber bukan Islam dan adakah ini juga Yang Berhormat hendak mencadangkan bahawa sumber itu pun daripada sumber yang halal dan sebagainya. Satu.

Yang kedua, ialah mengenai orang bukan Islam tidak boleh ataupun tidak digalakkan untuk melibatkan diri dalam makanan industri makanan halal. Bagaimana dengan pandangan Yang Berhormat, kalau kita boleh memberikan pendidikan kepada yang bukan Islam bahawa cara-cara yang halal untuk memproseskan makanan halal? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh Yang Berhormat bagi jawapan sebelah petang?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Labuan akan menyambung ucapan beliau.

2.33 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat Puchong pada pagi tadi. Jawapan saya, kalau kita sudah hendak mengeluarkan produk makanan halal, yang saya katakan kalau boleh memegang ekuiti Lembaga Pengarah kerjanya kepada orang Islam, seboleh-bolehnya saya mahu kalau boleh pembekalnya juga daripada mereka yang beragama Islam supaya tidak timbul keraguan. Tetapi ini tidak bermakna saya menghalang pengusaha-pengusaha yang bukan beragama Islam daripada mengurus niaga tetapi khusus untuk produk yang akan ditampal logo halal seboleh-bolehnya biarlah daripada mereka yang beragama Islam. Ini demi menanamkan lebih dalam lagi sifat hormat-menghormati.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya keliru sedikit. Jerai mencadangkan bahawa makanan ini cuma di logo yang halal. Bagi yang tidak halal sahaja, yang halal itu tidak payah ditampal logo. Sementara Labuan pula, dia juga hendak makanan ini dilabelkan dengan label "halal". Yang mana satukah Yang Berhormat Labuan ini fikir yang terbaik sama ada yang logo bagi makanan halal tidak payah ditampalkan "halal" atau yang tidak halal sahaja ditampalkan logo "tidak halal"?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih sahabatku Kinabatangan. Yang Jerai maksudkan ini ialah restoran. Saya kata, produk makanan terutamanya yang untuk dieksport kerana banyak produk makanan halal ini untuk dieksport ke *Middle East*, contohnya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Penjelasan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Jerai hendak tanya apa lagi, Jerai! Jerai sudah satu pagi bercakap. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak perbetulkan. Tadi Yang Berhormat adakah di dalam Dewan semasa saya berucap? Apabila saya bercakap fasal halal, saya bercakap keseluruhannya. Saya bukan bercakap fasal restoran tetapi keseluruhan. Apa sahaja yang ada tidak perlu diletakkan tanda “halal” kerana benda itu dianggap halal kecuali benda yang tidak halal, kita bubuhlah tanda “tidak halal”.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Dalam erti kata lain, Yang Berhormat mencadangkan kita hapuskan tanda halal wujudkan tanda tidak halal?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yaaa. Mudah, itu mudah.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu pandangan yang baik.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tidak apalah. Itu biar menteri yang jawablah. Saya tidak boleh buat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga ada menyentuh tentang niat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara ini terutamanya yang melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi.

Saya rasa hasrat kerajaan untuk menjadikan pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global ini cuma akan menjadi realiti jika beberapa polisi yang sedang diguna pakai oleh kementerian sekarang ini dikaji semula terutama yang melibatkan IPTS contohnya. Banyak IPTS telah dinaiktarafkan kepada kolej universiti dan hampir keseluruhan kolej-kolej yang dinaiktarafkan tersebut mempromosikan ataupun menawarkan ijazah-ijazah luar negara. Jika ini berterusan bermakna Malaysia menjadi pusat untuk memiliki pendidikan murah kerana untuk mendapatkan ijazah daripada Universiti Nottingham jika ianya di UK mungkin kita akan berbelanja beratus-ribu ringgit. Tetapi jika dibuat di Malaysia mungkin kosnya tidak sampai separuh daripada apa yang hendak kita belanjakan.

Jika persepsi ini berterusan usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global nampaknya tidak akan menjadi realiti kerana pada fahaman saya kita patut promosikan ijazah-ijazah daripada Universiti Malaysia, UMS, UUM dan sebagainya untuk pelajar-pelajar yang datang daripada luar negeri kerana mengiktiraf ijazah-ijazah ataupun sistem pendidikan kita yang sedia ada. Bukannya datang ke Malaysia untuk belajar dan balik membawa *degree* ataupun ijazah daripada *foreign university*.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini berterusan saya rasa usaha kita untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta penjelasan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:secara realitinya tidak akan tercapai. Ya, silakan saudara.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Labuan. Pada pemahaman saya sikap keterbukaan Malaysia untuk memberi lesen bagi pembukaan kolej-kolej universiti mengikut fahaman saya adalah satu langkah yang mungkin perlu diterima dengan hati yang terbuka kerana pada masa sekarang untuk negara kita menyediakan segala prasarana dari segi pensyarah, peralatan dan R&D dalam universiti-universiti tempatan mungkin amat kejang pada peringkat ini. Pembangunan pendidikan berjalan dengan begitu dinamik sehingga kita tidak boleh kejar dari segi kualiti, eksais dan ekuiti berbanding dengan dunia global perspektif.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Labuan, kalau sekiranya kita hendak memperkasakan universiti tempatan seperti mana yang dikatakan tadi mungkin memerlukan wang yang begitu banyak sekali sehinggakan satu perubahan terpaksa dilakukan dari segi tenaga pengajar, kualiti dan juga dari segi prasarana sendiri. Saya rasa adalah lebih baik kita mengambil *short-cut*, dengan izin, dengan cara seperti ini supaya penerapan ijazah-ijazah luar negara dapat memperkasakan lagi pendidikan kita ke peringkat global.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi sentuh, saya kata IPTS. Mana ada IPTS yang mampu menyaingi prasarana ataupun kemudahan infrastruktur IPTA di negara ini? Tidak ada, tidak ada! Saya bukan

kata saya tidak bersetuju kolej-kolej ini dinaiktarafkan. Yang Berhormat kena faham, saya kata mereka dinaiktarafkan, sepatutnya mereka keluarkan ijazah mereka sendiri setelah dinaiktaraf bukan mempromosikan lagi *degree-degree* luar negara.

Ini adalah syarat yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan. *Sunway College* contohnya, gagal setelah 5 tahun. Sepatutnya kerajaan tidak berkompromi melanjutkan lagi tempoh, kenapa mesti dilanjutkan? Kerana dasar kita untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global telah pun diumumkan oleh kerajaan.

Saya tidak mempertikaikan bagaimana kita hendak menggalakkan kolej-kolej ini dinaiktarafkan tetapi yang saya maksudkan apa salahnya Universiti Malaysia *offer degree coursesnya* dengan Heald yang pada hari ini dinaiktarafkan menjadi kolej universiti. Sedaya yang hari ini juga naik taraf sebagai kolej universiti. Tetapi bukan daripada Universiti of London, Hall dan sebagainya yang terus menerus dipromosikan dan dibawa masuk untuk pelajar-pelajar luar belajar di negara kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada dua kemusykilan dan meminta Yang Berhormat memberi cadangan iaitu yang pertama untuk memperkasa dan menjadikan negara kita sebagai satu pusat pendidikan kecemerlangan pendidikan serantau, apakah Yang Berhormat berhasrat mencadangkan kepada kerajaan bahawa tempoh usia pesara-pesara profesor kita dari 56 tahun dilanjutkan seperti hakim ke 60 tahun, sebab saya lihat pesara-pesara yang berumur 56 tahun ini masih lagi muda dan selepas ini mereka berhenti. Saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya ditimbang umur persaraan pesara-pesara ini.

Kedua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya tidak pernah melihat bahawa kita memfrancaiskan sekolah pendidikan kita seperti Universiti Kebangsaan atau Universiti Malaya di luar negara, bahkan kita sentiasa mengimport dari negara-negara luar, sedangkan kualiti pendidikan universiti-universiti ini begitu berkualiti.

Saya juga bimbang pada hari-hari kebelakangan ini saya melihat terlalu mudahlah untuk mendapat ijazah diploma ini, tiga bulan boleh dapat ijazah! Saya pun tidak faham daripada sekolah mana dia menerima ijazah ini. Saya minta Kementerian Pendidikan supaya meneliti sebab ini amat memudaratkan dan memalukan negara kita sehingga

seorang keluar negara selama tiga bulan apabila balik dapat *degree*. Saya tidak tahu apa jenis pelajaran yang dia pelajari. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya setuju lah itu. Saya bersetuju dengan Kinabatangan. Untuk kita mencapai status negara yang cemerlang dalam industri pendidikan baik serantau mahupun global, saya rasa kualiti pendidikan yang ada di negara ini melalui universiti-universiti tempatan cukup tinggi dan berkualiti dan setanding dengan universiti-universiti lain. Kementerian Pengajian Tinggi harus kaji perkara ini. Saya sedar perkara ini kerana secara tidak langsung saya juga memiliki sebuah IPTS tetapi cuma mengendalikan francais program diploma yang saya lihat bahawa perkara ini sebenarnya tidak disedari oleh sesetengah orang kerana mereka cuma melihat, mereka tidak nampak daripada dalam bahawa apa yang kita cakap ini tidak serupa yang kita bikin.

Saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi supaya menasihati universiti-universiti tempatan mempromosikan lebih *degree-degree* mereka kepada IPTS-IPTS yang ada di negara ini. Saya pernah berbincang dengan beberapa orang yang pada hari ini telah *diupgrade* menjadi kolej universiti, mereka kata mereka hendak buat *degree* untuk UM, UUM, Universiti Sains dan sebagainya, tetapi mereka kata universiti-universiti tidak mahu menawarkan *degree-degree* mereka dibuat. Tetapi bagaimana pula dengan universiti lain daripada luar negara yang masuk macam cendawan satu demi satu setiap tahun. Itu tidak termasuk lagi universiti-universiti yang cuma pakai daftar di Amerika dan di Ireland dan sebagainya mempromosikan *Masters* satu Malaysia ini.

Jadi, saya mintalah Kementerian Pendidikan Tinggi supaya memantau perkara ini dan kaji semula polisi pendidikan yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang RMK-9 yang disentuh dalam titah ucapan baginda. Labuan sudah berusaha 21 tahun menjadi Wilayah Persekutuan. Jika dilihat di segi kemajuan dan pembangunan kita bersyukur. Kita bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan membelanjakan sejumlah wang yang tidak kurang banyaknya untuk membangunkan Labuan tetapi jika dibandingkan dengan pembangunan yang dibuat di Langkawi dan di Putrajaya, Wilayah Persekutuan yang ketiga yang jauh lebih lambat daripada Labuan, Labuan terlalu jauh di belakang.

Saya merayu kepada kerajaan terutama EPU memandangkan RMK-9 ini adalah merupakan *the last lap* orang kata ataupun pusingan terakhir dalam kita menuju ke arah wawasan 2020 supaya tidak menolak perancangan yang dikemukakan oleh pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan ke arah memantapkan pembangunan Labuan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana mempunyai Kementerian Wilayah hari ini yang mana dapat melihat nasib Labuan. Tidak ramai yang sedar bahawa paip di dasar laut daripada Beaufort ke Labuan sudah berusia melebihi 20 tahun. Cuma ada satu paip. Sekiranya berlaku kebocoran di dasar laut tidak usah lama-lamalah setengah hari sahaja, kalau tidak terjumpa di mana bocornya orang Labuan akan mandi pakai air masin dan minum pakai air laut. Itu kalau setengah hari, kalau sampai seminggu tidak mandilah jawabnya. Perkara ini hanya disedari bilamana Kementerian Wilayah diwujudkan oleh kerajaan. Itu baru satu. Bagaimana pula jika air terputus bekalannya? Bagaimana dengan industri-industri yang berbilion ringgit nilainya seperti methanol yang tidak boleh *survive* tanpa air. HBI.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya meminta kerajaan supaya jangan lagi letakkan Labuan ini dalam keadaan sebelah mata. Untuk RMK-9 saya mohon supaya dikaji dan..... silakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Labuan. Dulu kalau saya tidak silap wakil daripada Yang Berhormat Labuan mengatakan arak yang ada di Labuan boleh memandi seluruh pulau. Sekarang sudah berubah pula, air masin boleh jadi air untuk mandi. Ini yang pertama. Keduanya ahli daripada Labuan mengatakan paip yang disalurkan ke Labuan sudah lebih 20 tahun, ini bermakna sejak Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan paip itu tidak pernah diperbaiki. Ini mungkin maksud Yang Berhormat Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tidak. Maksud saya kalau cuma hanya ada satu paip di dasar laut kerana kita tidak mempunyai sumber air Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan daripada Tanah Besar melalui Sungai Padas. Kita perlukan paip di dasar laut yang kedua untuk memastikan bekalan air di Labuan mencukupi. Hari ini bekalan air kita terputus kerana hampir 50% bekalan air digunakan oleh industri terutama Petronas methanol. Juga saya hendak membetulkan ucapan sahabat saya

daripada Kalabakan fasal arak itu Tuan Yang di-Pertua, kerana kemasukan arak tanpa sekatan ke Labuan kerana pulau bebas cukai, maka berlebih-lebih banyaknya. Kalau sudah terpaksa paip bocor, air mineral pun dah tak ada maka kena pakailah mandi air *beer* nak buat macam mana? Dalam hukum pun kalau sudah terpaksa boleh pakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah dalam RMK-9 apa juga cadangan yang kami kemukakan supaya kerajaan, EPU terutamanya jangan tolak sewenang-wenangnya. Mintalah pandangan kami. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi kami nasihat berkali-kali supaya pastikan input kami ada dalam RMK-9. Jadi saya memohon supaya perkara ini diberikan perhatian yang sewajarnya kerana RMK-9 ini adalah pusingan terakhir.

Tuan Yang di-Pertua: Sila tamatkan ucapan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan kemiskinan. Saya sudah mencadangkan berkali-kali di Dewan yang mulai ini pertama melibatkan rumah PPRT. Saya sudah berkata berkali-kali. Saya minta kementerian kaji peruntukan untuk membina rumah PPRT, RM13,000 tidak mencukupi. Reban ayam pun mahal daripada itu. Saya mintalah dalam usaha membasmi kemiskinan jangan kita besok dituduh 'melepaskan batuk di tangga'. Saya telah mencadangkan berkali-kali Tuan Yang di-Pertua. Naikkanlah peruntukan untuk rumah PPRT ini sekurang-kurangnya kalau tidak ke RM18,000 ke RM20,000 kerana ia sudah pun dibuat di Labuan setelah melakukan dan mencuba melakukan dan RM20,000 orang kata *just nice* untuk rumah PPRT. Dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gerik.

2.54 petang.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Isnin 21 Mac 2005 yang lalu sebanyak 15 halaman dan 37 perenggan boleh dirumuskan kepada tiga perkara pokok seperti berikut:

Pertama ialah adanya seruan supaya kerajaan mempertingkatkan segala kemajuan yang telah dicapai selama ini di samping mengusulkan beberapa penekanan dan strategi baru untuk disesuaikan dengan keadaan dan tuntutan semasa yang kian berubah dan semakin mencabar.

Kedua ialah dalam titah Seri Paduka Baginda itu tersirat dan tersurat segala kemajuan dan pembangunan yang diusahakan mestilah berpaksikan kepada dua prinsip iaitu keseimbangan dan keadilan seperti:

- (i) penutupan jurang perbezaan di antara sektor desa dan bandar;
- (ii) penutupan jurang perbezaan di antara wilayah iaitu Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak yang masih ketara terutamanya dalam aspek prasarana dan kemudahan awam;
- (iii) usaha yang berterusan untuk merapatkan jurang kemajuan ekonomi dan pendidikan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera;
- (iv) mempertingkatkan pembangunan dalam bidang pertanian dan industri asas tani dan peri pentingnya perikanan dan akuakultur yang telah tertinggal jauh dari segi kemajuannya jika dibandingkan dengan sektor pembuatan, perladangan dan pelancongan; dan
- (v) pembelaan secara berterusan terhadap golongan termiskin di negara ini tanpa mengira kaum.

Perkara ketiga dalam titah Diraja itu mengingatkan kepada kita tentang peri pentingnya kemajuan kebendaan yang semestinya diimbangi dengan aspek bukan kebendaan seperti budaya, nilai, budi bahasa, jati diri serta pegangan terhadap agama agar kita tidak dihanyutkan oleh ombak besar kemajuan material semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pertanian kita diberitahu bahawa pertumbuhan dalam sektor ini dalam RMK-8 amatlah tidak memuaskan pada kadar 2.8% sahaja pada hal sektor ini melibatkan 13.5% daripada jumlah guna tenaga dalam negara. Maka dengan terlaksananya banci pertanian yang membabitkan lebih 1.1 juta isi rumah pertanian kita harap kerajaan akan menggubal satu strategi yang lebih berkesan dalam usaha memperkasa bidang pertanian.

Begitu juga dalam bidang akuakultur yang dijangka menarik pelaburan sebanyak RM570 juta, kita sebenarnya ketinggalan khususnya dalam bidang teknologi ternakan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Taiwan dan Filipina.

Pengeluaran ikan dan makanan laut kini sebanyak 150 metrik tan setahun masih jauh dari sasaran sebanyak 400,000 metrik tan setahun yang sepatutnya kita capai. Hakikat sebenarnya kita masih banyak dan luas sungai-sungai dan tasik-tasik dengan potensi untuk dimajukan seperti Sungai Pahang dan Tasik Chini ataupun di Terengganu dengan Tasik Kenyir dan di negeri Perak di kawasan saya Tasik Cenderuh dan Tasik Banding. Dengan itu kita harapkan agar kita meningkatkan R&D dalam bidang ini agar kita dapat memperkasakan bidang akuakultur dan dengan itu juga kita berharap kita akan melepaskan diri kita dengan mengimport lebih daripada satu bilion bahan makanan pertanian, sayuran, buah-buah dan sebagainya daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D dengan izin. Asas kemajuan sesebuah negara itu adalah kemajuan dan kemampuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Memang benar bahawa senarai jumlah penyelidikan oleh institut penyelidikan termasuk oleh para penyelidik di universiti amatlah banyak dari segi kuantitinya tetapi seperti yang pernah disuarakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi baru-baru ini walaupun RM1.5 bilion telah dibelanjakan dalam RMK-8, pulangnya kepada negara didapati amatlah kecil iaitu 1.5% sahaja. Ini mungkin kerana para penyelidik kita masih berada dalam zon selesa iaitu ghairah dengan aspek 'R'nya sahaja *research* ataupun penyelidikan tetapi tidak pula dipertingkatkan dalam aspek 'D' - development ataupun pembangunan. Amatlah tepat sekali kerajaan memastikan agar pelaburan dalam R&D termasuk projek IRPA ataupun *Intensification of Research in Priority Areas* dengan izin berorientasikan pasaran seperti menjana teknologi baru untuk menghasilkan produk baru yang memberi nilai tambah yang lumayan serta faedah jangka panjang kepada negara.

Sehubungan dengan itu juga kita sedang menghadapi keadaan ekonomi global di mana harga minyak sedang dan terus meningkat dan ini akan memberi kesan negatif kepada perkembangan industri dan kehidupan awam. Maka bagi menghadapi masalah kenaikan harga minyak ini adalah disarankan agar hala tuju penyelidikan ataupun R&D kita dalam bidang tenaga alternatif dipertingkatkan juga dengan tujuan mencari tenaga

alternatif yang lebih murah seperti tenaga suria, angin dan bahan-bahan dari kelapa sawit yang telah diwar-warkan baru-baru ini. Kita boleh merujuk kepada pakar-pakar dari USM bagi penyelidikan kelapa sawit ataupun penyelidikan daripada UKM bagi tenaga suria.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai anggota keselamatan kita yang bertugas di sempadan dan negeri-negeri utara Semenanjung. Di kawasan Parlimen saya Gerik terdapat dua batalion tentera wataniah iaitu 303.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya mendengar Yang Berhormat Gerik menyebut tentang R&D. Saya hendak tahu pandangan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa dalam satu sesi menyatakan Malaysia hanya memanfaatkan hanya kira-kira 0.3% daripada GDP kita di atas kegiatan-kegiatan R&D ini berbanding dengan Jepun yang memanfaatkan kira-kira 2.8%, Korea - 2.8%, Finland - 2.6%. Maka dengan peruntukan yang agak kecil daripada GDP kita maka apa pandangan Yang Berhormat apakah kita mempunyai masa depan dalam kita menggarap dan membawa Malaysia dalam satu era transisi yang cukup penting ini.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Memanglah disebabkan oleh peruntukan yang begitu kecil kepada R&D dan juga barang kali di pihak swasta pun tidak begitu ghairah mengeluarkan peruntukan yang lebih besar untuk R&D maka kemajuan kita agak lambat dan kita harapkan dalam RMK-9 ini peruntukan untuk R&D sama ada kerajaan ataupun swasta akan dipertingkatkan.

Saya teruskan. Izinkan saya menyebut sedikit tentang anggota keselamatan di Gerik saya katakan Batalion 303, 304 berjumlah 2,400 juga di Kelantan dua Batalion 301, 302 - Wataniah dan Kedah ada satu, di Perlis tidak ada Tentera Wataniah, tak tahu bagaimana mereka mengawal sempadan – dan mereka ini adalah tentera simpanan dan *dimobilizekan* iaitu diberi tugas sepenuh masa untuk mengawal sempadan di antara Malaysia dan Thailand, di tiga buah negeri.

Sebagai pengundi dan warganegara yang amat setia menjalankan tugas mereka, menjaga keselamatan negara, saya rasakan – dan pertemuan saya dengan mereka ini, saya dapati mereka berada dalam keadaan yang serba kekurangan dibandingkan dengan anggota tentera yang tetap lainnya. Seperti Tentera Darat, Laut dan Udara.

Menerusi Dewan yang mulia ini saya dengan ini menyampaikan hasrat dan rintihan mereka – rintihan dan juga sanubari anak-anak ataupun adik-adik kita dalam Angkatan Tentera Wataniah ini iaitu satunya diharapkan supaya mereka diberi elaun khas yang dinamakan *hardship allowance* dengan izin, ketika mereka menjalankan operasi di dalam belantara biasanya enam bulan dalam masa setahun dan sering kali apabila kita adakan jamuan hari raya atau pun semasa puasa sebahagian daripada mereka itu berada di hutan belantara.

Dan keduanya harapan mereka agar diberi status pesara dan ganjaran yang setimpal bagi mereka yang kekal, yang kekal berkhidmat secara berterusan untuk selama 21 tahun, sama ada untuk kesemuanya atau sekurang-kurangnya kepada para-para pegawai mereka. Sebagai catatan bawah untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, nama Tentera Wataniah ini diambil daripada nama ‘Gerila Wataniah’ yang wujud di Pahang pada zaman Perang Dunia Kedua ataupun daripada *Force 136*, dan di antara mereka yang menganggotai Tentera Wataniah ini adalah Allahyarham Tun Abdul Razak, Tan Sri Ghazali Shafie dan juga Dato’ Yeop Mahiddin dan Ketua Turusnya, Ketua Pemimpinnya bergelar ‘Harimau Malaya’ bernama Mejar Tengku Mahmud Mahyudin atau pun ‘Harimau Malaya’ tadi dan beliau adalah *Grand Uncle* atau nenda saudara kepada Yang Berhormat kita Arau, dia dah keluar, saya harap dia dengar ya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pembangunan dalam aspek budaya dan nilai, dan ini merupakan perkara yang baru, di mana pucuk pimpinan kita dengan pertukaran pucuk pimpinan Kementerian Kebudayaan, maka hal ini diberi nafas baru dan mulai mendapat perhatian masyarakat awam lebih-lebih lagi apabila kempen mengenainya telah dilancarkan, di mana sebahagian besar Yang Berhormat kita telah dijemput hadir di Istana Budaya beberapa bulan yang lalu. Namun, saya merasa sedikit kecewa kerana kempen pemupukan budaya tinggi, nilai murni dan bersopan santun ataupun ringkasnya pembinaan jati diri bangsa Malaysia ini cuma seolah-olah dibebankan ke atas bahu sebuah kementerian sahaja, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Padahal perkara ini harus dipikul dan menjadi tanggungjawab bersama termasuk kementerian-kementerian lain juga, seperti Kementerian Pelajaran, Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan dan terutama sekali Kementerian Penerangan yang mempunyai kedudukan yang istimewa untuk menyampaikan segala mesej secara terus

kepada rakyat jelata. Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah mengumumkan akan memperkasakan kempen budi bahasa ini kepada 7 juta belia di negara ini tidak lama lagi.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu program yang amat 'gah', yang telah disiarkan secara langsung di seluruh negara beberapa minggu yang lalu. Program yang saya maksudkan itu ialah 'Malam Anugerah Seri Angkasa' yang cukup berprestij bagi penggiat seni, di mana acara sampingannya iaitu acara tarian dan nyanyiannya saya anggap amat memalukan dan mencemarkan jati diri dan budaya kita dan tidak sedikit pun melambangkan kebudayaan masyarakat Malaysia. Kalau kita perhatikan tariannya yang terloncat di sana terloncat di sini, tidak lah ubah seperti, pameran di sebuah kelab malam di *Los Angeles* ataupun di *Las Vegas* dan sebagainya dan dengan pakaiannya yang tidak bersopan santun. Apakah kita tidak mempunyai tarian kita sendiri yang sepatutnya kita banggakan seperti *Zapin, Inang, Joget, Kuda Kepang, Ulit Mayang, Dabus, Sumazau, Canggung* dan banyak lagi, puluhan lagi sesuatu yang pernah – dan juga tarian-tarian dalam filem-filem Melayu kita seperti *Tualang Tiga, Tudung Periuk, Mak Inang, Sirih Pinang, Sekapur Sirih Seulas Pinang, Mantera Semerah Padi, Joget Tari Lenggang* dan sebagainya, kenapa harus dipamerkan hal yang bukan dari budaya kita sendiri. Kita harus berbangga dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor, khususnya kepada Yayasan Warisan Johor dan berbangga juga kepada penyanyi nombor satu kita Siti Nurhaliza, yang telah membawa penari-penari Yayasan Warisan Johor yang akan memperagakan seni budaya zapin dan saya kira *Kuda Kepang* di *Royal Albert Hall* yang berprestij itu, inilah yang kita mahu.

Di saat ini izinkan saya mencadangkan agar saluran 1 RTM itu, seperti juga telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, diberi fungsi yang khusus dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan memikul tugas utama untuk memupuk budaya dan jati diri kebangsaan ataupun nasional termasuk aspek seni budaya, sukuan, para warga Malaysia lainnya di mana RTM 1 sepatutnya tidak jadi wahana untuk menyiarkan siaran-siaran yang *disponsor* oleh para iklan yang lebih mengutamakan keuntungan daripada apa yang dipamerkan. Tentunya kita akan ingin melihat *theater* yang mempunyai ciri-ciri patriotisme seni tari kita, *theater* novel, lagu-lagu puisi dan begitu juga siri-siri

perjuangan seperti *insurgency* malah sebuah skrip *Kanang anak Langkau* yang hari ini terbiar kenapa kita tidak membuatnya sebagai satu siri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Silakan Ayer Hitam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang bangun Sri Gading dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam dulu.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujah yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Gerik tadi mengenai budaya murni dan beliau juga menyebut tentang kerjasama daripada Kementerian Pelajaran, Pengajian Tinggi untuk kita menerap budaya yang baik. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Saya risau juga apabila membaca 'Mastika' ataupun 'Utusan' hari ini yang mengatakan bahawa pendedahan perbuatan maksiat oleh pelajar-pelajar IPT yang *beromance* dan perkara itu memang tidak menyenangkan kita. Saya hendak pandangan Yang Berhormat sebagai seorang tokoh akademik dan orang yang sentiasa menitikberatkan soal budaya yang sihat, bagaimana kita melihat perkara ini, bagaimana kita hendak memperkenalkan budaya yang baik dan murni itu ke dalam sistem pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi, minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh rangkum sekali Sri Gading?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Silakan Sri Gading, saya jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan, terima kasih Gerik. Saya amat berbahagia. Kalaulah semua orang Melayu dapat bercita rasa, berperasaan, seperti Gerik – orang seperti Gerik mungkin orang seperti saya. Mungkin dah begitu, tersingkir jauh dari arus yang sedang diperlihatkan oleh generasi kita. *Inang, Zapin* dan perkara-perkara yang menunjukkan kemelayuan dah makin pupus. Dan yang memupuskan ini RTM kita. TV kita sedikit pun tidak ada perasaan untuk menghormati dan mewarisi perkara-perkara yang halus, yang indah,

yang cantik dipunyai oleh orang-orang Melayu. Hari ini lagu-lagu anak muda bukan menghiburkan, malahan menyemakkan telinga. Tak ubah seperti 'gendang perang'

Saya tidak hairanlah kalau ada orang buat CD rompak dan sebagainya, tidak peliklah kerana mutu yang dipersembahkan oleh artis-artis kita amat mengecewakan. Dondang sayang....

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh ini soalanlah. Dondang sayang, syair, soal-soal seperti lagu-lagu Melayu lama yang penuh dengan keindahan sudah tidak dapat kita dengar dan kalau kita dengar pun, ianya sekali-sekala. Apa komen Yang Berhormat bagi Gerik? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Yang pertama tadi, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, ada satu dua kes daripada 20 ribu agaknya semasa pengalaman saya di IPT dan ini kita tangkap mereka, bagi kaunseling dan mungkin kita buang daerah atau buang asrama, diletakkan di luar kalau mereka ini kita dapat menangkapnya dan selalu kita kerahkan pengawal.

Tentang Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, saya rasa dia bersetuju, bukan soalnya dia bersetuju dengan pandangan saya agar RTM berada di landasan yang sebenarnya, menjaga kepentingan negara, kebangsaan, budaya dan bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Dan pada jenama infotainment itu juga barangkali kita tambah satu lagi, sepatutnya "*eduinfotainment*" – *education, information* dan *entertainment*.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Silakan Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Saya hendak berbalik kepada perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gerik tadi berkaitan dengan persembahan kebudayaan yang dipamerkan atau yang dipaparkan oleh RTM. Kita sering mendengar rungutan ini iaitu persembahan yang tidak melambangkan tarian yang berasaskan kebudayaan Malaysia. Yang ada, tarian rojak dan sebagainya.

Jadi apa pendapat Yang Berhormat bagi Gerik, adakah perkara ini apabila RTM membuat satu-satu persembahan, mereka tidak merujuk kepada mereka yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang ini, umpamanya bidang tarian melibatkan kebudayaan. Seharusnya mereka ini merujuk kepada mereka yang pakar di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, pusat-pusat kebudayaan dan ini menyebabkan apa yang dipamerkan itu bukan melambangkan tarian yang sebenarnya. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Soalan Yang Berhormat bagi Parit itu patut dijawab oleh Menteri Penerangan, saya rasa. Tetapi kita bersetuju bahawa barangkali tidak perlu rujukan kepada pakar. Orang biasa pun tahu apa dia yang nasionalnya, apa dia yang Melayu, Cina, India dan yang etniknya dan apa dia yang Baratnya. Yang banyak dipamerkan ialah yang datangnya dari luar, yang tidak berpijak ke bumi Malaysia ini.

Saya ingin meneruskan. Tidak lama dahulu ada satu siri patriotik yang ditulis skripnya oleh Kementerian Pertahanan, "*The Insurgency*" dan saya mengikuti dari minggu ke minggu dan di pertengahan jalan diberhentikan siri seperti ini yang cukup baik ini. Jadi apa yang jadi kepada RTM?

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini saya juga semakin keliru dengan peranan Filem Negara yang telah beralih dahulunya kepada menerbitkan filem rencana dan kalau filem cereka pun bercorak patriotik seperti Embun ataupun Paloh tetapi baru-baru ini beralih pula selera kepada siri drama komersial seperti Tin Jei Bin yang saya tidak nampak kepentingannya dan tidak faham apa dia ceritanya.

Cuma semalam saya sempat melihat dan cuba menelitinya dan di antara episod yang dipaparkan ialah seorang gadis mengajak teman lelakinya tinggal bersama di satu apartmen supaya kita boleh menjimatkan sewa rumah. Jadi ini yang diterbitkan oleh Filem Negara, RTM1. Saya kira lain-lain cerita tentang peniaga-peniaga kita yang korup, jenayah dan sebagainya. Jadi hala tujunya di mana? Ini diterbitkan oleh Filem Negara. Mengapa tidak diterbitkan muzikal Dato' Onn umpamanya, yang sudah kita lihat di Istana Budaya mengenai "Merdeka, merdeka, merdeka!", teater yang telah disiarkan selama lima jam di Istana Budaya dan kita adaptasikan menjadi siri untuk televisyen dan banyak lagi cerita seperti Peristiwa di Sungai Sumur, di Gua Musang,

Kalabakan juga, saya kira di mana para patriot kita terkorban oleh pengganas komunis, inilah yang saya rasa kita harus tonjolkan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Silakan.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Saya hendak tanya apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan filem "Sepet" di mana ia telah mendapat anugerah produksi... *[Disampuk]* Sepet, S-e-p-e-t, tetapi tidak dapat dilihat oleh warganegara Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat? Bukankah warga Malaysia yang begitu merasa begitu unggul sekali produksi warganegara kita memenangi anugerah tetapi tidak ada peluang untuk tengok kecuali pergi ke *cinema* dengan bayaran yang mahal untuk *Golden International Cast*, baru boleh tengok. Jadi saya pohon, apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya sudah tengok filem "Sepet" itu kebetulan.

Cik Fong Po Kuan: Di sini diharamkan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tidak, ada di panggung, saya pergi tengok, sudah tiga minggu. *[Disampuk]* Sudah tiga minggu, dalam VCD pun ada. Saya sudah lima kali jadi juri dan saya dapati nilai penjurian itu tidak sama. Kalau kita menjurikan filem kita dengan budaya kita. Kalau di luar negara, dia lain. Filem "Sepet" itu antaranya ada satu adegan ranjang, mereka bergomol di atas katil. Saya ingat ini iklan, tengoklah. Satu lagi seorang lelakinya yang berpakaian seluar dalam sahaja mengejar isterinya sebenarnya. Itu pun bergomol juga. Jadi itu tidak apa. Tetapi ceritanya biasa sahaja saya rasa, tetapi dianggap istimewa oleh orang luar negara. Tidak apalah, kita terima pandangan luar negara, barangkali berbeza.

Ini belum masuk festival kita lagi. Kita tidak tahu mungkin dia menang. Sudah terjawab ya? Jadi tengoklah filem "Sepet" itu, ada sedikit sebanyak keistimewaannya dan dengan bahasanya yang cacamarba, campur aduk, tidak ada identiti nasional sebenarnya. Saya teruskan.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat ingat bergomol atas katil sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Barangkali itu yang dianggap baik bagi juri di luar negara ya, ha itu dia bezanya. *[Disampuk]* Sesuatu yang berbeza yang terserlah bagi mereka, nilai mereka berbeza.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Okey, saya teruskan. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, penghapusan secara mutlak kemiskinan negara dan ini merupakan cadangan menubuhkan Yayasan Perdana untuk membasmi kemiskinan.

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya, ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Silakan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Saya amat tertarik tadi apabila Yang Berhormat bercakap tentang mengekalkan jati diri, budaya, bahasa, malah disokong oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading sebentar tadi. Maka ini adalah merupakan satu masalah yang kita hadapi sekarang ini, bagaimana kita hendak mengekalkan acuan kita yang tersendiri, acuan kita sendiri. Malah ada pemikiran-pemikiran mutakhir, di antaranya seorang penulis Jepun, Fukoyama, yang bercakap tentang berakhirnya maju dalam acuan sendiri. Jadi barangkali asakan-asakan "*sejagatisme*" ataupun "*globalization*"nyalah yang menjadi ancaman utama. Apa pandangan Yang Berhormat selaku seorang ahli sosiologi yang banyak mengkaji dalam perkara ini?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Jawapannya barangkali kita galakkan penerbitan filem-filem ataupun cereka yang bercorak sejarah patriotik, kalau saya sebagai barangkali dilantik sebagai Menteri Penerangan, saya akan bagi ganjaran yang lebih, *[Tepuk]* slot yang banyak kepada mereka yang mengeluarkan atau menerbitkan filem-filem patriotik, sejarah dan nilai budaya. Yang lain itu kita keduakan, kita sampirkan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Banyak soalan pula ini.

Tuan Yang di-Pertua: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Jadi kalau kita lihat satu masa dahulu mungkin FINAS, dia banyak menerbitkan filem-filem yang berunsur patriotik, budaya dan sebagainya. Kini nampaknya FINAS beralih kepada komersial seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Kalau kita lihat sebenarnya FINAS juga telah beralih kementerian. Kalau dahulu FINAS di bawah Kementerian Penerangan, sekarang ini FINAS di bawah Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Mungkin Kementerian Penerangan tidak dapat mengawal lagi aktiviti FINAS. Kalau kita lihat FINAS sendiri sebenarnya banyak berkait dengan Kementerian Penerangan. Bersetuju tidak dengan cadangan supaya FINAS ini diletakkan semula di bawah Kementerian Penerangan supaya kawalan terhadap aktiviti FINAS ini dapat dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan supaya arah tuju FINAS untuk menerbitkan filem-filem yang berunsur patriotik dan sebagainya boleh dikenal pasti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dapat habiskan dalam lima minit lagi?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya? Okay, okey, ini memang *point* terakhir tetapi sebelum itu saya tidak setuju sebenarnya dipindahkan daripada Kementerian Kebudayaan kepada Kementerian Penerangan. Di Kementerian Kebudayaanlah saya rasa FINAS akan melahirkan sesuatu yang boleh kita harap budaya patriotik dan kalau boleh FINAS dapat meneruskan usahanya menerbitkan filem-filem seperti Embun, Paloh dan sebagainya termasuklah Kanang anak Langkau yang sekarang ini terbengkalai sepuluh tahun manuskripnya di FINAS.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang akhir iaitu cadangan menubuhkan Yayasan Perdana untuk membasmi kemiskinan. Pada setiap tahun, salah seorang jutawan kita, Syed Mokhtar Bokhari melalui Yayasan Bokhari memperuntukkan sebanyak sekitar RM12 juta atau RM3.6 juta setahun untuk membiayai pelajaran pelajar-pelajar miskin di seluruh negara dalam bidang pendidikan. Soalan saya, kalau jutawan seperti ini, nombor tujuh daripada 40 orang boleh memperuntukkan RM12 juta setahun, saya mencadangkan dalam kita menangani masalah kemiskinan tegar ini dan juga berpegang kepada prinsip Masyarakat Penyayang ini, kenapa tidak kita menyeru kepada seratus jutawan negara untuk memberi sumbangan kepada satu tabung yang

kita namakan Tabung Perdana barangkali untuk membasmi kemiskinan ini dan ada *Malaysian business*, ada 40 jutawan, nama-nama mereka tersenarai, kita minta jutawan pertama hingga 40 memberi sumbangan di antara RM3 juta hingga RM5 juta setiap tahun manakala 41 hingga 100 memberi sumbangan di antara RM1 juta hingga RM3 juta setahun dalam satu Tabung Amanah Perdana ini untuk kita atau untuk swasta ini membantu kerajaan membasmi kemiskinan tegar selama-lamanya dan ini merupakan satu konsep masyarakat penyayang dan sumbangan mereka itu kita kecualikan daripada cukai. Kalau kita kira-kira sekitar RM3 juta, satu syarikat seorang pun, kita sudah ada RM300 juta setiap tahun dan alhamdulillah kita berharap akan muncul lagi jutawan-jutawan seperti Mokhtar Bokhari ini, bukan hendak iklankan nama dia tetapi kita harapkan seratus jutawan lain juga akan memberi sumbangan dan tabung ini khusus untuk membasmi kemiskinan.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh.

3.23 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengumumkan bahawa kerajaan akan memberi hak kepada arkitek dan perunding projek untuk meluluskan dan mengesahkan bangunan yang direka dan ditugaskan oleh mereka setelah ia siap dibina dengan tujuan untuk mengurangkan *red tape* dan kelewatan pihak agensi kerajaan dan kerajaan tempatan dari segi pengeluaran CFO.

Keputusan kerajaan yang meletakkan beban pengesahan sesuatu bangunan dan projek pembinaan pada pihak perunding projek dan arkitek adalah kurang wajar dan penuh dengan risiko. Kerana ini bermaksud peluputan layak audit terhadap sesuatu projek bangunan. Pengauditan suatu projek perumahan adalah sama seperti pengauditan akaun sesuatu syarikat serta syarikat serta dan organisasi. Tujuan kita mengadakan *external auditor* adalah untuk memastikan akaun satu organisasi dan syarikat itu betul dan bernas, peluputan kuasa kerajaan tempatan dari segi pengeluaran CFO pun bermaksud ketiadaan *external auditor* bagi sesuatu projek perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak masalah perumahan dan bangunan telah berlaku walaupun dengan adanya pengauditan dan pemeriksaan oleh agensi kerajaan tempatan. Ini ternyata dalam projek terbengkalai di bangunan MATRADE, keruntuhan pangsapuri Highlands Towers, Pangsapuri Lembah Maju di Ampang yang telah mendapat CFO dan sebagainya. Sekiranya kerajaan membiarkan arkitek dan perunding bangunan yang diupah oleh pemaju untuk mengesah dan meluluskan bangunan dan projek perumahan yang direka bentuk oleh mereka sendiri tanpa semakan luar, maka saya pasti lebih banyak penipuan dan masalah akan berlaku pada masa yang akan datang dan pembeli rumah pun akan menjadi mangsa dalam dasar baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kongres Pendidikan Melayu Kedua yang tamat baru-baru ini menyaran kerajaan untuk mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah. Mengikut mereka, lebih kurang 80% atau setengah juta pelajar Melayu akan keciciran dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut jika ia diteruskan. Kenyataan Kongres Pendidikan Melayu ini telah mendapat perhatian yang serius daripada pihak kerajaan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji pandangan Kongres Pendidikan Melayu ini.

Sebenarnya langkah yang menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik kepada murid-murid sekolah sejak darjah satu telah pun mendatangkan banyak kritikan daripada pelbagai pihak termasuk pakar pendidikan. Kritiknya ialah kerana mata pelajaran seperti Sains dan Matematik merupakan subjek yang memerlukan pemahaman konsep. Sekiranya kedua-dua mata pelajaran konsep ini disampaikan oleh guru melalui bahasa Inggeris yang tidak difahami oleh mereka, maka ini pun akan menjejaskan fahaman murid-murid terhadap kedua-dua mata pelajaran tersebut.

Sebenarnya adalah sangat susah bagi guru-guru di sekolah rendah untuk mengajar Sains dan Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris khususnya bagi guru-guru yang sendirinya kurang fasih dalam bahasa Inggeris. Guru-guru mengadu bahawa mereka tidak tahu sama ada mereka mengajar bahasa Inggeris, Sains atau Matematik kerana murid-murid ini langsung tidak faham bahasa pengajaran mereka

kerana ramai murid kecil ini baru belajar *alphabet* A, B, C dalam Darjah Satu. Bagaimana murid-murid ini dapat menguasai konsep Sains dan Matematik...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri laluan?

Puan Teresa Kok Suh Sim:melalui bahasa yang mereka tidak faham langsung.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya dapat melihat Yang Berhormat mengambil beberapa sedutan daripada akhbar dan juga beberapa pakar dan yang paling penting sekali Yang Berhormat menyebut tentang Kongres Pendidikan Melayu yang baru-baru ini diadakan. Segala Yang Berhormat sebut tadi adalah khusus kepada pelajar-pelajar Melayu – segala kritikan dan juga komen pakar-pakar tadi. Bolehkah Yang Berhormat kongsi dengan kita di dalam Dewan ini tentang apa pula pendapat pakar-pakar kaum Tionghua tentang *performance* anak-anak Darjah Satu, Dua dan Tiga yang sekarang telah mempelajari *Mathematics and Science in English* ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya sebelum dasar ini dilaksanakan, Dong Ziao Jong dan juga pakar pendidikan cina dan masyarakat Cina, mereka sangat bimbang dan mereka membantah keras tentang dasar ini kerana mereka rasa ini adalah tidak praktikal dan tidak akan membantu murid-murid kecil untuk belajar Sains dan juga Matematik, biar saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dasar menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik. Sebenarnya bukan dibangkitkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri, ia dilaksanakan kerana bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir mengehendaknya dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan mutu dan tahap bahasa Inggeris murid-murid sekolah. Sekarang Tun Dr. Mahathir telah pun berundur daripada parti politik. Tibalah masanya bagi Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula dasar ini. Saya menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris pelajar kita kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang diperlukan oleh rakyat kita untuk menghadapi cabaran globalisasi. Tetapi cara meningkatkan sesuatu bahasa bukan melalui pembelajaran Sains dan Matematik tetapi melalui kelas bahasa Inggeris yang mengajar tatabahasa ataupun *grammar* dan

perkataan baru. Kerajaan negara China, Jepun dan Korea banyak menggalakkan rakyatnya belajar bahasa Inggeris tetapi mereka tidak melakukannya dengan memaksa murid-murid darjah satu untuk belajar Sains dan Matematik melalui bahasa Inggeris.

Pendidikan merupakan asas untuk membela bangsa dan negara. Dasar pendidikan yang salah akan menjejaskan masa hadapan anak-anak kita dan menyebabkan generasi yang akan datang itu menjadi kurang kompetitif. Saya menyeru kerajaan supaya mengambil langkah yang tegas dan pantas untuk meratifikasikan kesalahan pengajaran kita sekarang. Sebagai langkah untuk menyelamatkan masa hadapan generasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh seorang pakar pendidikan Melayu, Profesor Datuk Ishak yang terkenal di Kongres Pendidikan Melayu Kedua.

Datuk Ishak mencadangkan supaya kaum Melayu menghantar anak-anak mereka untuk belajar di Sekolah Rendah Cina demi menjamin masa hadapan mereka. Beliau melaporkan dan berkata bahawa cara pengajaran guru-guru di Sekolah Rendah Cina adalah lebih bersesuaian dengan murid-murid yang mempunyai kebolehan dan kefahaman yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pandangan daripada seorang pakar pendidikan dan bukannya ahli politik. Sebenarnya semakin ramai ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka untuk belajar di Sekolah Rendah Cina tetapi kesalnya Kementerian Pelajaran dan ahli politik Barisan Nasional masih enggan mengiktiraf fakta ini dan masih melaksanakan dasar yang didiskriminasikan terhadap Sekolah Rendah Cina dengan tidak memberi peruntukan dan latihan guru yang cukup kepada mereka. Sekiranya dasar ketidakadilan ini diteruskan maka akhirnya murid-murid Melayu yang belajar di Sekolah Rendah Cina pun akan menjadi mangsa dalam dasar yang berunsur diskriminasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan mengejut yang dilakukan oleh pegawai Jabatan Agama Islam ataupun Polis Moral terhadap umat Islam telah mendatangkan banyak bantahan dan kritikan daripada orang ramai khususnya golongan Muslim. Bantahan ini adalah nyata ditunjukkan dalam satu kenyataan bersama yang disokong

oleh 52 pertubuhan bukan kerajaan, 3 parti politik, 21 Ahli Parlimen termasuk 3 orang Menteri Kabinet dan juga 233 orang individu.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Tadi Yang Berhormat Seputeh mengatakan tadi ada ramai pelajar bukan Cina memasuki Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) tetapi Yang Berhormat tidak memberikan perangkaan. Adalah lebih baik kalau Yang Berhormat dapat memberikan perangkaan supaya kita sama-sama dapat mengetahui fakta itu, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya tahu ialah 10% daripada jumlah murid-murid Sekolah Cina adalah terdiri daripada budak Melayu dan juga 80,000 budak-budak kecil Melayu yang belajar di Sekolah Rendah Cina.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan budak Melayu, budak-budak Cina....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Budak bukan cina belajar di Sekolah Rendah Cina. Biar saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong ucapan Yang Berhormat Kota Baharu di Dewan yang mulia ini yang mengatakan tindakan Jabatan Agama Islam ini telah pun mencabuli prinsip yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Saya juga memuji fikiran terbuka yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Kota Baharu dan juga Ahli-ahli Yang Amat Berhormat di Dewan yang mulia ini dan juga Menteri Kabinet yang menyokong kenyataan bersama tersebut. Saya menyeru pihak kerajaan mengkaji semula kuasa yang diberi kepada Jabatan Agama Islam yang mencabuli *privacy* ataupun keperibadian individu kerana yang menjadi mangsa itu bukan sahaja umat Islam sahaja tetapi juga termasuk orang bukan Islam kerana kadang-kadang mereka juga melakukan kesalahan dan ditangkap oleh pegawai Jabatan Agama dan perniagaan mereka juga terjejas kerana tindakan pegawai Jabatan Agama Islam yang melulu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dalam surat khabar Singapore Straits Times dan Malay Mail tentang tindakan yang diambil oleh polis bagi pihak Kementerian Kewangan yang menggunakan Anti-Money Laundering Act 2001 terhadap syarikat Invenque Jaya Sdn Bhd yang dipengerusikan oleh seorang pelabur bangsa Arab dari Amerika Syarikat, Dr. Sadiq Muzzafar Faris. Mengikut beliau, beliau dipelawa oleh bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir untuk melabur di Malaysia dengan memindahkan teknologinya ke negara kita. Beliau juga diberi pinjaman sebanyak RM437 juta oleh Kementerian Kewangan tetapi kemudian Kementerian Kewangan tidak menunaikan perjanjian dengannya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kinabatangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekejap ya. Dengan beliau dan selalu melewatkan bayaran pinjaman kepadanya khusus selepas Tun Dr. Mahathir berundur daripada politik. Biarkan saya teruskan cerita ini dahulu ya? Pada Januari 2005, syarikatnya diserbu oleh polis berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh Shusamal, Gohil bekas pegawai syarikat itu yang mendakwa beliau melakukan kesalahan jenayah pecah amanah iaitu CBT. Banyak barang dan dokumen penting syarikatnya diambil oleh pihak polis.

Pada Februari 2005 juga pihak polis memberitahunya syarikatnya diambil tindakan di bawah seksyen 52 (1), *Anti-Money Laundering Act 2001*, pada pengarah syarikatnya dan beliau tidak boleh mengendalikan perniagaan syarikatnya dan syarikatnya diambil-alih oleh *Price Water House* iaitu syarikat itu telah disita oleh pihak polis. Saya meminta Menteri Kewangan dan Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah yang sebenarnya berlaku pada syarikat Invanque Jaya Sdn Bhd?

Apakah Dr. Sidiq merupakan mangsa manipulasi politik dan pihak tertentu di Kementerian Kewangan? Apakah taktik menggunakan *Anti-Money Laundering Act* terhadap pelabur asing secara sewenang-wenang ini akan menakutkan pelabur asing sehingga Malaysia akan jauh ditinggalkan oleh pelabur asing? Apakah layanan terhadap Dr. Sidiq ini adalah kerana beliau enggan memberi rasuah dan menunduk kepada arahan pihak tertentu di Kementerian Kewangan. Saya minta kedua-dua

Kementerian Kewangan dan pihak polis bertindak secara munasabah dalam kes ini supaya imej Malaysia tidak dijejaskan di kaca mata pelabur asing. Sila, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya cuma ingin membuat penjelasan kepada Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat menyedari bahawa surat khabar ini tidak boleh dibuat sebagai satu bahan rujukan di dalam Dewan ini. Yang Berhormat boleh mencari informasi lain, jangan menggunakan surat khabar sebagai rujukan. Lebih-lebih lagi Singapura punya surat khabar memang banyak tipu punya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itulah sebabnya saya bangkitkan di dalam Dewan ini supaya kita tahu daripada pihak kerajaan apa yang telah berlaku dan juga surat khabar yang saya guna tadi adalah Malay Mail, ini surat khabar buatan Malaysia dan di bawah kawalan UMNO.

Beberapa ahli: *[ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Oh, boleh percaya lagi! *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh percaya kah?

Tuan Lim Hock Seng: *[Ketawa]* Oh! Tidak boleh, tidak boleh, UMNO punya tidak boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Syarikat Multilevel Marketing telah pun tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Walau bagaimana pun saya rasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kelihatan tidak memainkan peranan yang sepatut dimainkan olehnya untuk memantau syarikat-syarikat ini sehingga ramai orang yang terlibat dalam perniagaan tersebut dijadikan mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bangkitkan penipuan yang dilakukan oleh Syarikat Asia Commerce Sdn Bhd dan Net Forum Sdn Bhd yang mengurusniagakan card i-Cash dalam dewan yang mulia ini pada pertengahan tahun lepas. Kementerian ini memulihkan lesen kepada syarikat tersebut beberapa bulan selepas menarik balik daripada syarikat berkenaan dengan alasan kerajaan menghendaki syarikat berkenaan menyelesaikan masalah kewangan dengan ejen-ejen mereka. Untuk pengetahuan kementerian, syarikat tersebut sebenarnya tidak menjalankan usaha untuk membereskan masalah mereka ataupun menyelesaikan hutang dengan ejen mereka.

Salah seorang ejen i-Cash di pusat Kuala Lumpur telah pun menang dalam kes mahkamah mereka dua bulan yang lepas kerana Asia Commerce Sdn Bhd langsung tidak mempertahankan diri di mahkamah.

Selain itu saya juga pernah bertemu dengan peniaga dan ejen i-Cash di Indonesia yang juga berkata mereka ditipu beribu-ribu ringgit oleh syarikat tersebut. Alasan mereka ditipu ialah kerana mereka percaya pada taktik yang digunakan oleh syarikat itu dengan menggunakan nama dan gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menarik pelanggan. Saya ingin tanya kepada pihak menteri apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap Syarikat Multilevel Mmarketing ini. Selain itu sekumpulan ejen Syarikat Multilevel Marketing Malila Sdn Bhd juga mendakwa bahawa syarikat mereka tidak membayar komisen mereka yang berjumlah RM8 juta.

Kumpulan ejen ini pernah mengadu kepada biro pengaduan di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kemudian mereka juga telah mencari bantuan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari Taiping. Mereka mendakwa aduan mereka kepada kementerian tidak diambil serius oleh pegawai kementerian kerana mereka disuruh untuk menyelesaikan masalah mereka dengan syarikat Malila dan mereka kelihatan berpihak kepada syarikat tersebut. Sama seperti cara yang digunakan oleh pegawai untuk mengendalikan kes i-Cash.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak mendengar tentang rasuah yang berlaku di kalangan pegawai di kementerian ini khususnya dari segi kelulusan lesen. Kedua-dua kes yang saya bangkitkan ini menunjukkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna lebih berpihak kepada Syarikat *Multilevel Marketing* yang didakwa menipu orang ramai daripada memberi perlindungan kepada pengguna dan agen yang tertipu.

Memandangkan pihak kementerian mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen, bukannya cara ini merupakan kementerian memberi lesen percuma kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menipu dan merompak. Kenapakah pihak kementerian tidak menggantung lesen mereka dan mengenakan denda terhadap pihak syarikat

berkenaan dan juga menjalankan siasatan terhadap semua aduan ini sebagai langkah untuk menegah lebih ramai orang ditipu oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa amat kesal terhadap syarat pengupahan yang diskriminasi terhadap pramugari MAS, di mana mereka dikehendaki berhenti kerja pada umur 40 tahun. Manakala ketua pramugari bersara pada umur 45 tahun. Selain itu mereka juga dihadkan untuk mempunyai dua anak sahaja. Mereka tidak diberi elaun perubatan dan tidak dibayar gaji langsung bila mereka mengandung pada bulan ketiga sehingga bayi dilahirkan.

Saya faham bahawa syarat pengupahan ini adalah termaktub dalam perjanjian kolektif di antara majikan MAS dan Kesatuan Sekerja MAS. Ramai pramugari MAS tidak faham kenapakah kesatuan sekerja mereka bersetuju dengan syarat pekerjaan sebegini, dan mereka berkata mereka tidak pernah dirunding sebelum perjanjian bersama dimeterai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun bekas pramugari MAS Patrice Fernandez yang dipecat oleh MAS kerana beranak telah kalah dalam kes Mahkamah Persekutuan, tetapi ini tidak bermaksud bahawa syarat pekerjaan MAS itu betul. Umur 40 tahun sebenarnya merupakan tahap klimaks dalam hayat manusia. Kebanyakan orang hanya mampu mencapai kecemerlangan dalam kerjaya mereka selepas mereka mencapai umur 40 tahun.

Tetapi kesalnya, MAS mengehendaki pramugarinya bersara pada tahap kecemerlangan mereka. Kerja apa yang boleh dilakukan oleh pramugari MAS selepas mereka bersara pada umur yang begitu muda khususnya mereka yang beranak dan perlu menanggung keluarga. Selain itu, kebanyakan syarikat swasta dan agensi kerajaan tidak ingin menggaji wanita yang berumur lebih daripada 40 tahun. Ini bermaksud, pramugari MAS ini terpaksa menganggur selepas mereka bersara. Apa yang mereka dapat hanyalah *gratuity* yang sebanyak RM15,000 sahaja.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Setujukah Yang Berhormat jika kita katakan bahawa

tindakan yang dilakukan oleh MAS ini merupakan satu tindakan yang melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang tidak membenarkan sebarang diskriminasi terhadap rakyat Malaysia atau sesiapa pun atas etniknya ataupun atas faktor *gender* seseorang. Tindakan haruslah diambil terhadap MAS kerana melanggar Perlembagaan Persekutuan ini.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Ya, memang ini betul. Memang cara pengurusan MAS menangani pengupahan pramugari itu bercanggah dengan prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, syarat pekerjaan yang berunsur diskriminasi ini sebenarnya hanya wujud di MAS dan bukan syarikat penerbangan yang lain.

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Puan Teresa Kok Suh Kim: Saya difahamkan bahawa umur bersara pramugari Air India ialah 57 tahun, bagi Japan *Airlines* pula umur bersara pramugari ialah 60 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sri Aman.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Apakah alasan MAS untuk menidakkan syarat pekerjaan yang begitu diskriminasi ini?

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan. Kalau kita tengok di Amerika Syarikat pramugari ini saya nampak umur mereka sampai 50 tahun. Jadi *hostess* ini nampak macam nenek orang. Jadi, kita tahu Syarikat Penerbangan Malaysia ini menghadapi *competition* yang begitu hebat. Kalau kita terbang dengan nenek-nenek, saya rasa tidak ada orang yang mahu naik kapal terbang kita. Jadi MAS bankrap nanti. Kalau bankrap tidak ada peluang pekerjaan langsung yang dapat diberi atau disumbangkan oleh MAS. Macam mana pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Chow Kon Yeow: Isteri umur berapa?

Puan Teresa Kok Suh Kim: Ada soalan daripada Ahli Yang Berhormat di sini iaitu umur isteri Yang Berhormat berapa? Adakah mereka di bawah umur 30 tahun ataupun.....

Tuan Chow Kon Yeow: [*Menyampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Kim:lebih tua daripada itu? Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang kita perlu daripada pramugari adalah servis mereka.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: [*Bangun*]

Puan Teresa Kok Suh Kim: Jadi yang lebih tua itu mereka lebih tahu macam mana *serve customer*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun. Arau bangun.

Puan Teresa Kok Suh Kim:mereka dalam kapal terbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Sokong saya?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Seputeh. Yang pertama sekali saya tidak sangka Sri Aman macam itu.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Walau bagaimanapun saya hendak beritahu apabila seseorang pramugari yang bersara pada 45 umurnya, maka sempat lagi beliau mencari nafkah dengan *business* yang dia boleh buat semasa umurnya masih muda. Kalau dia 55, mengah sekali dia itu. Saya baru berkahwin dengan bekas pramugari - 33 tahun dan saya tidur dengan seorang nenek sekarang, saya ambil dia daripada MAS itu semasa dia umur muda. Jadi sedap lagikan.

[*Dewan menjadi gamat dengan ketawa*]

Maksudnya, tenaga dia itu. Tenaga dia. Sekarang isteri saya itu walaupun masih lagi muda, dia boleh buat *business*. Jadi kalau sudah umur 55 tahun, dia hendak *start business* pun susah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sangka ya.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Saya rasa kesallah. Dewan yang mulia ini kita meluluskan pindaan Perlembagaan dan masukkan perkataan *gender* dalam *Article 8* Perlembagaan Persekutuan. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang meluluskan undang-undang seperti ini nampaknya mereka tidak faham kenapakah kerajaan masukkan *gender* dalam *Article 8* itu.

Sebenarnya sama ada mereka boleh buat *business* atau apa, ini bukan isu yang kita bincangkan. Isu yang saya hendak bangkitkan ini adalah amat tidak adil bagi pramugari MAS kerana kalau mereka mula berkhidmat dengan MAS, misalnya pada umur 20 tahun, bila mereka bersara pada umur 40 tahun, mereka sebenarnya mempunyai lebih pengalaman untuk menjadi pramugari yang efisien.

Jadi, mereka tidak harus dibuang kerja bila mereka sampai umur 40 tahun. Pramugari MAS beritahu saya bahawa mereka ini lebih teruk daripada GRO. GRO bila mereka *serve* pelanggan mereka, mereka dapat *tips*. Tetapi pramugari MAS tidak ada apa-apa langsung dan selepas itu dibuang kerja pada umur 40 tahun dan dapat *gratuity* RM15,000 sahaja. Jadi saya rasa syarat perjanjian yang tidak adil itu haruslah dipinda.

Saya ingin menyeru pihak Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat haruslah mendesak MAS untuk mengubah suai perjanjian kolektif yang berunsur diskriminasi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tidak banyak lagi. Satu setengah muka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga minit lagi.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Cuba, saya cuba. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat apakah kriteria pelantikan ataupun pemilihan Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga kawasan Parlimen. Berapakah peruntukan diberikan kepada setiap Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga kawasan Parlimen dan berapakah Pengerusi majlis ini yang diketuai oleh kaum bukan bumiputera.

Saya pernah mengadu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa saya tidak pernah dijemput untuk menghadiri apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di kawasan Parlimen Seputeh walaupun saya adalah Wakil Rakyat wanita di kawasan ini. Selain dari itu saya juga tidak tahu bilakah Majlis ini dibentuk. Saya merasa amat hairan untuk melihat bahawa dalam satu kawasan Parlimen yang mempunyai 90 peratus penduduk Cina, Majlis Pembangunan

Wanita dan Keluarga kawasan Parlimen ini diketuai oleh wanita daripada UMNO yang langsung tidak faham tentang masalah dan kehendak wanita Cina di kawasan saya.

Saya sebagai Ahli Parlimen selalu dijemput untuk menghadiri mesyuarat dan aktiviti yang dianjurkan oleh kementerian tetapi tidak dijemput untuk menghadiri apa-apa aktiviti oleh Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di kawasan saya. Bukankah ini bercanggah dengan dasar kementerian? Sehubungan dengan itu, sekiranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin menggunakan peruntukannya untuk menghulurkan bantuan kepada wanita di peringkat akar-umbi, saya mencadangkan kepada kementerian supaya jawatan pengerusi dan jawatankuasa majlis dipegang oleh pemimpin NGO dan bukannya ahli politik untuk mengelakkan masalah seperti ini daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di kawasan Lembah Klang telah menjadi semakin pesat tetapi seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerajaan tempatan kita masih mempunyai fikiran infrastruktur Dunia Pertama tetapi mentaliti Dunia Ketiga, di mana banyak kawasan perumahan yang diluluskan oleh kerajaan Majlis Perbandaran langsung tidak mengambil kira tentang kesesakan jalan raya yang akan berlaku pada masa akan datang. Kerajaan Tempatan di Lembah Klang kelihatan tidak ada apa-apa rancangan untuk meredakan kesesakan jalan raya di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan mereka tiada rancangan untuk meluaskan rangkaian LRT ataupun monorail. Ini jelas ditunjukkan di kawasan perumahan baru yang dibangunkan dengan pesat di Cheras, Kota Damansara, Kepong dan juga kawasan Mid-Valley dan juga termasuk kawasan Puchong.

Soalan saya, apakah tugas dan bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan? Bukankah isu tentang pembangunan dan sistem pengangkutan di Lembah Klang harus diambil berat dan diteliti oleh kementerian ini dan kementerian ini haruslah menjalankan kajian yang lebih terperinci terhadap masalah pengangkutan di seluruh Lembah Klang. Kalau tidak, apakah kerja menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di kementerian ini? Sekiranya kerajaan ingin menjadikan Kuala Lumpur sebagai *world-class city* maka kerajaan mestilah mula menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya dan memperbanyakkan sistem pengangkutan di Lembah Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau tidak saya bimbang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kuala Lumpur mungkin akan menjadi tempat meletak kereta *world-class* yang terbesar di dunia pada tahun 2020. Boleh saya *close, paragraph* yang akhir sekali. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin minta pihak kerajaan memberi tahu Dewan ini bilakah kerajaan akan menyelesaikan masalah kekurangan bas di kawasan Lembah Klang khususnya di banyak kawasan perumahan di Kuala Lumpur. Apakah bas RAPID ini syarikat kawalan kerajaan ataupun syarikat swasta? Kementerian manakah yang memantau bas RAPID ini dan kementerian manakah yang menerima aduan *public* tentang perkhidmatan bas itu.

Saya juga menyeru kementerian memandang serius terhadap kritikan dan aduan yang dibangkitkan oleh wakil rakyat di Parlimen. Saya pernah membangkitkan isu pembaziran dari segi kos seperti yang digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Bandar di DBKL tetapi pihak DBKL dan kementerian kelihatan tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pegawai yang terlibat dan aduan saya diketepikan begitu sahaja. Saya menyeru Menteri supaya memainkan peranannya dengan lebih gigih untuk mengambil tindakan serius terhadap isu yang dibangkitkan oleh wakil rakyat sebagai langkah untuk mengemaskinikan pentadbiran dalam DBKL. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Wah! Ramai lagi ya. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

3.24 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmanir Rahim. [Memulakan dengan membawa selawat Nabi]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong Usul Menjunjung Kasih yang dibawa oleh Ahli Parlimen Dungun dan disokong oleh Ahli Parlimen Ayer Hitam.

Sokongan saya ini benar-benar sokongan yang ikhlas dengan penuh keikhlasan, menyampaikan Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang membuka Dewan Pertama, Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas pada 21 Mac 2005 hari Isnin yang lalu.

*Pisang seikat makan bersama,
Suap sahaja ke mulut saya,
Memang berkat kita bersama,
Sama-sama cari bahagia.*

Pepatah orang tua-tua Melayu, “Biar petir sambar-menyambar, biar kilat sabung-menyabung, biar ayam berlaga di reban, biar kuda bertendang di kandang, adat bersaudara, saudara dijaga, adat berjiran, jiran diutama, adat kita serumpun, serumpun kita pelihara, adat kita sebangsa, sebangsa kita bela.”

Adat mana kita ikut? Saudara memaki saudara, jiran cemuh jiran, pemimpin kami dihina, negara kami dicaci, kenapa tergamak saudara serumpun bendera yang menjadi lambang kedaulatan negara kami dipijak. Ho, ho, kenapa tergamak? Ada suara-suara di Indonesia, “Ganyang Malaysia”. Apa kami ini pisang buruk, boleh diinjakinjak, dipijak-pijak? Ho, ho, *sorry brother*. Kami juga boleh melakukan itu semua. Bukan susah sangat untuk kami memijak bendera – bentang bendera, pijak. Bukan susah sangat hendak menjerit, “Ganyang Indonesia”, bukan sukar sangat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Lagi satu yang dasar di mana temu bual daripada CNN terhadap penduduk Sulawesi dan rata-rata masyarakat menyatakan, “Kalau kami dibekal dengan senjata, kami akan perangi Malaysia”. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini pendapat gila, pendapat biadab, kita serumpun, kita sebangsa, tidak ada sebab kita bersengketa. Saya katakan tadi, tidak menjadi kesusahan untuk pijak bendera Indonesia, tidak menjadi susah kalau saya hendak jerit “Ganyang Indonesia”. Tidak ada sebab yang susah bagi saya kalau hendak menjerit “Perangi Indonesia” tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita di sini berfikiran matang, kita di sini berfikiran yang dapat membezakan bagaimana hendak mencari kebaikan, bukan untuk mencari keruntuhan. Apa untungnya kalau kita berperang, apa untungnya kalau kita bersengketa.

Tuan Yang di-Pertua, apakah saudara-saudara kita di Indonesia tidak pernah mengiktiraf budi kita, bak kata saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan semalam, “susu yang kita beri, tuba yang dibalas”. Apakah ini adat kita berjiran? Malaysia tidak pernah mengeluarkan suara-suara sumbang, Malaysia tidak pernah mengeluarkan suara-suara yang merendahkan jirannya ...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Malaysia sentiasa menjunjung kedaulatan rakan-rakan jiran tetangga, Malaysia sebuah negara dan pemimpin Malaysia sentiasa mengutamakan kebaikan berjiran, kami pegang ajaran Islam berbaik-baik dengan jiran itu satu keutamaan. Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Sri Gading. Yang Berhormat, di akhir-akhir ini kita dapati bahawa bukan hanya Indonesia malah Singapura, Thailand dan Filipina, saya minta pandangan Yang Berhormat Sri Gading, adakah negara jiran kita ini tidak pandai istilah “jiran” atau sebagai ataupun kita ini terlampau berlembut dengan negara-negara jiran, sampaikan mereka sanggup memijak bendera kita dan pelbagai cara dibuat untuk melemahkan kita. Pohon penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih sahabatku Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap. Kita sentiasa menghormati jiran. Kita sentiasa mengutamakan jiran dan sifat kita mengutamakan jiran bukan bermakna kita mengalah, bukan bermakna kita rasa kecil Malaysia ini, bukan kita rasa kita lemah tetapi kita utamakan silaturahim antara kita sesama kita kerana bagi Malaysia, jiran yang baik memberikan keuntungan. Kita yang baik kepada jiran, jiran harus membalas kebaikan. Tetapi apakan daya, ku sangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Hendak diapakan? Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

*“Lama sudah tidak ke ladang,
mati padi dililit kangkung,*

*lama sudah tidak berbincang,
hancur hati pengarang jantung”.*

Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya hendak tanya satu soalan. Gaya kita bercakap tadi, memang kita rasakan kita ada segala sumber kekuatan kita jika berlakulah pertempuran di antara Malaysia dan Indonesia. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sri Gading, jika berlaku?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sifat keperwiraan rakyat Malaysia, darah-darah Hang Tuah Melaka itu masih ada bagi rakyat Malaysia [*Tepuk*] Kita bukan takut tetapi kita tidak mahu pertumpahan darah, pertempuran dan peperangan, kita tidak mahu dan kalau boleh kita jauhkan sejauh-jauhnya kerana seperti mana yang saya perkatkan tidak ada untungnya kita bersengketa. Alhamdulillah pemimpin Malaysia dan alhamdulillah juga pemimpin Indonesia, mereka boleh duduk di meja bundar kata orang Indonesia, mereka boleh berbincang. Tetapi saya berharap rakyat Indonesia harus juga bermatang fikiran macam pemimpinnya dan rakyat Malaysia alhamdulillah memang kita matang macam pemimpin-pemimpin kita dan kalau kedua-dua pemimpin dapat berbincang dalam bilik yang sejuk, kepala yang sejuk, Insya-Allah, api-api yang sedang dimainkan di Indonesia itu akan dapat dipadamkan sendiri. Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Nampaknya kita marah pada rakyat Indonesia yang membakar bendera kita yang menulis pelbagai dalam surat khabar dan sebagainya. Tetapi bagaimana pula kalau rakyat negara kita sendiri yang cuba mengambil kesempatan dengan mengatakan yang Indonesia marah itu kerana sebab-sebab tertentu, menyelar pemimpin kita dan sebagainya. Macam mana rasa perasaan kita? Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalaulah ada apa yang disangka itulah dia petualang bangsa. [*Tepuk*]. Biar saya berhenti di sini, Tuan di-Pertua. Masa sangat terhad mencemburui saya. Saya akan teruskan dengan perkara yang lain. Soal kebajikan Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, ini sesuatu yang Tuan Yang di-Pertua harus sokong dan Tuan Yang di-Pertua juga terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat belum sebut, macam mana saya boleh kata sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan sebut, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi jangan melibatkan saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pucuk pimpinan kita titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku menyuruh Ahli-Ahli Parlimen bekerja keras.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti dulu, biar saya teruskan. Wahai Kuala Terengganu ROI tidak payah, jangan susah.

[Ketawa]

Seorang Ahli: Terus, terus

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua pun tahu, saya pun tahu, Perdana Menteri pun tahu, Timbalan Perdana Menteri pun tahu. Ahli-ahli Parlimen ini kerja tujuh hari seminggu, kerja 24 jam. Usahkan hendak menimang anak, hendak menimang bini pun tidak sempat.

[Tepuk] [Ketawa]

Pembetulan, bini-bini. Apakan daya kerana kehendak rakyat begitu rupa, arah pemimpin begitu rupa. Tetapi sayang seribu kali sayang, Tuan Yang di-Pertua. Kebajikan kami tidak pernah disemak. Gaji kami lebih kurang pengetua sekolah menengah. Mereka Cuma ada 700 – 800 orang, kami ada 56,000 orang. Kami pergi kenduri kena pau, kami pergi ke majlis mati kena pau, kami pergi majlis kena itu, orang buat majlis kami kena, orang tidak buat majlis pun kami kena. *[Disampuk]* Mahu tahan, Tuan Yang di-Pertua. Lebih-lebih lagi rakan-rakan saya dari Sabah dan Sarawak. Saya berpengalaman pergi ke Sekapit, pergi ke Petra Jaya, saya pergi Kinabatangan dan saya pergi yang terakhir, baru-baru ini ke Batang Lupar. Karambunai, rakan saya daripada Baram, sekali pergi kenderaan RM1,200, lepas itu hendak kena jamuan kena RM2000, balik lagi. Lepas itu hendak kena pergi ke kawasan lain, tambangnya RM800, lepas itu kena jamuan rumah panjang RM800 lagi. Empat kali sebulan, Tuan Yang di-

Pertua! Pendekkan ceritalah Tuan di-Pertua, saya pergi Batang Lupar punyalah azab, naik pajero, turun pajero naik *long*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar bukan kawasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak. Saya hendak gambarkan Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya peluang. Naik *long boat*, lepas itu naik lagi lori, turun pula lori naik lagi *long boat*, lepas itu turun lagi daripada lori naik pula *long boat*. *Short boat* tidak ada di sana. Azab, saya katakan. Wartawan di Kuching bertanya kepada saya, bagaimana Ahli Parlimen di Sarawak? Saya kata, empat kali ganda beban wakil rakyat di Semenanjung. *[Tepuk]* Begitu juga Sabah. Kinabatangan ini Allah sahaja yang tahu, hidup Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nantilah Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya teruskan dahulu. You pun dapatlah. You jangan bimbanglah. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh negeri yang miskin *Maldives*, RM18,000 duit kita, ada tiga pembantu. Kita apa pembantu? Bangladesh bukan negara kaya, lima pembantu. Indonesia bukan negara kaya, tiga pembantu. Jangan banding *Singapore*, Tuan Yang di-Pertua. Menteri kita punya gaji pun kalah untuk Ahli Parlimen biasa, tidak payahlah hendak membuat perbandingan. Secara ringkaslah, bagi RM18,000 sebulan selesai masalah. *[Tepuk]*

Kalau Pak Lah kesian, naik jadi RM20,000. Tiada masalah fasal kerja. Mana ada orang kerja seminggu tujuh hari. Mana ada? 24 jam satu hari. Rumah saya pukul 2.00 dia orang ketuk, saya kena buka, kerana wakil rakyat kena layan rakyat, hendak diapakan, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pilih kerjaya kita sebagai Ahli Parlimen. Jadi, kalau Parlimen ini hendak senang, jangan di bawah JPM lagi, pindah sahaja segala-galanya di bawah Parlimen. Biar kami uruskan duit sendiri. Kalau Parlimen di bawah JPA Tuan di-Pertua, JPA ini memang sakit hati dengan Ahli-ahli Parlimen. *[Tepuk]*

Orang-orang politik, dia tentu potong sahaja, dia tidak mahu lebih daripada dia. Patut kami punya gaji lebih tinggi daripada Ketua Setiausaha Negara. Kami pembuat undang-undang, kami bukan pegawai kerajaan, kami di atas mereka. Soal protokol? Soal protokol lagi satu. Saya dengar Tuan Yang di-Pertua sendiri sewaktu sambutan Hari Kebangsaan di Kuantan, Timbalan Speaker duduk di belakang isteri-isteri menteri, ini apa punya protokol? Protokol parit namanya. *[Tepuk]*. Protokol apa Tuan Yang di-Pertua? Maruah Tuan Yang di-Pertua maruah kami, kalau Timbalan Speaker boleh dihina macam itu, apatah kami lagi? Siapa hendak bela Tuan Yang di-Pertua? Sri Gadinglah bela Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat tahu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tahulah, saya tengok TV. Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang boleh duduk depan. Apa beza? Ketua Pembangkang lebih mulia daripada kita punya Timbalan Speaker? Bukan saya marah Ketua Pembangkang duduk depan, oklah. Timbalan Speaker kami pun harus duduk sejajar. Saya cuma minta keadilan, bukan saya hendak tolak dia. Tidak usahlah, tidak apalah, bagilah dia punya keutamaan, tetapi macam mana?

Belakang isteri Menteri, eh, besar sangat ke Menteri punya isteri? Kalau tidak cakap siapa hendak cakap Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak hendak bercakap, siapa hendak bercakap? Hendak harap Menteri cakap taubatlah dia tidak akan bercakap.

Ini satu lagi Setiausaha Parlimen, mana Setiausaha Parlimen? Apa nasib mereka Tuan Yang di-Pertua? Majlis Menteri dan Timbalan Menteri mereka tidak masuk, majlis kita *Backbencher* pun tidak masuk. Ke atas tidak sampai ke bawah tidak jejak, tergantung-gantung. Benda tergantung-gantung ini berbahaya. *[Ketawa]* Kesian. Protokol langsung tidak ada. Ini buku rasmi kerajaan - Perdana Menteri ada dan Timbalan Perdana Menteri ada? Menteri-menteri ada Timbalan-timbalan Menteri ada, Setiausaha Parlimen tidak ada, kenapa? Maknanya tidak ada pengiktirafan Kerajaan Malaysia kepada Setiausaha Parlimen. Suruh sahaja Setiausaha Parlimen jawab di Parlimen, bukan main berat mereka punya tugas. Menteri dan Timbalan Menteri goyang

kaki sementara Setiausaha Parlimen menjawab pucat-pucat mereka, terpaksa buat - apa hendak buat. *[Disampuk]* Nanti dulu tengah naik syeikh ni.

Saya mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya jawatan Setiausaha-Parlimen dimansuhkan, mereka dinaikkan jadi Timbalan Menteri sahaja. Apa salahnya Jabatan Perdana Menteri ada sampai empat hingga lima orang Menteri. Ini seorang Menteri juga tetapi dia jaga agama. Setiausaha Parlimen jadi Timbalan Menteri, cuba dikhususkanlah. Ha, ini engkau Timbalan Menteri jaga Parlimen engkau Timbalan Menteri jaga ini, engkau jaga ini tak apalah tiga orang Timbalan Menteri. Itu peluang Yang Berhormat Kinabatangan boleh jadi Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak, saya sudah puas jadi *Exco* selama 10 tahun - minta maaf, tak hendak duduk dalam kerajaan, jadi *Backbencher* ini lagi baiklah. Jadi, salah kita taruh, yang baik kita puji, cukup senang Tuan Yang di-Pertua duduk dalam Parlimen.

Jadi, minta Perdana Menteri siapa boleh jawab ini? Kena jawab ni. Setuju tak Ahli-ahli Parlimen sekalian supaya Setiausaha Parlimen ditiadakan, naikkan pangkat jadi Timbalan Menteri yang ada Menteri, Timbalan Menteri dan *Backbencher* Barulah maruah dia ada. Protokol Tuan Yang di-Pertua di negeri tidak ada kerusi. Dekat Federal kedatangan Menteri, kedatangan Timbalan Menteri, kedatangan Ketua Setiausaha, Ketua Setiausaha pula atas dia, kedatangan Setiausaha Parlimen nahi, nahi, nahi.

Tuan Yang di-Pertua, mereka Ahli Parlimen juga dan di kawasan orang sangka dia punya kerja hanya di Parlimen, tidak ada apa hanya di Parlimen. Ini mencemarkan maruah mereka, mereka Ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cakap antara orang yang berjasa di Parlimen ini ialah Setiausaha-setiausaha Parlimen dan kita semua *of course! Of course*. Faham Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Termasuk Tuan Yang di-Pertua juga. Naik taraf. Tuan Yang di-Pertua punya taraf mesti sama dengan Menteri, Speaker sama dengan Timbalan Perdana Menteri baru ngam. Speaker besar, lebih besar daripada ahli biasa. Jadi Speaker sama dengan Timbalan Perdana Menteri. Timbalan Speaker sama taraf dengan Menteri dan kemudahan-kemudahannya.

Tuan Yang di-Pertua setuju tambah 10 minit untuk saya bercakap. Yalah, ini perkara penting Tuan Yang di-Pertua. Perkara penting. Sebelum kita mementingkan orang kita pentinglah Tuan Yang di-Pertua. Mana pula catatan saya? Saya hendak bercakap 35 perkara boleh Tuan Yang di-Pertua benarkan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat Sri Gading. Boleh ye? Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tadi Yang Berhormat Sri Gading telah mengutarakan rintihan wakil rakyat Barisan Nasional Sabah, Sarawak dan di kawasan luar bandar. Soalan saya bagaimana wakil-wakil rakyat Barisan Nasional hidup kerana mereka perlu memberi peruntukan ataupun wang banyak kepada organisasi dan tempat.

Kedua ialah bagi wakil rakyat parti Pembangkang kami tiada peruntukan pembangunan tahunan RM500,000 itu. Jadi apakah ini juga bercanggah dengan prinsip keadilan dan juga Islam Hadhari yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Parlimen Seputeh dengan ikhlas saya mengatakan bahawa jawapan yang boleh diberi ialah oleh Perdana Menteri bukan oleh Sri Gading. Nanti dia jawablah you punya soalan, bukan saya jawab. Kalau saya jawab memang you tak dapat pasal apa you pilih Pembangkang? You masuk Barisanlah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, untuk keadilan di Parlimen kita ini ada macam-macam etnik. Etnik orang Hulu Sarawak patut diletakkan juga salah seorang daripadanya duduk dalam kerajaan. Eh, orang Hulu tak tepuk ke? Apa you Rajang diam sahaja. Yang berikut soal pembangunan negara, ini serius. Saya jadi wakil peribadi Perdana Menteri yang ketiga Allahyarham Tun Hussein Onn. Apabila dia berbincang saya ada bersama. Tujuh perkara penting yang tidak boleh diambil ringan, kalau sesebuah kerajaan tidak menyempurnakan tujuh perkara penting, bermakna kerajaan itu gagal. Kalau sesebuah kerajaan tidak dapat menyempurnakan tujuh perkara penting rakyat teraniaya. Kalau tujuh perkara penting ini tidak dilaksanakan oleh kerajaan, kerajaan itu sebenarnya kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Tujuh perkara penting pembangunan negara yang tidak boleh tidak mesti ada *whatever cost*.

Yang pertama, bekalan air bersih kepada rakyat. Di mana-mana sahaja Tuan Yang di-Pertua, Semenanjung, Sabah dan Sarawak rakyat harus disamaadilkan tidak ada pilih kasih.

Yang kedua, api elektrik. Tidak ada pilih kasih antara satu wilayah dengan satu wilayah mesti dibekalkan sama *whatever cost*.

Yang ketiga, jalan raya. Jalan raya juga menjadi perkara penting dalam pembangunan negara tidak boleh diambil remeh biar berapa pun kosnya kerajaan mesti menyediakan. Biar berhutang. Apa peduli berhutang kerana kalau berhutang pun bukan negara kita boleh tergadai, yang penting rakyat dapat merasai pembangunan. Amerika pun berhutang, 7 trilion, negara kaya pun berhutang apa peliknya Malaysia. Demi kebajikan rakyat kami menyokong penuh kalau pemimpin berani memberikan segala kemudahan ini.

Yang keempat, pelajaran. Negara kita tidak akan maju dan kita tidak akan sampai Wawasan 2020 kalau anak cucu kita yang ada hari ini tidak diberi pendidikan – pelajaran. Pelajaran dan pendidikan suatu perkara yang amat penting.

Yang kelima, perumahan. Apakah kita rasa seronok berbanglo dua tingkat tetapi jiran tetangga kita di sebelah rumahnya senget sebelah? Apakah rasa bahagia pemimpin kita kalau melawat ke kampung-kampung rakyat punya rumah macam reban ayam.

Apakah kita berbangga dengan dunia luar bahawa kami negara yang maju tetapi ramai rakyat kita rumah-rumahnya gerobok-gerobok buruk, teratak yang tidak dinamakan rumah yang masih menjadi kediaman orang-orang di luar bandar, orang-orang yang tidak bernasib baik. Tuan Yang di-Pertua, kita membuat kebajikan.

Yang keenam, kesihatan. Kesihatan itu penting. Tidak ada orang pun yang di dunia ini mengatakan kesihatan tidak penting, kesihatan penting. Ini yang Menteri Kesihatan, pil Panadol hendak kena bayar ini pasal apa? *[Ketawa]* Perubatan hospital kepada orang-orang di kampung-kampung luar bandar, perkhidmatannya tidak berapa canggih macam orang-orang bandar. Apa hospital kerajaan di bandar-bandar hanya hendak mementingkan Tan Sri-Tan Sri dan Dato'-Dato'? Cakaplah. Di Kuala Lumpur dilonggokkan pakar-pakar tetapi di Kinabatangan, tidak usahkan pakar, Tuan Yang di-Pertua, akar pun tidak ada. Hoo! *[Disampuk] [Ketawa]*

Apa bezanya, Tuan Yang di-Pertua? Mereka warganegara, kami juga warganegara. Jangan mementingkan orang kaya-kaya, orang bergelar-gelar tetapi rakyat di kampung-kampung kita dibiarkan kesihatan mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh bagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput! *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Kinabatangan, terdapat dua tahun yang lalu saya sudah suarakan di Dewan ini, satu pusat kesihatan bernilai RM29 juta sudah tiga tahun siap sehingga hari ini tidak ada satu doktor pun dan hospital atau pusat kesihatan ini menjadi bangunan 'gajah putih'. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pandangan saya ialah 'sampai tualah lu' tunggu. *[Ketawa]* Pasal inilah sikap mereka, Datuk Kinabatangan. Inilah sikap mereka, kalau di pinggir-pinggir bandar, di kampung-kampung, kamu tidak utama. Yang diutamakan Bandar Raya Kuala Lumpur. Yang diutamakan bandar-bandar besar. Kinabatangan apa? Apa untungnya? Sebab itu saya katakan 'sampai tualah lu.' *[Ketawa]*

Ini mentaliti yang ada pada menteri, mentaliti yang ada pada orang yang membuat dasar, mentaliti pada pegawai-pegawai yang membuat macam-macam – EPU, IPU... apa PU itu? *[Ketawa]* Mentaliti mereka, Tuan Yang di-Pertua, mentaliti penjajah.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau kamu berbangsa Malaysia, utamakan di luar bandar, *[Tepuk]* utamakan di luar bandar. Di luar bandarlah yang menjadi teraju dan teras kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Kenapa dilupakan jasa mereka? Ho, hoo! Ini, Tuan Yang di-Pertua, ini mentaliti yang di...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan, Tuan Yang di-Pertua, tolonglah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Apabila Yang Berhormat bagi Sri Gading berucap menceritakan soal rakyat, saya turut terpancang untuk bangun petang ini dan menyebut soal penjajah.

Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa pentadbiran negara ini adalah merupakan *extension* daripada sistem penjajah yang terdahulu di mana kita, Ahli-ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin besar diberikan gelaran, diberikan elaun, diberikan tempat duduk yang sihat dan bagus seperti ini tetapi kuasanya tidak ada kerana dahulu penjajah juga mahu menjadikan pembesar Melayu negara ini diberi gelaran, *pampered*, diberi kereta besar, diberi drebar tetapi kuasanya ada pada pegawai kerajaan.

Extension daripada penjajahan ini terus berlaku sehingga sekarang menjadikan Eksekutif itu sebenarnya tidak berada di kalangan rakyat yang dipilih tetapi dia adalah orang yang bekerja untuk kita. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, semua yang diperkatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh, saya serahkan kepada Perdana Menteri untuk dijawab. Haha, selamat saya! *[Ketawa]* Pasal hendak jawab ini bukan senang pula. Saya setujulah, setuju sangatlah. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya boleh... *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh...

Beberapa Ahli: Yang ketujuh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang ketujuh tadi sudah? Oh, belum.

Seorang Ahli: Nombor tujuh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Keselamatan dan pertahanan, itu penting. *Whatever cause*, beli kapal terbang, beli apa-apalah, belilah...

Seorang Ahli: Kapal selam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kapal selam ke, kapal darat ke, belilah, pasal itu penting. Tujuh perkara penting. Saya tidak hendak panjangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh perkara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya masa sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit lagi, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. MERCY Malaysia, saya angkat tabik. Parlimen harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada presidennya, Datuk Dr. Jemilah Mahmood. Mereka dengan secara ikhlas dan bersungguh-sungguh, Tuan Yang di-Pertua, mengharumkan nama negara di Iraq, di Afghanistan dan baru-baru ini di Aceh, sebelum itu di Ceylon, di Sri Lanka dengan pekerja-pekerjanya, Tuan Yang di-Pertua, dia mengharumkan nama Malaysia, tahniah Datuk Dr. Jemilah Mahmood, orang mana itu? *[Disampuk]* Tidak pedulilah, orang mana. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan mengiktiraf kerja-kerja baik mereka. Jangan dengan kata-kata, jangan dengan puji-pujian, yang penting geran bantuan kepada MERCY Malaysia harus diwujudkan dan beri mereka kemudahan-kemudahan yang lain supaya mereka menjadi orang yang dapat terangsang oleh pengiktirafan dan penerimaan kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, yang akhirlah, minta maaflah Tuan Yang di-Pertua kalau saya memakan masa, minta maaf rakan-rakan yang lain. Anugerah kepada bintang-bintang filem veteran. Beberapa hari yang lalu, beberapa minggulah, beberapa bintang filem ini datang ke rumah saya di Johor Bahru, bintang-bintang filem veteran, mereka berbisik kepada saya. Mereka suka anugerah kepada bintang-bintang filem veteran yang sudah berjasa dalam Shaw Brothers ataupun Cathay Keris, tetapi ada di antara mereka yang tercicir.

Saya bagi contoh yang tercicir, Salmah Ibrahim. Dia main puluhan filem. Suaminya Seniman Nordin Ahmad yang menjadi hero lebih daripada 43 filem.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kajang Pak Malau? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi saya pun tidak ada. Dan banyak lagi bintang filem yang lain, saya harap Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.... *[Disampuk]* Saya tidak hendak cakap banyak pasal RTM ini, banyak dia punya perkara, Tuan Yang di-Pertua. Lain kali kita jumpalah, Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ampang.

4.29 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-11 ini.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada melahirkan rasa gembira Baginda kerana laporan kualiti hidup Malaysia 2004 menunjukkan bahawa indeks kualiti hidup rakyat telah meningkat. Indeks ini berdasarkan kepada peningkatan penyediaan pelbagai kemudahan untuk rakyat termasuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan perhubungan. Kita percaya rakyat menghargai kemudahan-kemudahan yang disediakan tetapi kita juga lebih percaya mereka tidak akan berpuas hati jika mutu perkhidmatan tidak sehebat prasarana yang disediakan.

Sehubungan dengan itu di bidang kesihatan kita mengalu-alukan rancangan kerajaan untuk membina lebih banyak hospital kecil sekitar 20 hingga 30 katil terutama di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak begitu padat penduduknya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini kerana kos pembinaannya jauh lebih murah dan dapat mengelakkan kerugian berbanding jika sekiranya hospital besar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan canggih dibina, tetapi tidak mempunyai tenaga manusia yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita masih kekurangan jururawat. Dilaporkan kekurangan itu ialah sekitar lima ribu orang setahun. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menggariskan nisbah jururawat kepada penduduk yang ideal untuk sesebuah negara ialah 1:200 orang. Tetapi di Malaysia, nisbahnya sekarang ialah 1:645; bermakna seorang jururawat terpaksa melayan 645 orang pesakit. Dengan nisbah yang ada sekarang ini, bermakna negara perlu mengeluarkan 8,000 jururawat setahun sedangkan sekarang kerajaan hanya berjaya melatih 3,000 orang jururawat baru setahun. Daripada jumlah 3 ribu ini pula, 2 ribu bakal jururawat dilatih di 19 kolej jururawat di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan, manakala seribu lagi dilatih di 12 kolej perubatan swasta di seluruh negara. Dalam pada itu pula, kita dapati laporan akhbar baru-baru ini mengatakan bahawa terdapat 1,200 jururawat keluaran kolej swasta gagal memulakan perkhidmatan kerana tidak diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi

Negara (LAN), sedangkan Lembaga Jururawat Malaysia mengiktiraf kemudahan dan tenaga pengajarnya. Jadi saya ingin bertanya, tidakkah ada penyelarasan di antara Lembaga Akreditasi Negara dengan Lembaga Jururawat Malaysia sebelum sesuatu kursus kejururawatan di kolej swasta itu diiktiraf atau adakah sememangnya Lembaga Akreditasi Negara (LAN) tidak memerlukan pandangan Lembaga Jururawat Malaysia sebelum dipertimbangkan untuk pengiktirafan?

Tuan Yang di-Pertua, permintaan terhadap profesion kejururawatan ini tidaklah begitu menggalakkan terutamanya di kalangan kaum bukan Melayu. Sebenarnya dari statistik yang saya dapati, dalam profesion jururawat di Malaysia, kaum Melayu menyumbang kepada 85.4%, bangsa Cina – 5.5%, India – 3.5% dan selebihnya tidak sampai 6% adalah kaum bumiputera lain yang bukan Melayu. Profesion ini sebenarnya senasib dengan profesion polis dan tentera di mana...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi mengenai penyertaan jururawat Cina untuk memasuki kolej jururawat. Ini adalah satu isu yang agak rumit di mana kita dapati, ramai di antara peserta yang layak ada memohon memasuki kolej kejururawatan, tetapi malangnya, mereka telah dihalang semasa temu duga dan gagal dalam temu duga. Itulah satu kekangan yang paling besar dan satu rintangan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebagai seorang doktor tentang perkara ini.

Satu lagi perkara, kita melihat kolej kejururawatan yang dikendalikan oleh kerajaan nampaknya peratusan yang dapat lulus dalam kolej cumalah 45% berbanding dengan 98% di kolej kejururawatan swasta. Apa yang sudah jadi pada kolej kejururawatan? Adakah kelayakan itu terlalu rendah sampai mereka tidak dapat lulus? Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai masalah LAN itu kerana saya melihat, LAN ini dalam perkataan Cina tidak baik sebab 'basi' namanya. Adakah sesuatu perkara perlu dilakukan untuk membolehkan kolej kejururawatan yang menawarkan kursus diploma ini diberi pengiktirafan secara automatik setelah diluluskan oleh

Kementerian Kesihatan, kerana dalam LAN itu tidak ada orang yang arif dalam kejururawatan. Minta pandangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebenarnya saya dapat rumuskan bahawa tiga bahagian soalan itu. Yang kedua di mana dipersoalkan tentang kadar kegagalan itu, saya sebenarnya hendak ulas tentang itu sekejap lagi. Yang pertama, tentang dihalang semasa temu duga ini saya sendiri tidak dapat komen dan saya sendiri tidak pasti kesahihan dakwaan tersebut, tetapi bagi pandangan saya, jika ada golongan bukan bumiputera menzahirkan hasrat untuk mengikuti kursus kejururawatan ini, maka sepatutnya digalakkan.

Begitu juga tentang LAN ini, saya rasa itu yang saya tanya tadi, adakah mereka ini tidak perlu pandangan Lembaga Jururawat Malaysia? Jika Lembaga Jururawat Malaysia menyatakan bahawa prasarana ataupun dari segi fizikal dan juga tenaga pengajarnya diiktiraf oleh Lembaga Jururawat, maka saya rasa tidak ada masalah mereka untuk mengiktirafnya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Oleh itu bagi saya, bagi mereka yang menunjukkan minat

Dato' Liow Tiong Lai: Yang Berhormat bagi Ampang, sebelum itu, sebelum jururawat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong, ya.

Dr. Rozaidah binti Talib: Sila.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya hendak mencelah ini sebab jururawat ini amat penting. Kita hendak jadi negara maju sebelum tahun 2020, ini kita perlukan lebih kurang 170 ribu jururawat tetapi pada masa sekarang, kita hanya ada lebih kurang 30 ribu sahaja dan kita perlu melahirkan lebih ramai jururawat. Memandangkan tadi ada kekangan dari segi *interview*, dari segi pengambilan jururawat ini, boleh atau tidak menerima cadangan bahawa kalau boleh,

pengambilan jururawat ini kita berikan kepada Kementerian Kesihatan ambil sendiri, tidak payah melalui JPA, susah sangat.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Saya amat bersetuju kerana bagi saya, dalam profesion yang khusus seperti ini, biarlah yang tahu tentangnya memberikan pengiktirafan, terima kasih. Itu pandangan peribadi saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu bagi mereka yang menunjukkan minat sama ada Melayu atau bukan Melayu, apabila telah tamat kursus dan bersedia untuk mencurahkan khidmat kepada negara dengan tangga gaji yang tidak begitu menggalakkan, tentulah mereka ini berasa kecewa. Walau bagaimanapun, kita bersetuju dalam usaha meningkatkan bilangan jururawat yang agak terdesak ini, janganlah hendaknya kita berkompromi dari segi syarat kelayakan untuk memasuki kursus kejururawatan dan juga standard ataupun mutu tenaga pengajar itu sendiri.

Saya rasa agak terkejut apabila Menteri Kesihatan mendedahkan bahawa lebih separuh jururawat pelatih di kolej-kolej latihan jururawat kelolaan kerajaan gagal dalam peperiksaan akhir. Tahun lepas, 55.5% Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ya, bukan 45%, 55.5% gagal dalam peperiksaan akhir, ya betul, yang lulus 45%, yang gagal 55% dan mengakibatkan kerugian di pihak kerajaan sebanyak RM30 juta, begitu banyak. Sudahlah kita kekurangan jururawat, yang keluaran kolej swasta 1,200 orang tidak diiktiraf, tidak dibenarkan memulakan perkhidmatan, sementara yang di bawah latihan kerajaan pula lebih separuh gagal. Saya harap Kementerian Kesihatan dan LAN di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dapat menyelesaikan masalah-masalah yang saya sebut tadi iaitu

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut bangun.

Dr. Rozaidah binti Talib: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Yang pertama, saya tidak setuju kalau LAN sebagaimana kata Ayer Hitam ditukarkan mengikut bahasa Cina. Kita tidak boleh ikut sesuatu bahasa. Kita ikut bahasa Melayu, bahasa Melayulah yang kita kena pertahankan. Macam mana hendak buat kalau bahasa Cina kata 'basi', basilah, bahasa Melayu tidak basi. So, persoalan saya, tentang masalah jururawat ini kalaulah mengikut statistik oleh Yang

Berhormat tadi tidak diiktirafkan, kita cadangkan tutup sahaja kolej swasta ini kerana satu pembaziran, tutup. Kalau kolej swasta yang diwujudkan, tidak diiktirafkan mengikut kata Yang Berhormat, kita tutup, tidak perlu lagi kita wujudkan kerana membazir, kita lihat cara mana yang terbaik. Saya hendak tanya Yang Berhormat tadi, setujukah Yang Berhormat supaya di kalangan jururawat ini diperbanyakkan lagi di kalangan orang lelaki, tidak semestinya dari kalangan wanita kerana ramai juga pesakit terdiri daripada pesakit lelaki, tidak kira apa bangsa sekalipun. Mungkin ini selaras dengan Islam Hadhari, minta sedikit pandangan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya sebenarnya sangat bersetuju tentang penglibatan kaum lelaki dan kalau tidak silap saya, dalam syarat-syarat kemasukan tidak dimestikan ia terdiri dari kaum perempuan. Saya tidak pasti sama ada benda ini menjadi kemestian iaitu hanya kaum perempuan sedangkan saya sendiri berpengalaman bekerja dua tahun di Leeds, United Kingdom dan saya sempat pun melahirkan anak di sana, memang semasa saya bersalin dahulu jururawat lelaki yang membela saya dan bayi saya. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi, saya rumuskan tadi, ada dua masalah sekarang ini yang Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pengajian Tinggi kena ambil berat. Satu, syarat kelayakan yang rendah seperti yang didakwa oleh Malaysian Nurses Union dalam kolej-kolej kejururawatan kelolaan kerajaan dan mutu tenaga pengajar yang juga rendah seperti didakwa oleh Ketua Jabatan Perubatan Farmasi dan Kejururawatan Kolej Sedaya, yang mungkin menjadi penyebab kenapa kadar kegagalan di kalangan jururawat pelatih kelolaan kerajaan begitu tinggi sekali dan masalah kedua, pengiktirafan kursus-kursus kejururawatan di kolej swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapan baginda juga menekankan betapa pentingnya institusi keluarga sebagai asas utama kepada kestabilan dan kesejahteraan sosial serta pembentukan masyarakat penyayang. Usaha memantapkan institusi keluarga akan terjejas sekiranya masalah sosial tidak dibendung. Pelbagai dasar dan pelan tindakan telah dan sedang diadakan dan kebanyakannya terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ada 21 salah laku yang ditakrifkan sebagai salah laku sosial ataupun masalah sosial. Antaranya gengsterisme, vandalisme, ponteng sekolah, seks bebas, ketagihan dadah, HIV AIDS, keganasan rumah tangga, lumba haram dan banyak lagi. Sudah semestinyalah ini, untuk mengatasi masalah-masalah sosial ini, pelbagai pihak dan pelbagai kementerian harus terlibat secara proaktif. Di bawah dasar sosial negara ada tiga kumpulan sasaran yang perlu diberi perhatian utama yang mana ini telah dikenal pasti, iaitu kanak-kanak, remaja dan belia, atas alasan mereka ini bakal memimpin negara. Pada pandangan saya, bagi memantapkan institusi keluarga, golongan ibu bapa sendiri mesti dilibatkan dalam program-program pembangunan masyarakat. Bukan semua ibu bapa pada hari ini tahu tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dan keluarga, bukan bermakna sebagai ketua keluarga kita tahu bagaimana sebenar-benarnya memimpin keluarga. Saya menyeru supaya lebih banyak kursus-kursus keibubapaan dibuat selain daripada penekanan kepada tiga kumpulan sasaran tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada program-program tentang institusi keluarga termasuk keibubapaan yang dibuat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang dijalankan tetapi malangnya setiap kali penglibatan kaum lelaki dan kaum bapa amat mengecewakan. Dari pengalaman saya, setiap kali pegawai dari kementerian meminta menghantar peserta, saya selaku Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga peringkat Parlimen, mereka mesti kata minta hantar sekian-sekian ramai peserta wanita, tidak pernah disebut untuk hantar bersama peserta lelaki atau kaum bapa, walaupun jawatankuasa saya sendiri, saya sengaja melantik kaum lelaki. Ya! Banyak seminar-seminar yang dihadiri, tiada lelaki walaupun ia membabitkan peranan kedua-duanya dalam menangani isu-isu yang melibatkan keluarga dan masyarakat.

Saya minta maaf, jika hakikatnya pihak kementerian ada menjemput lelaki sebagai peserta tetapi yang nyatanya saya tidak nampak apa. Mengapakah nampaknya seolah-olah isu keluarga adalah tanggungjawab wanita semata-mata? Sekarang ini saya minta kementerian, di mana Timbalan Menteri pun seorang lelaki, untuk memikirkan bagaimana cara untuk menarik minat kaum lelaki sama-sama hadir dalam seminar-seminar dan kursus-kursus seumpamanya. Bagi saya, ini bukan permintaan remeh kerana banyak isu-isu hanya boleh ditangani dengan penglibatan sama kaum

lelaki, misalnya keganasan rumah tangga, masalah anak-anak remaja, penderaan kanak-kanak, isu HIV, AIDS dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar sosial negara memerlukan pelan tindakan dari pelbagai sektor secara collaborative dan penglibatan segenap lapisan masyarakat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, cabaran kepada kaum wanita hari ini, saya rasakan semakin hebat terutamanya kepada wanita yang bekerja dan ada antaranya yang merupakan break winner, dengan izin, sesebuah keluarga. Ramai yang berpendapatan melebihi pendapatan suami mereka. Sekarang ini, mereka yang mempunyai anak-anak terpaksa bergantung pada pembantu rumah asing terutamanya dari Indonesia dan dari Filipina. Saya rasa kita tidak mahulah sampai satu hari terpaksa mengimport orang gaji dari Pakistan. Kalau lawa sangat, saya sendiri pun berhenti kerja duduk rumah, risau juga.

Persoalannya sekarang, tenaga kerja wanita di negara kita ini memang cukup tinggi dan fenomena ini akan berterusan malah lebih hebat lagi kerana di institut pengajian tinggi sekarang hampir 70% adalah siswi, pelajar-pelajar perempuan. Jadi, apabila mereka ini telah mendapat ijazah, telah berkeluarga, maka dilema wanita bekerja berterusan. Saya membawa perkara ini kerana saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, juga Kementerian Sumber Manusia, apakah kesudahannya cadangan dan perancangan untuk mengadakan tempat asuhan bayi dan kanak-kanak di pejabat?

Bagi ibu-ibu yang menyusui badan ini cukup penting walaupun diberi cuti 60 hari lepas bersalin penyusuan badan secara berterusan amat penting, begitu juga early bonding, dengan izin, antara ibu dan bayi pada peringkat awal kehidupan bayi tersebut. Tempat-tempat awam pun saya lihat sangat kurang menyediakan bilik-bilik khas untuk penyusuan bayi, tidak seperti di negara-negara maju, seperti di United Kingdom. Saya tahu memang ada beberapa insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada majikan-majikan yang memberi kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi. Tetapi, sekarang ini, kita tidak tahu mengapakah sambutannya dingin dan mengapakah perkara ini tidak dibicarakan lagi. Adakah kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan dan mengadakan crutches, dengan izin, tempat-tempat asuhan bayi dan kanak-kanak di tempat kerja.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, saya ini cuma hendak minta penjelasan pasal tidak faham. Soal ibu-ibu perlukan tempat asuhan di tempat kerja kerana masalah susu ibu hendak menyusu anak. Saya *curiosity* hendak tanya, boleh atau tidak kalau susu-susu ibu itu diperah, dimasukkan ke dalam botol, dimasukkan ke dalam peti sejuk dan dipanaskan melalui *microwave* jadi tidak timbul masalah bayi-bayi tadi tidak dapat susu ibu. Boleh atau tidak dari segi saintifiknya? Cuma hendak tanya.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Kalau dari segi bornding, okey!. Mungkin Yang Berhormat boleh faham tadi dari segi bornding. satu hal, tetapi dari segi saintifiknya, tentang susu ibu yang disejuk beku, kemudiannya dipanaskan balik dalam *microwave* sebenarnya memang boleh. Sebenarnya kandungan zat atau nutrien dalam susu ibu itu tidak akan berubah tetapi saya hendak bercakap dari pengalaman peribadi saya sebagai seorang wanita berkerjaya selama lebih 18 tahun dan sebagai seorang ibu yang telah melahirkan lima orang anak. Pengalaman saya, saya boleh bercakap dari segi perubatan. Apabila kita memerah susu ibu dia cepat kering, kalau kita boleh menyusu setahun, kita dapat menyusu 4 bulan sahaja dan juga sebenarnya dari segi perubatan apabila bayi menghisap puting ibu dia akan memberikan rangsangan untuk mengeluarkan lebih susu lagi. Itu sebenarnya. Terima kasih. Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah, saya tidak hendak tanya fasal bab susu-menyusu ini, tetapi syabaslah kepada Yang Berhormat bagi Ampang yang masih lagi tidak nampak begitu.... [*Ketawa*] Soalan saya, Yang Berhormat tadi menyebut masalah nursery, dengan izin, di kilang-kilang yang saya sendiri pernah bercakap berkali-kali di Parlimen ini. Kalau Yang Berhormat bersetuju kita minta pada pihak berkenaan supaya diletakkan satu syarat, peraturan kepada mana-mana kilang yang baru hendak dibuka, mewajibkan supaya mesti ada satu nursery, kerana ramai di kalangan pekerja adalah terdiri daripada kaum wanita yang telah pun berumah tangga. Sama ada mereka masih kekal dengan keluarga mereka ataupun mungkin dia sudah menjadi ibu tunggal, jadi kita syaratkan.

Jadi, bersetuju atau tidak, kepada kementerian berkenaan, mewajibkan setiap majikan dan kilang-kilang yang baru hendak didirikan mestilah menyediakan satu tempat khas untuk nursery supaya tidak menimbulkan masalah sosial yang lain kepada ibu-ibu yang sedang bekerja. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Dr. Rozidah binti Talib: Jawapan peribadi saya ialah setuju, tetapi saya percaya dari segi pelaksanaannya mungkin kementerian ada masalah sebab ini melibatkan dua pihak, iaitu kementerian mungkin boleh memberi cadangan, tetapi mungkin pihak majikan yang tidak semestinya terdiri daripada kerajaan, mungkin mereka ini majikan swasta, mungkin mereka tidak setuju. Itu pandangan saya, boleh saya teruskan. ya?

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi adalah konsep Home Office yang pernah kita dengar beberapa tahun dahulu diperkenalkan di mana ianya bertujuan untuk memudahkan wanita-wanita yang berkelayakan ini bekerja daripada rumah menggunakan kemudahan ICT e-dagang dan sebagainya. Saya juga ingin tahu, apakah perkembangan-perkembangannya setakat ini, bagaimanakah ia dilaksanakan dan apakah bentuk bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan?

Dasar keluarga negara yang disentuh dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bertujuan membangunkan keluarga sejahtera, memberi tumpuan kepada aspek pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak bagi memastikan kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan awal dari segi jasmani dan rohani.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya begitu tertarik dengan usaha pihak Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan penggerak Rakan Muda. Kumpulan penggerak Rakan Muda ini telah diarahkan berjumpa dengan wakil-wakil rakyat untuk berbincang tentang program-program untuk belia di kawasan masing-masing.

Inisiatif ini harus diberi pujian kerana selama ini, inilah yang wakil-wakil rakyat mahu iaitu sama-sama berbincang sebelum melaksanakan program. Tetapi malangnya dari pengalaman beberapa orang rakan-rakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat mendapati apabila penggerak rakan muda ini berjumpa kami, mereka seolah-olah tidak tahu apa hendak buat dan tidak ada sebarang perancangan. Mereka minta tumpang atau menempel program yang.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dr. Rozaidah binti Talib: Ya, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ampang. Bercakap tentang penggerak rakan muda yang telah pun dilantik oleh Kementerian Belia dan Sukan mungkin Yang Berhormat Ampang menghadapi satu keadaan di mana pertubuhan-pertubuhan belia di kawasan Yang Berhormat tidak bergerak dengan begitu aktif.

Maka kehadiran penggerak rakan muda ini merupakan suatu *plus point* dengan izin kepada Yang Berhormat. Tetapi kepada kawasan-kawasan yang mana pertubuhan belianya bergerak dengan aktif, kehadiran penggerak rakan muda ini telah menambah satu lagi kerenah birokrasi di mana kerja-kerja yang dilakukan oleh penggerak rakan muda ini bertindan dengan pengerusi majlis-majlis belia di peringkat daerah dan juga negeri-negeri di mana peranan dan tanggungjawab ataupun *term of reference* kepada penggerak rakan muda ini kelihatan seolah-olah melaksanakan tugas-tugas pengerusi pertubuhan-pertubuhan belia yang aktif ini. Apa komen Yang Berhormat Ampang?

Dr. Rozaidah binti Talib: Komen saya, saya rasa sebelum ditubuhkan penggerak rakan muda ini sudah sepatutnya pihak kementerian memikirkan tentang perkara ini iaitu pertindihan tugas dan sebagainya dan perkara ini sepatutnya diselaraskan lebih awal pada peringkat perancangan lagi.

Saya sambung, dari pengalaman beberapa orang rakan-rakan saya, mereka ini minta tumpang ataupun dia hendak menempel program-program kita yang wakil rakyat buat seolah-olah dia sendiri tidak ada perancangan, tidak ada arahan tentang apakah rancangan yang digariskan oleh pihak kementerian. Mereka juga meminta peruntukan daripada wakil-wakil rakyat jika mereka ada mencadangkan apa-apa program.

Saya benar-benar berharap perkara ini tidak terjadi kepada kesemua wakil rakyat hanya kepada kami beberapa orang di Selangor dan jika sekiranya perkara ini tidak mengikut arahan kementerian maka mintalah diberi taklimat atau penerangan sejelas-jelasnya kepada penggerak rakan muda ini. Saya percaya pihak kementerian tentunya telah menggariskan apa juga program yang hendak dibuat dan begitu juga mestilah saya percaya kementerian sudah ada peruntukan untuk melaksanakan program di bawah penggerak rakan muda ini.

Usaha menggerakkan golongan belia ini memang sepatutnya wajar diteruskan dengan cara yang terancang dan mestilah sampai kepada kumpulan sasar. Kita mesti ingat bahawa jika kita ingin melihat bagaimanakah keadaan negara pada masa akan datang, kita perlu melihat keadaan belia pada hari ini. Keadaan belia pada hari ini agak membimbangkan. Mereka seolah-olah tidak terbimbing dan hilang arah tuju.

Pada pandangan saya, soal belia ini tidak semestinya disatukan dengan soal sukan di bawah kementerian yang sama. Jika cabaran dalam soal sukan begitu berat maka pertimbangkanlah supaya soal belia yang bagi saya lebih berat ini lagi diletakkan di bawah kementerian lain yang khusus untuknya. Sebenarnya itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan

4.53 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Diraja yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dungun dan disokong oleh Yang Berhormat Ayer Hitam.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah saya diberi tugas untuk memberi tajuk kepada titah ucapan diraja ini, saya akan menyatakan bahawa tajuknya ialah memperseimbangkan pembangunan di Malaysia. Sudah sepatutnya salah seorang daripada wakil rakyat daripada negeri yang kurang maju iaitu daripada Terengganu membawa usul Titah Ucapan Diraja ini. Kalau kita di negeri Sabah diberi tugas kita pun tidak keberatan dan saya ingin menyatakan yang selama ini belum ada lagi wakil-wakil rakyat daripada Sabah diberi peluang untuk sama ada membentangkan usul ucapan Titah Diraja ini mahupun memberi sokongan. Secara tradisinya, yang membawanya daripada UMNO semenanjung dan disokong oleh MCA. Mudah-mudahan pada masa akan datang diberilah peluang wakil rakyat daripada Sabah untuk membawa usul ini.

Perkara ini adalah amat penting Tuan Yang di-Pertua sebab di antara perkara yang amat penting yang telah disebut oleh Baginda di dalam Titah Ucapan Diraja ini ialah soal memperseimbangkan pembangunan wilayah yang telah disebut hampir

kesemua wakil-wakil rakyat yang telah berucap iaitu soal Sabah dan Sarawak diperseimbangkan dengan pembangunan yang ada di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada semua wakil-wakil rakyat yang turut bersuara untuk membela rakyat kita di Sabah dan Sarawak dan dalam kesempatan ini juga saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat wakil rakyat daripada Padang Rengas yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang telah menyatakan yang telah membawa liputan besar di negeri Sabah tentang betapa kecilnya peruntukan yang telah diberikan kepada Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Siling yang telah dicadangkan khususnya dalam soal peruntukan untuk pembinaan jalan-jalan raya. Hasil daripada itu ramai pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin negeri Sabah telah ditemu bual bahawasanya selama ini kita ini ada *short change*. Senang sahaja cakap.

Saya ambil contoh baru-baru ini di negeri Sabah, satu persidangan yang dinamakan CO *Conferences* yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi akhirnya hanya diwakili oleh Menteri Kewangan Kedua. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua telah membuat satu kenyataan dan dibuat dalam liputan The New Straits Times semalam. Dalam laporan ini dinyatakan Sabah dan Sarawak to *receive big chunk of Nine Malaysia Plan Fund*. *Big chunk*, pertama.

Yang keduanya dinyatakan Nor Mohamed *clarified that 70% of the RM12,000,000 allocated to Sabah under the 8th Malaysia Plan had been utilized and not 50% ask earlier reported*, semasa dalam permukiman di Karambunai. Kita telah diberi taklimat oleh EPU negeri Sabah menyatakan hanya 49% daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dilaksanakan di negeri Sabah. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa saya akan minta laporan. Bagaimana ini boleh berlaku? Selepas itu diberi penjelasan bahawa 49% prestasi itu tidak betul. Yang betul 77% dan dinyatakan sekali lagi oleh Menteri Kewangan Kedua.

Saya ingin memberi penjelasan, sebenarnya apa yang telah berlaku saya telah meminta penjelasan lebih jelas daripada EPU negeri Sabah juga daripada Jabatan Pembangunan Negeri Sabah dan sebenarnya apa yang telah berlaku ialah dalam Rancangan Malaysia Kelapan, siling peruntukan negeri Sabah yang diberikan ialah

RM12 bilion 721 juta 900,000. Itu dia punya siling. Daripada siling tersebut, peruntukan yang telah dikeluarkan yang ada waran cuma RM8 bilion 81 juta 980 ribu 314 ringgit. Itu yang dikeluarkan.

Peruntukan yang telah dikeluarkan waran setakat ini dan daripada lebih kurang RM8 bilion ini yang telah dibelanjakan, yang telah dilaksanakan hanyalah RM6 bilion lebih kurang, yang paling tepatnya RM6 bilion 325 juta 856 ribu 763 ringgit. Maknanya kalau dari segi siling, *from the point of view of the siling* dengan izin baru 49.72% yang telah dibelanjakan. Ada dua perkara di sini yang harus kita lihat.

Siling RM12 bilion, peruntukan diberikan RM8 bilion. Mana dia? Ada lagi lebih kurang RM4 bilion yang tidak diberi peruntukan langsung dan daripada RM8 bilion peruntukan yang sudah diberikan baru RM6 bilion yang dilaksanakan. Kita mempunyai lebih kurang sembilan bulan lagi. Bolehkah kita laksanakan yang RM2 bilion ini?

Tetapi persoalan yang lebih teruk ialah ke mana perginya RM4 bilion tadi? Kenapa peruntukan semua diberi? Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen Sabah, kita amat kecewa apabila lebih kurang RM100 juta peruntukan untuk pembinaan jalan-jalan kampung yang sudah pun dikeluarkan tender, BQnya sudah dibuat pada tahun lepas dan akhirnya penender ini beli borang-borang tender RM50 tetapi akhirnya tidak dilaksanakan. Dan apabila Ahli-ahli Parlimen meminta penjelasan daripada

Tuan Wong Nai Chee: [*Bangun*]

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar ya, nanti Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya akan beri. Apabila Ahli Parlimen daripada Sabah minta penjelasan daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, dikatakan, "kalau peruntukan belum sampai, kenapa pula dikeluarkan tender?". Katanya, "Oh, *we're just being proactive*". Tuan Yang di-Pertua, *is there such thing as proactive tender?* Bolehkah kita menenderkan sesuatu tender di mana peruntukan belum ada?

Beginilah layanan yang kita terima di negeri Sabah selama ini. Kalaulah diberi *proof*, masa satu jam, dua jam seperti Ahli Parlimen yang membentangkan Usul dan juga yang menyokong, tidak boleh diceritakan satu persatu. Kita dengar sedikit daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Sri Gading ada cakap sedikit, Yang Berhormat bagi Putatan cakap sikit tentang apakah yang kita rasa daripada

Sabah. Saya ambil satu contoh lagi, ini, [*Menunjukkan dokumen kepada Dewan*] panjang lebar Yang Berhormat bagi Penampang cerita tentang Petronas, juga oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Mana masuk akal negeri Sabah pengeluar petroleum, tetapi kilang petrokimia tidak dibina di Sabah, masuk akalkah? Kemudian, negeri Sabah ini telah memberikan tanah seluas 200,000 hektar kepada FELDA, sekarang mahu bina *downstream processing* minyak kelapa sawit, bukan mahu dibina di Sabah, belum saya dengar apa-apa. Negeri Sabah ini kalau kita mahu tingkatkan soal pembuatan perindustrian, kita perlukan kerajaan, syarikat-syarikat kerajaan ini untuk memulakan.

Kemudian, di negeri Sabah ini kadar kemiskinannya yang tertinggi di Malaysia, bukan sahaja sekarang, dari dulu lagi. Kita baru turunkan sampai 16 peratus, setakat ini 16 peratus, tetapi negeri-negeri lain yang kurang maju, termasuklah Johor dulu kurang maju, sekarang negeri Johor sudah maju, itu kepunyaan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Tetapi di negeri Sabah ia tidak dibina, tidak diberi dan kalau kita kirakan peruntukan diberikan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah ini lebih kurang RM20 juta setahun, itu untuk pembangunan. Dia punya *overhead* dinamik dari mula ditubuhkan dahulu sampai sekarang saya ingat sudah lebih RM20 bilion, tetapi Sabah tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dari dulu, sejak Parlimen ini ditubuhkan, sejak negara Malaysia ditubuhkan, sejak ada wakil rakyat, Ahli Parlimen daripada negeri Sabah soal inilah yang disebut-sebut walaupun sudutnya barangkali berlainan. Dulu ada pembangkang dalam kerajaan, inilah yang dinyatakan, inilah harapan dia. Kita dulu bersetuju menubuhkan negara Malaysia ini pun atas harapan sehinggakan pemimpin-pemimpin negeri Sabah dibawa ke sini, tengok kemajuan di sini dan kita bersetuju. Tetapi akhirnya apa? Tahun 1994

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar, nanti saya bagi. Tahun 1994, ditubuhkan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah dengan kempen, dengan tema yang dikatakan “Gagasan Sabah Baru” dan dalam aspirasi, hasrat “Sabah Baru” ini

adalah kemiskinan sifar, pengurangan sifar, segala-galanya sifar, sifar tetapi sehingga pada hari ini kemiskinan masih 16 peratus.

Persoalan di sini, saya boleh bayangkan kekecewaan Baginda apabila bertitah tempoh hari, apabila menyebut perkara-perkara, soal menyeimbangkan pembangunan wilayah, soal menyusun semula masyarakat, merapatkan jurang pemilikan ekuiti di kalangan sesama bumiputera, bukan sahaja di antara bumiputera dengan bumiputera yang bumiputera ini ekuiti kita di sektor korporat pun baru 18 peratus, seluruh bumiputera, seluruh Malaysia. Kemudian dalam pemilikan bangunan premis perniagaan baru 8 peratus – seluruh bumiputera. Selepas itu kalau kita tengok dari segi jurang perbezaan di antara sesama bumiputera – bumiputera di Semenanjung, bumiputera di Sarawak, di Sabah, bagaimana, kita bahagi-bahagikan lapan peratus itu. Saya boleh bayangkan kekecewaan Baginda.

Jadi kita mempunyai hanya 15 tahun untuk mencapai ke Wawasan 2020 dan salah satu cabaran dalam Wawasan 2020 ini ialah mendirikan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Persoalannya di sini, bagaimana? Sebelum saya beralih, ya Yang Berhormat bagi Kota Melaka, ada mahu cerita?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya tertarik dengan kandungan ucapan dan perbahasan permulaan, mukadimah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran tadi yang penuh dengan kekecewaan dan juga *melancholy*, dan saya cuma hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat cuba mengemukakan satu idea, satu isu bahawa ketidakseimbangan dalam pembangunan ini sebenarnya berkait rapat dengan perpaduan *territorial* yang cuba kita pupuk dalam negara kita sekarang.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Itu satu perkara, *that is just one side of the angle*. Yang satu lagi soal penghayatan kita tentang pembangunan, membawa pembangunan negara kita. Kita sudah berbalik-balik menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak ini keluasan tanahnya 70 peratus daripada keseluruhan tanah Malaysia, bukan kecil, tetapi apabila disebut sahaja RM12 bilion ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan, wah, dia cakap, “*What is so special about Sabah diberi begitu besar peruntukan?*”

Kita sudah berkali-kali menyatakan, di kawasan saya di Tuaran, saya mahu sebut kawasan saya di Tuaran, jalan kampung sahaja jauhnya, jalan kampung 14,400

kilometer barangkali dari sini sampai ke London jauhnya. Ini jalan kampung. Keluasannya lebih 1,000 kilometer persegi negeri Perlis baru 750 kilometer persegi, betulkah Yang Berhormat bagi Arau, Perlis luasnya 750 persegi?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: *[Menganggukkan kepala]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Lebih besar. Dari Perlis ada dua orang Menteri Persekutuan, Sabah baru tiga orang. Yang tiga ini pun, dua di Jabatan Perdana Menteri dan satu di Kementerian Luar Negeri. Di Tuaran, seorang Ahli Parlimen, tiga orang ADUN. Peruntukan yang kita dapat dalam soal PJK dulu semasa mantan menteri pun RM1 juta setahun yang diamanahkan. Penyenaraianya kepada Ahli-ahli Parlimen. Di Semenanjung pun RM1 juta juga.

Di sinilah penghayatan dia, di sinilah inti pati, bagi saya, bagaimana kekecewaan Seri Paduka Baginda. Saya fikir yang di sini akhbar ini *[Menunjukkan helaian surat khabar]* tolong jangan tulis “bincanglah”. Kalau dalam bahasa Melayu, saya fikir gunakan perkataan, “Sabah dan Sarawak akan menerima peruntukan yang setimpal”, jangan “keperluan”, bukan kerana diberi keistimewaan tetapi setimpal dengan keperluan. Kalau dikatakan “siling” ... oh dibagi siling, berbelas bilion dibagi siling ini, saya bagi contoh saya sudah bawa, *[Menunjukkan dokumen yang berkenaan]* submission Rancangan Malaysia Kesembilan – Sabah, soal jalan raya, jalan kampung, bagi Sabah, yang telah dihantar baru RM1 bilion RM1 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang diharapkan, yang disenaraikan, dibelanjakan atau diperuntukkan oleh kerajaan negeri sebanyak RM2 bilion. Kerajaan negeri mana ada duit untuk jalan luar bandar. Sebab itu saya mahu cadangkan, saya minta supaya Kementerian Kerja Raya tolonglah bincang dengan Kerajaan Negeri Sabah dan memberi tahu bahawa kalau tidak ada duit sampai tahun 2010 jangan senaraikan dalam senarai negeri. Biarlah senaraikan kepada Kerajaan Persekutuan yang mempunyai duit ini dan bereskan, serahkan sahaja.

Bukan RM 1 bilion kita minta, RM 5 bilion kita minta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sri Gadingnya. Di sinilah catatnya. Kalau kita hanya meminta yang senarai yang berasaskan kepada siling - ‘ Oh, Negeri Sabah diberi siling. Untuk jalan

raya ini siling. ' Bagaimana? Apa kita harus buat dengan siling ini. Ini tidak berniat, tidak berhasrat untuk menyelesaikan masalah. Tuan di-Pertua, saya pohon di sini ialah tolonglah beri peruntukan yang lebih setimpal dalam keperluan yang diperlukan oleh negeri Sabah, tolonglah supaya masalah luar bandar ini, soal elektrik soal apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading kita dapat diselesaikan.

Seterusnya, cabaran utama kita ialah dalam soal menyusun semula masyarakat dalam pemilikan ekuiti dalam soal melaksanakan hasrat, niat baik Dasar Ekonomi Baru. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Putatan tempoh hari, daripada 27 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia dari negeri Sabah, tidak ada satu pun yang dipunyai oleh bumiputera dari Sabah. Tiada satu pun. Program-program untuk memperkasakan bumiputera, mempertingkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam perniagaan perindustrian yang saya tahu di sini semuanya adalah sembilan program mento, usahawan tulen, skim Kilang Bimbingan, kontraktor binaan bumiputera, projek usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan ataupun *prosper*, program vendor, francais, Skim Modal Teroka, skim payung, perabot dan makanan. Program-program ini, saya ingin tahulah dan tolong jelaskan bagaimanakah program-program yang dibawa oleh Kementerian Pembangunan Usahawan ini dilaksanakan di Sabah dan Sarawak.

Sekiranya program-program untuk meningkatkan penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak, khususnya program-program dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan ini tidak menepati sasaran, bagaimanakah kita dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara sesama kita bumiputera. Dalam hal ini saya ingin menyokong cadangan, saranan, permintaan Yang Berhormat bagi Putatan tempoh hari supaya pihak kerajaan menubuhkan satu organisasi sama ada kementerian, jabatan ataupun unit khusus untuk melihat, memantau seperti mana yang diharapkan oleh Sri Paduka Baginda di mana yang dinyatakan di sini dalam *point* 15 dinyatakan, "Bagi mencapai matlamat ini program pemantauan dan penguatkuasaan dasar-dasar harus diperkukuh lagi." Bagaimana kita memperkukuhkan penguatkuasaan dan pemantauan jika sekiranya tidak ada organisasi tertentu untuk memantau.

Harapkan EPU, apa nama EPU – 'economy photo copy center' [*Ketawa*] Ah unit photo copy center'. Setakat itu dia ada *proposal* dia *copy* dia bagi pada orang, macam

mana? Saya menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Putatan supaya dia dapat sampai sama ada Kementerian, jabatan ataupun unit untuk memantau soal ini, jika sekiranya kita gagal dalam hal ini, salah satu daripada sembilan cabaran strategik Wawasan 2020, iaitu mendirikan masyarakat perniagaan dan pada dasar bumiputera itu tidak akan tercapai. Kalau dalam soal ini kita gagal dalam Wawasan 2020. Kita tidak akan dapat membina negara Malaysia yang maju.

Satu lagi Tuan di-Pertua, yang saya ingin bawa ialah dalam soal kewarganegaraan. Yang Berhormat bagi Papar, dalam mencurahkan rintihan tentang masalah pelarian Filipina. Salah satu daripada enam penempatan pelarian Filipina di Negeri Sabah, iaitu di kawasan Papar, di Kinaru. Kalau kita dengar, di situlah tempat jenayah, di situlah tempat penagihan dadah dan di situlah segala-segala daripada penyakit dan sebagainya. Saya telah membawa usul dalam agenda di sini supaya diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mendapat pandangan orang ramai. Pendapat daripada orang terlibat ini, pelarian Filipina ini, pendapat dari negara Filipina sendiri, pendapat daripada semua PATI. Apakah yang harus kita buat tentang mereka ini yang bilangannya lebih kurang 65,000. Apakah dasar muktamad kita?

Apakah kita mahu terima mereka sebagai rakyat Malaysia, dan kalau itu apa kita harus buat. Kalau kita tidak mahu terima apa kita harus buat? Ini sudah 30 tahun, tetapi kerajaan, apa yang saya telah berbincang dengan salah seorang daripada Timbalan Menteri tempoh hari dan beliau seolah-olah menyatakan bahawa harap-harap mereka ini akan berkahwin dengan orang tempatan dan akhirnya dan akhirnya menjadi warga negara. Itu tidak menyelesaikan masalah. Besok kita ada operasi, dia akan dihantar balik, anak-anaknya berkeliaran. Jadilah *street children*. Banyak masalah. Sebab itu saya memohon pihak kerajaan walaupun tidak dapat menubuhkan *Select Committee* ini untuk pelarian Filipina 65,000 ini, *Kabinet Committee* pun jadilah. Buat keputusan.

Buatlah keputusan. Kalau nak jadikan rakyat Malaysia, jadilah. Kalau tidak mahu, buat keputusan. Sebenarnya kita tidak boleh memberi alasan bahawa, 'Oh...di Selatan Filipina belum lagi aman damai, mereka masih lagi berstatus pelarian kita tidak boleh hantar balik. Sebenarnya selepas Noor Misuari menandatangani dengan pentadbiran Manila, perjanjian perdamaian, maka kita menganggap bahawa di Selatan

Filipina itu sudah aman damai. Dengan sebab itu, status mereka sebagai pelarian, sudah hilang dan kalau status pelarian mereka sudah hilang, sepatutnya pengecualian daripada akta imigresen itu dan akhirnya diberikan dokumen IM 13 itu, harus di tarik balik.

Biarlah mereka diberi pasport, bekerja di sini, duduk di Malaysia, boleh. Tetapi kita biarkan mereka begini sampai bila? Dahulu di Sabah tidak ada dadah. Sekarang ini di Papar ada pusat serenti. Siapa yang mengedar? Dari situlah. Dari penempatan pelarian Filipina inilah. Di sana ada pengedar dia. Itu semua ada di Papar. Sekarang pusat serenti akan dibina di Sandakan, akan di bina di Tawau. Di Sandakan ada penempatan pelarian Filipina. Banyak masalah. Satu lagi saya mohon pihak kerajaan apabila dibuat *census*. Di buatnya *census*, Banci Penduduk Tahun 1990 setiap 10 tahun dan saya amat terkejut apabila kita mengkaji statistik buletin negeri Sabah sehinggakan *none Malaysian citizen* dalam *census*, Banci Penduduk Tahun 1991 ini terdapat 425,175 orang dimasukkan dalam Buletin Statistik.

Kita ada sejuta pekerja asing di Semenanjung, tidak masuk pun dalam Buletin Statistik, pendudukan. Itu sebab banyak persoalan sekarang. Penduduk Negeri Sabah sudah 3. lebih juta. Lebih besar dari Sarawak. Dahulu masa 1960an kita lebih sedikit daripada Sarawak. Banyak andaian persoalan, kita tidak apa-apa. Tetapi banyak kebimbangan. *Philippine* ini masih lagi menuntut Sabah ini. Dia punya Sultan mengatakan masih lagi menuntut Sabah. Di manakah kesetiaan orang-orang yang berada di Malaysia ini? Kalau dia tidak melalui proses kewarganegaraan, dia mesti setia kepada Agung, setia kepada negara ini, setia kepada Perlembagaan kita. Baru dia kita proses ini. Hanya melalui banci dijadikan warga negara, kerana orang-orang ini telah diberi oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab di pendaftaran negara.

Saya telah mendapat jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa sejak tahun 1990 sehingga sekarang terdapat 34 orang pegawai Jabatan Pendaftaran yang telah ditangkap di bawah ISA kerana terlibat dalam perkara-perkara yang jijik ini. Memberi kad pengenalan dan sebagainya.

Ramai orang kita dilahirkan di Brunei sebelum pembentukan Malaysia, sekarang kad pengenalan dia merah. Memohon jadi warganegara, dapat kad pengenalan yang biru ini belum dapat, tetapi orang-orang ini sudah dapat. Dan, yang paling parah lagi,

sudah dibanci, sudah menjadi warganegara, yang kita boleh katakan *documentary citizen ship, they are citizen by documentation not by process off citizen ship*, melalui secara rasmi. Orang-orang ini sudah jadi bumiputera. Saya menyatakan kumpulan ini dalam masyarakat kita di Malaysia ini sebagai tembok. Saya tidak tahu apa akan jadi di masa akan datang. Kita ini soal-soal sumber tanah, soal-soal peluang dan sebagainya, apa akan jadi pada masa akan datang?

Perkara ini harus dilihat secara serius oleh pihak kerajaan dan tolong jangan lagi dinyatakan. Dahulu dinyatakan, “*Oh! Di Pulau Gaya ini tidak ada*”. Dahululah, apabila kita buat Opsnya,beribu-ribu dihantar balik sebabnya sememangnya mereka ada di sana. Jadi, perkara ini harus ditangani dengan baik. Apabila kita sekarang ini telah melaksanakan Ops Tegas, kita tidak boleh bertegas sebab di tempat-tempat tertentu termasuk di Lahad Datu, Pengerusi JKKnya pun tidak boleh bertegas sebab dia sendiri pun di kalangan mereka. Pengerusi JKK pun di kalangan mereka, yang mempunyai kad pengenalan palsu. Kad pengenalannya bukan palsu, yang betul. Yang diberi oleh orang yang tangkap dalam ISA tadi itu, tetapi orangnya palsu, warganegara Malaysia. Jadi, hari ini apabila dilaksanakan Ops Tegas, RELAnya masuk. Oh! Ditanya oleh RELA, Pengerusi-pengerusi JKK ini, dia cakap di sini tidak ada.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Penampang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan, Yang Berhormat bagi Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat bagi Tuaran menyentuh kepada pemalsuan kad pengenalan atau *Mykad*. Bagaimana pula dengan pemegang-pemegang dokumen IMM 13 ini dan bagaimana status kanak-kanak mereka yang dilahirkan di Malaysia? Sila jawab.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya tidak ada jawapan, Yang Berhormat bagi Penampang. Ini akan dijawab oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Merekalah yang akan menjawab. Tetapi persoalannya pada hari ini ialah apakah nasib anak-anak mereka ini *street children*. Kita tidak beri pendidikan, dia akan jadi masalah. Kalau orang-orang ini tidak terdidik, kita boleh bayangkan apa

akan jadi pada masa akan datang, dia akan perompak. Kalau kita beri pendidikan, bercanggah pula dengan undang-undang yang ada, undang-undang imigresen dan sebagainya. Sebab itu tidak ada dokumen. Selepas itu yang mempunyai dokumen IMM 13, yang IMM 13 ini pun entah, ia betul atau palsu, kita tidak tahu, sebab dia dalam bentuk kertas, siapa pun boleh buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Seolah-olah, setakat ini saya nampak pihak kerajaan tidak serius untuk menyelesaikan masalah ini. Saya memohon, saya sudah dua penggal di Dewan ini dan tiap-tiap kali dalam Ucapan Titah Diraja saya selalu sebut ini tetapi saya tidak nampak apa-apa tindakan yang telah dibuat. Sebenarnya *this is a big anomaly*. dalam proses Ops Tegas ini masalah yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya minta penjelasan. Ini yang akhir, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan, kalaulah orang-orang yang dikatakan *dokumentary citizen* itu sudah tidak menjadi warganegara Malaysia, saya mohon penjelasan daripada kerajaan, mana-mana Menteriilah, kenapakah pertumbuhan penduduk di Sabah di antara tahun 1980 hingga 1991 adanya ialah 50.5%. Orang Sabah ini kalau mahu bikin anak sama sahaja dengan negeri-negeri lain, tetapi mengapa terlalu tinggi? Saya boleh andaikan dan saya boleh anggapkan, kita tidak boleh salahkan rakyat mengatakan orang ini...

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Sapi bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sila, Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

Ir. Edmund Chong Ket Wah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran. Sebagai seorang Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat di Sabah saya mahu tanya Yang Berhormat bagi Tuaran, masalah Sabah mengenai orang pendatang tanpa izin. Yang Berhormat akan terimakasih kalau kerajaan

buat keputusan untuk menerima IMM 13 ini untuk jadi sebagai seorang *citizen* Malaysia ataupun *TR Holder* dengan izin? Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini bukan soal saya bersetuju, Yang Berhormat. Sebab itu saya mencadangkan supaya diwujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, *Parliament Select Committee*, di mana kita mendapat pandangan daripada semua pihak. Dan, apa-apa juga pandangan yang dirumuskan, kita akan terima. Tetapi kalau Yang Berhormat tanya pandangan saya sendiri tidak bolehlah setakat ini. Pokoknya masalah ini kita mesti diselesaikan. Kita mesti selesaikan masalah ini. Ini sudah satu generasi, sudah 30 tahun mereka berada di Sabah, kita mesti selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam sistem pendidikan, pendek sahaja. Kita ada dasar, dasar 3M dalam sistem pendidikan kita. Anak-anak kita mesti pandai membaca, mengira dan menulis dalam tahap satu. Tahap satu, maknanya darjah satu sampai darjah tiga. Dan, pihak kementerian saya difahamkan ada dia punya sistem pemantauan. Instrumen, penilaian, celek huruf, kalau saya tidak silap. Tetapi apa yang saya dapati, instrumen, penilainya ada, tetapi tidak dijalankan sebab kalau dijalankan kenapakah masih ada pelajar kita yang sudah menduduki peperiksaan UPSR masih tidak pandai membaca. Saya boleh bagi *figure* kalau di kawasan saya, sebab itu saya tahu.

Saya minta laporan daripada Guru-guru Besar, saya tahu. Sebab itu saya minta, saya mohon di bawah kepimpinan baru di kementerian ini supaya ditekankanlah, dilaksanakanlah benar-benar dasar ini, tahap satu anak-anak kita mesti pandai membaca, menulis dan mengira. Dan, kalau dia belum menguasai 3M ini, jangan masuk ke tahap dua, sebab tahun dua dalam sistem pendidikan kita, di situlah kita mahu mengintegrasikan kemahiran 3M. Sebab jika sekiranya mereka tidak menguasai 3M ini, dia tidak akan dapat menghayati ilmu dan apabila dia tidak dapat menghayati ilmu, dia tidak seronok belajar, maka di situlah banyak masalah disiplin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sekali lagi bagi negeri Sabah ini, semalam di mempan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini soal jurang digital semua sekolah-sekolah akan ada akses internet,

saya mohonlah semua sekolah-sekolah yang tiada bekalan elektrik itu, belum ada telefon itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Selesaikan pada tahun ini. Sekian, Saya mohon menyokong, terima kasih.

[Beberapa orang Ahli Dewan bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera.

5.25 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam pembukaan sidang Parlimen baru-baru ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas kesungguhannya untuk menghapuskan kemiskinan di dalam negara kita dengan meletakkan sasaran penghapusan kemiskinan tegar pada tahun 2008. Kita juga telah berjaya mendahului matlamat pembangunan millennium Pertubuhan Bangsa Bersatu yang menetapkan tahun 2015 sebagai sasaran untuk membasmi kemiskinan. Kita telah berjaya menurunkan jumlah kemiskinan dari 50% daripada tahun 1970 kepada 5% pada tahun 2000.

Walau bagaimanapun, kita wajib sedar bahawa angka 50% dan 5% ini wujud berdasarkan garis kemiskinan sekarang, yang angkanya mungkin telah tidak relevan dengan realiti semasa, di mana pendapatan dikira adalah daripada pendapatan seisi keluarga sebanyak 529 dan juga dengan isi keluarga sejumlah tiga orang anak di bawah 10 tahun.

Jika kita naikkan jumlah pendapatan, tangga kemiskinan ini tentu juga akan berubah. Misalnya daripada RM529, jika kita naikkan kepada angka yang lebih sesuai seperti RM1,000 misalnya, dan kita naikkan jumlah anak dan umur yang masih ditanggung oleh keluarga tentunya statistik akan berubah dan kemiskinan dianggarkan akan menjadi sebanyak 25% dan bukan 5% lagi. Kita akan mendapati bahawa pada

hakikatnya lebih ramai lagi warga kita yang ketinggalan daripada menikmati kesejahteraan hidup yang kita sama-sama harapkan.

Sebab itulah agenda kerajaan berjihad membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan agama mesti diteruskan. Hari ini golongan-golongan seperti ibu tunggal, orang Asli, penganggur dan bumiputera di Sabah dan Sarawak masih jauh ketinggalan dalam mencapai kesejahteraan hidup. Untuk itu kerajaan dan agensi basmi kemiskinan yang diwujudkan mestilah serius dalam usaha untuk membasmi kemiskinan ini. Peruntukan-peruntukan kepada projek luar bandar sama ada untuk projek fizikal atau prasarana dan bimbingan ekonomi mesti ditambah.

Misalnya, peruntukan projek jalan kampung, peruntukan ameniti sosial mesti ditambah. Agensi-agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA mesti meneruskan objektif asal penubuhan mereka untuk membasmi kemiskinan, bukannya berlumba-lumba dengan badan-badan korporat lain untuk melibatkan diri di dalam bidang-bidang perniagaan, seolah-olah merasa selesa apabila peratusan kemiskinan dilihat sebagai semakin berkurangan dan merasakan sudah tidak ada tanggungjawab untuk kerja-kerja tanggungjawab sosial dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera. Apabila kita memperkatakan soal FELDA dan juga FELCRA, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah ada satu konflik – FELDA itu di bawah naungan Timbalan Perdana Menteri dan pengurusannya di bawah naungan dan penjagaannya. Maka jelas sungguh.

Tetapi FELCRA ini seolah-olah “seperti telur di hujung tanduk”. Sebelah sini adalah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebelah sini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sering kali bila kita memohon untuk skim kewangan atau mendapat skim untuk FELDA, untuk peneroka-peneroka dan juga orang kampung.

Kita dihadapi dengan masalah permohonan di sebelah mana dan selalunya pemberiannya lambat.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bera, bagaimanakah masalah ini dapat diatasi dan bolehkah FELCRA itu menjadi satu entiti juga di bawah Timbalan Perdana Menteri seperti FELDA supaya senang untuk diagihkan tanah dan diusahakan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya serahkan jawapan itu kepada Timbalan Perdana Menteri untuk menjawab. Jika Lembaga Kemajuan Wilayah dianggap berjaya, ianya perlu diteruskan. Bukannya dengan menutup seperti yang dilakukan di Pahang apabila DARA dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka telah ditutup. Cita-cita dan jihad kita untuk...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Jadi berkaitan dengan Lembaga Kemajuan Wilayah ini, ia bukan sahaja untuk macam FELDA, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan DARA yang ditutup, tetapi juga untuk menjaga kampung-kampung tradisional. Jadi pada satu masa dahulu ada satu lembaga kemajuan yang dipanggil IADP Pahang Barat, jadi banyak projek jalan kampung dan jalan ladang dibina oleh program ini. Walau bagaimanapun, apabila ditutup tidak ada siapa yang mengambil-alih. Jadi tinggalah kampung-kampung tradisional ini terkontang-kanting, tidak ada siapa yang ambil tahu. Jadi apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bera?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Pandangan saya supaya pihak kerajaan mengkaji semula penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah ini, tetapi seperti kita tahu DARA telah pun diswastakan. Jadi saya harap pihak Menterilah yang memikirkan perkara ini.

Cita-cita dan jihad kita untuk membasmi kemiskinan ini bukanlah satu kerja yang boleh dianggap mudah. Walaupun program membasmi kemiskinan yang dibuat dengan begitu rapi, tetapi pada realitinya pembangunan ekonomi kita bukan sahaja berkait rapat dengan pengaruh pasaran dalaman tetapi juga suasana dan *ambience* politik luaran.

Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menjadi warga dunia tidak dapat membebaskan diri daripada pengaruh, suasana dan pergerakan politik luaran. Politik luaran inilah pada hemat saya yang akan mempengaruhi suasana pembangunan kita.

Untuk saya, politik luaran ini cukup penting malah sama pentingnya dengan tenaga dan daya usaha kita untuk mengeluarkan produk-produk baru dan program-program dalaman bagi menghapuskan kemiskinan. Cita-cita dan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan mungkin akan menemui kegagalan jika kita tidak bersedia berhadapan dengan pengaruh politik dan ekonomi luaran. Kita wajib mengumpul pengalaman dalam apa yang telah kita alami pada tahun 1997 dahulu.

Krisis ekonomi pada tahun 1997 dahulu wajib menyedarkan kita bahawa struktur ekonomi kita masih rapuh dan amat senang dilanda krisis yang lahir dari arus politik dan ekonomi luaran. Negara kita yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang terbaik di rantau ini terjejas terus dan terus menguncup akibat daripada pengaruh luaran tersebut. Globalisasi ekonomi bukan hanya bermakna kita memasuki pasaran global, ianya juga bermakna kita wajib bersedia untuk sama-sama menerima risiko dari politik dan pasaran ekonomi dunia.

Hari ini jika kita mengamati laporan-laporan media, maka kita akan dapat disedarkan bahawa suasana dunia hari ini tidaklah setenteram seperti yang kita harapkan. Pergolakan politik dan peperangan masih menjadi induk dan tajuk berita. Suasana antarabangsa inilah yang saya ramalkan sebagai cabaran dan penghalang kepada tugas jihad kita untuk menghapuskan kemiskinan. Suasana politik luaran ini akan mempengaruhi apa sahaja langkah-langkah kita. Apa yang menjadi satu kemusykilan ialah, walaupun pengaruh luaran amat besar ke atas kita, tetapi kita mungkin tidak dapat memiliki mekanisme untuk sama-sama mempengaruhi suasana ini agar dapat kita manfaatkan untuk keuntungan warga kita.

Dari pemerhatian saya, apa yang sedang berlaku dalam dunia kita hari ini ialah krisis pemilikan bahan bakar iaitu minyak. Bagi saya inilah cabaran yang paling hakiki untuk kita semua. Krisis yang akan saya bentangkan di sini akan melanda bukan sahaja rancangan kerajaan kita yang sedang berjihad untuk membasmi kemiskinan malah krisis akan melanda sesiapa sahaja, tidak mengira dari parti mana mereka datang dan dari ideologi politik apa yang mereka pegang.

Krisis bahan bakar ini sedang meruncing. Apa yang sedang kita lihat di Timur Tengah, di Latin Amerika, di Selatan Rusia adalah manifestasi daripada perebutan bahan bakar ini. Seperti kita tahu, Perang Iraq adalah berpunca dari minyak, bukan daripada pemilikan senjata yang digembar-gemburkan oleh Amerika. Perang Afghanistan juga berpunca daripada soal laluan paip minyak. Tekanan terhadap Iran juga berpunca daripada minyak. Tekanan terhadap Presiden Chavez di Venezuela juga berpunca daripada minyak. Krisis Sudan, Dafur juga kerana masalah minyak dan ketegangan yang berlaku di antara Malaysia dan Indonesia juga berpunca daripada minyak.

Jika tidak kerana minyak, mungkin keadaan tidak berlaku seperti apa yang berlaku sekarang antara Malaysia dan Indonesia. Semenjak berlakunya revolusi industri 200 tahun dahulu, tamadun dunia kita telah berasaskan kepada bahan bakar. Kalau di permulaan dahulu yang kita bakar untuk menjana tenaga ialah arang batu, kini ia beralih kepada petrol. Selama seratus tahun tamadun manusia moden telah berasaskan bahan bakar petrol. Tidak ada satu pun negara dalam dunia ini yang tamadunnya tidak berasaskan petrol. Selama lebih dari seratus tahun, kita telah membakar bahan ini, tidak dapat tidak bahan ini akhirnya akan habis. Saya bukan ahli geologis dan tidak ingin menjadi bomoh untuk meramalkan minyak akan habis dalam masa setahun atau sepuluh tahun lagi tetapi kita wajib menerima hakikat. Kita wajib menerima hakikat bahawa bahan bakar ini semakin kurang dari sehari demi sehari kerana ia adalah dengan izin, *non-renewal resources*.

Para ilmuan yang mengkaji bahan bakar ini telah sependapat untuk menerima hakikat bahawa kemuncak pengeluaran minyak telah pun sampai. Kita hari ini sedang memasuki zaman penurunan pengeluaran minyak mentah. Contohnya, pengeluaran minyak mentah kita telah beransur merosot dari setahun ke setahun pada kadar 0.7%. begitu juga simpanan ataupun *reserve* kita telah menjunam jatuh dari 4.1 bilion tong dalam tahun 1995 kepada 3.4 bilion tong di dalam tahun 2000. Sebaliknya permintaan petroleum semakin meningkat. Untuk keperluan bekalan tenaga komersial sahaja tidak termasuk untuk menjana tenaga elektrik dari 123 juta tong di dalam tahun 1995 kepada 207 juta tong pada tahun ini. Dahulu ketika perancangan dibuat untuk Rancangan Malaysia Kelapan, harganya USD29.58 dan kita menjangkakan ketika itu bahawa harga

akan turun kepada USD21.75 setong. Pada masa itu jangkaan kita, harga minyak akan semakin turun.

Tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, seperti mana yang kita semua alami dan ketahui sekarang bahawa jangkaan itu sudah tidak tepat. Harga minyak mentah sekarang semakin naik dan pada hari ini harga minyak mentah yang terbaru ialah USD54 setong dan dijangka akan terus naik menjadi USD100 tong. Inilah cabaran yang tidak dapat kita kawal. Selama mana dan sejauh mana kerajaan dapat mensubsidi minyak, delimanya kos subsidi minyak ialah kos melepasi untuk projek-projek membasmi kemiskinan. Sebanyak mana yang kita beri subsidi, sebanyak itulah peruntukan yang akan hilang untuk projek-projek membasmi kemiskinan. Tetapi jika harga minyak dinaikkan pula mengikut harga pasaran dunia, kos pengeluaran dan kos perkhidmatan akan naik dan sudah tentulah juga kos sara hidup akan naik. Akibatnya kuasa membeli akan menurun. Dengan itu, lebih ramai keluarga yang akan jatuh miskin dan kemungkinan juga kadar kemiskinan akan meningkat sehingga 50% seperti pada tahun-tahun 1960-an.

Justeru itu, selain cabaran mengkaji semula tarif kemiskinan yang ada kepada tarif yang lebih peka kepada realiti sosioekonomi, kita juga mesti memikirkan dan merancang strategi tenaga jangka panjang. Minyak mentah terlalu panas sehingga mencetuskan konflik dan peperangan. Kuasa senjata kita tidaklah dapat menghadapi senjata gergasi dunia yang ganas. Sebab itulah kita mesti bersungguh-sungguh untuk membangunkan industri minyak alternatif kita. Pengetahuan kita dan kepakaran sudah ada. Minyak kelapa sawit contohnya boleh diproses untuk menjadi diesel. Kerajaan perlu ada kesungguhan untuk merealisasikan dari R&D kepada satu industri komersial. Juga haruslah diberi lebih peruntukan serta kesungguhan untuk R&D tenaga alternatif seperti suria, ombak, angin, sel dan sebagainya.

Kita mesti memikirkan strategi untuk mencari alternatif kepada penggantungan kepada minyak. Jika tidak, kita tidak akan mampu menghadapi cabaran ini, maka jihad untuk memerangi kemiskinan mungkin akan terjejas dan menemui kegagalan. Justeru itu..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Bera. Cerita minyak diesel dari kelapa sawit ini ditunggu-tunggu oleh petani-petani kita Tuan Yang di-Pertua. Sudah lama cerita ini didesas-desuskan tetapi sehingga sekarang, khabar tetap tinggal khabar. Kenyataan tidak kunjung tiba. Bera agaknya dan kita semua hendak tahu, besok menteri yang bertanggungjawab ini siapa? Bolehkah menteri yang bertanggungjawab ini, soalan ini dikupas dan dijawab dengan terperinci, kita teringin sangat hendak dengar. Jangan hendak berdalih-dalih. Kalau sudah buat kajian, hasil kajian setakat mana, kemajuannya macam mana? Jangan cerita kos, cerita kos ini cerita temberang sahaja, cerita yang dibuat-buat untuk menakutkan orang – kos yang tinggi untuk mengeluarkan itu dan ini, ini semua merepek. Saya haraplah, saya bertanya ini kerana minta menteri yang berkenaan, Bera pun setuju dengan saya – jawablah besok, hari apa dia boleh jawab? Hari Selasa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sempat, esok ada lagi perbahasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Besok itu maknanya, *next change* Datuk, besok, besok. Jangan macam anak saya, saya cerita besok, besok dia tagih betul. Sebenarnya besok bahasa orang Melayu ini, akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Oleh kerana Yang Berhormat “Sri Daging” [*Ketawa*] Sri Gading meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, saya pun bersetuju dengan beliau, kita dengar jawapan Menteri. Justeru itu, strategi jangka panjang penggunaan tenaga alternatif yang mapan mestilah dirangka di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. R&D serta perindustrian tenaga alternatif mapan perlu diperhebatkan agar segera dapat kita manfaatkannya bersama mungkin juga untuk dieksport dan sudah pastinya akan dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha kita membasmi kemiskinan. Dengan itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Muar.

5.49 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang terlebih dahulu berucap sebelum dari saya, saya turut merakamkan perasaan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi kesempatan untuk terlibat di dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan di Dewan ini pada 21 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memulakan ucapan ini dengan merujuk kepada pesanan Seri Paduka Baginda sebelum menutup titah yang antara lain menyeru Ahli-Ahli Dewan Rakyat supaya meneruskan khidmat membela nasib rakyat dengan jujur dan ikhlas, menjalankan tugas kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh berhemah dan beramanah demi kepentingan rakyat dan negara.

Seri Paduka Baginda ketika menamatkan Titah tersebut membawa bersamanya satu maksud dan makna yang amat mendalam, di samping baginda meletakkan harapan yang sungguh tinggi kepada peranan kita selaku Ahli-ahli Dewan. Saya percaya dan yakin kita semua yang ada di sini sentiasa menjunjung dan meletakkan peringatan serta nasihat Seri Paduka Baginda sepanjang menjalankan tugas kita demi untuk menjaga dan melindungi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk menerapkan konsep Islam Hadhari yang antara lain mengutamakan sikap budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Malah saya menganggap bahawa pengurusan berteraskan pendekatan sebegini adalah alternatif terbaik dalam mengendalikan sesebuah organisasi. Konsep pengurusan Islam yang berteraskan tauhid akan dapat membantu dalam menangani isu-isu pengurusan yang dilihat kadang-kadang gagal diselesaikan oleh sistem pengurusan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, saya tidak bermaksud sistem pengurusan yang diguna pakai sekarang tidak selaras dengan Islam, cuma masih banyak lagi ruang untuk menambahbaikkan serta keperluan kepada mempertingkatkan nilai-nilai universal Islam ke dalam sistem pengurusan hari ini kerana dalam mana-mana organisasi, masalah pembaziran merupakan isu yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Terdapat beberapa contoh pembaziran yang biasanya berlaku dan yang boleh saya

sentuh hari ini seperti pembaziran idea, pembaziran sumber peralatan pejabat dan pembaziran waktu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan soal modal insan atau dengan izin, human capital dan mungkin inilah yang menyebabkan beliau begitu bersungguh-sungguh menggalakkan penglibatan pelbagai peringkat dalam membuat keputusan. Namun, sering kali pekerja yang mempunyai idea untuk memajukan sesebuah organisasi itu gagal untuk menyuarakan pendapat mereka kepada pihak atasan atau gagal untuk meyakinkan pihak atasan mengenai pendapat mereka ini. Dalam istilah pengurusan pengetahuan ia dikenali sebagai pembaziran modal intelek. Kegagalan ini sama ada disebabkan para pekerja takut untuk menyuarakan pendapat ataupun disebabkan kegagalan pihak pengurusan untuk menilai sesuatu idea yang diutarakan. Bagi mengelakkan berlakunya pembaziran modal intelek ini pekerja perlu berani mengutarakan kerja yang bernas dan dalam masa yang sama pihak pengurusan perlu bersikap dengan lebih terbuka dalam menilai pendapat yang disuarakan.

Perkara kedua ialah pembaziran sumber peralatan pejabat di mana peralatan pejabat seperti telefon, faksimili, komputer...

Dato' Razali bin Ismai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Tuan Razali bin Ibrahim: Sekejap, saya habiskan ini. Mesin fotostat, kertas termasuklah alat tulis dianggap sebagai hak milik organisasi dan ia perlu digunakan untuk tujuan pejabat sahaja. Namun begitu, apa yang berlaku ialah pekerja sering menggunakan kemudahan ini bagi tujuan peribadi. Silakan.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat Muar terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada dua kata kunci yang penting yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Muar tadi iaitu berhubung dengan Islam Hadhari dan yang satu lagi ialah tentang modal insan.

Apa pandangan Yang Berhormat tentang konsep pelaksanaan konsep Islam Hadhari ini supaya dia merentasi kurikulum keseluruhan kementerian, bukan hanya dijuruskan kepada kementerian yang mengenai hal ehwal Islam sahaja di Jabatan

Perdana Menteri tetapi merentasi keseluruhan lapisan kementerian supaya ia tidak tinggal hanya sebagai kata-kata mainan di bibir retorik sahaja tetapi benar-benar dilaksanakan.

Yang keduanya tentang membina modal insan, saya kira perkara yang lebih pantas dibincangkan bukan sekadar memanfaatkan modal insan tetapi menyediakan modal budaya itu sendiri. Ertinya faktor-faktor persekitaran, suasana, pemikiran, ertinya perkara-perkara yang boleh membawa kepada pembangunan insan yakni budaya ataupun modal budaya itu sendiri dibina terlebih dahulu, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim: Sukar untuk tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan inilah perkara yang saya cuba nyatakan di mana di dalam kita membicarakan tentang hari ini yang saya ingin sentuh hanyalah pengurusan di mana kita cuba menerapkan pengetahuan tauhid, agama supaya kita akan rasa lebih bertanggungjawab dan kita akan rasa berkeamanan dalam menjalankan tugas. Insya Allah jika saya diizinkan untuk meneruskan ucapan di situ kita akan lihat bagaimana saya cuba untuk menyampaikan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran tentang tanggungjawab dan amanah dalam pekerjaan perlu dipertingkatkan bagi memperingatkan kita bahawa setiap perbuatan sama ada yang elok atau pun yang sebaliknya akan diberi balasan oleh Allah SWT. Justeru itu, kemudahan peralatan pejabat untuk tujuan peribadi dianggap sebagai satu pembaziran dari segi nilai ekonomi kepada organisasi dan merupakan satu kesalahan di sisi Islam. Di samping itu, pihak pengurusan juga perlu bertanggungjawab untuk menggalak para pekerja supaya berjimat-cermat dan mengamalkan konsep kitar semula seperti menggunakan kedua-dua belah muka surat untuk mencetak dokumen yang kurang penting, menggunakan kembali sampul-sampul surat yang telah dipakai untuk menghantar dokumen ke jabatan lain serta memastikan air dan api elektrik digunakan tanpa pembaziran.

Di sini saya suka mengambil contoh terdapat negara di mana mereka mengenakan sekatan penggunaan tandas walaupun tandas tersebut di rumah sendiri, walaupun tandas tersebut dibayar penggunaan airnya oleh pengguna tetapi selepas

pukul 10 negara berkenaan mengenakan denda jika rakyatnya menggunakan air. Di sini maksudnya yang cuba disampaikan mereka tidak mementingkan sama ada kita mampu atau tidak membayar jumlah air yang digunakan tetapi penjimatan kepada air seperti membasuh kereta tidak dibenarkan di tempat-tempat awam. Pembasuhan kereta perlulah dihantar ke tempat basuhan kereta. Ini merupakan satu pendekatan yang pada saya cukup bijak kerana penghargaan kepada air itu, penjimatan dan cara melihat kepada penggunaan air itu cukup baik di mana bukan kerana tidak mampu bayar atau mampu bayar tetapi menilai dan menganggap air itu penting telah diterapkan di kalangan masyarakat. Begitu juga dalam perkara-perkara lain untuk mengelakkan pembaziran. Amalan kitar semula ini dapat mengurangkan kos operasi dan ia juga akan menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.

Perkara ketiga ialah mengenai pembaziran waktu yang sering dikaitkan dengan kegagalan pekerja untuk penggunaan masa yang berkualiti untuk meningkatkan produktiviti. Masalah ini bukan sahaja dikaitkan dengan agensi-agensi kerajaan malahan juga dialami di agensi-agensi swasta. Masalah lewat datang ke pejabat, keluar minum di luar waktu rehat, keluar pejabat untuk menguruskan hal peribadi dan menjalankan perniagaan kecil-kecilan adalah antara faktor penyumbang kepada masalah ini. Semua pihak perlu sedar dan bertanggungjawab dan tahu tentang tanggung jawab masing-masing. Tanggungjawab adalah amanah, jika seseorang itu baik, pengurus ataupun pekerja bersikap amanah sudah pasti segala kerja dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat dan produktiviti dapat ditingkatkan. Pelanggan sudah pula tentu berpuas hati dengan khidmat yang diberikan.

Kita perlu sedar bahawa kita mendapat gaji daripada kerja yang dilakukan. Daripada gaji yang diperolehi kita gunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang diperlukan. Masalah pembaziran waktu ini boleh dikaitkan juga dengan sikap sesetengah individu itu sendiri dan sikap ini perlu diubah. Dalam hal ini peranan untuk membentuk nilai-nilai murni pekerja menerusi latihan dan kursus ke arah pemantapan sahsiah seorang pekerja itu perlu diperhebatkan. Ini hanyalah adalah sebahagian daripada contoh yang boleh dikaitkan dengan pendekatan Islam dan yang boleh digunakan dalam mengurangkan pembaziran sesebuah organisasi dan seterusnya meningkatkan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama perkongsian pintar adalah satu gabungan strategik yang membawa faedah sinergi kepada pihak yang terlibat. Dalam konteks sektor awam perkongsian pintar berlaku apabila agensi-agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat berkongsi dengan agensi yang lain. Hari ini pendekatan dalam operasi harian kerajaan yang melibatkan aktiviti-aktiviti generate yang dijalankan oleh semua agensi kerajaan seperti pengurusan personel, rekod dan inventori, kewangan dan komunikasi, antara agensi-agensi kerajaan. Sistem yang sama telah juga dibangunkan untuk pengendalian aktiviti-aktiviti generate oleh agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pendekatan ini sebahagiannya telah menyebabkan wujudkan pertindihan yang boleh mengakibatkan pembaziran.

Justeru saya ingin mencadangkan agar perkongsian pintar boleh digunakan di mana ia akan mengurangkan atau mengelakkan pertindihan seterusnya mengurangkan pembaziran. Saya yakin bahawa pelaksanaan perkongsian pintar ini akan memberi banyak faedah seperti penjimatan kos pembangunan sistem, meningkatkan prestasi agensi kerajaan, memudahkan perkongsian data dan sumber, mengurangkan jurang antara agensi-agensi kerajaan yang lebih berkemampuan dengan yang kurang berkemampuan, serta mewujudkan penyelarasan antara agensi-agensi kerajaan dalam pembangunan IT dan akhirnya ia dapat membantu usaha pembangunan dan pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh pembangunan Putrajaya dilihat sebagai satu pembangunan yang cukup sistematik dan baik. Pemerhatian saya terdapat kementerian-kementerian yang mempunyai lebih dari satu bangunan dan mengenakan sekatan terhadap kad-kad yang digunakan oleh kakitangan kerajaan. Saya faham kita perlu menjaga keselamatan dan kad-kad pelawat dikeluarkan. Tetapi kadangkala kemudahan yang disediakan ini dibuat sehingga tidak lagi praktikal di mana pegawai yang berada dalam kementerian yang sama, tetapi mendiami bangunan A terpaksa mengambil kad pelawat untuk ke bangunan B kementerian yang sama. Pada saya perkara ini perlu dielakkan dengan sistem yang cukup canggih, pegawai-pegawai kerajaan sepatutnya dibenarkan untuk melalui mana juga bangunan dalam kementerian di Putrajaya. Ini sebagai contoh pemerhatian yang dapat saya kongsi pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan sebentar tadi sebenarnya boleh dan sebahagiannya telah pun dijayakan. Ditambah dengan pembinaan *Multimedia Super Corridor* yang bertujuan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara menjelang 2020. Saya sekali lagi yakin penyediaan untuk membawa Malaysia ke arah teknologi maklumat berada di landasan yang betul. Malahan *Multimedia Super Corridor* ini akan membawa integrasi persekitaran yang unik dan akan mewujudkan iklim multi media global.

Walau bagaimanapun saya ingin bertanyakan tentang pencapaian sebenar negara dalam pembangunan *Multimedia Super Corridor* ini terutamanya pengenalan kepada usaha kerajaan melancarkan konsep kerajaan elektronik sebagai salah satu aplikasi perdana *Multimedia Super Corridor*. Apakah status kerajaan elektronik ini yang sepatutnya dilaksanakan bakal memperbaiki cara kerajaan beroperasi dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Adakah ia telah meningkatkan kualiti keselesaan dan komunikasi di antara orang ramai, dan pada masa yang sama apakah sejak diperkenalkan kerajaan elektronik ini telah memperbaiki aliran informasi di antara agensi kerajaan bagi meningkatkan kualiti dan mempercepatkan pembuatan dasar, penyelarasan dan penguatkuasaan. Adakah pembekal mendapat bayaran yang tepat, cepat dan selamat?

Untuk rekod, suka saya nyatakan di sini terdapat beberapa projek kerajaan elektronik yang diwujudkan seperti pendaftaran pemandu dan kenderaan, perkhidmatan pelesenan dan saman, bayaran bil utiliti atau yang dikenali sebagai e-service. Begitu juga dengan e-perolehan, termasuk juga dengan persekitaran pejabat *generate*, sistem maklumat pengurusan sumber manusia, sistem pemantauan projek, bursa buruh elektronik, integrasi sistem EG dan sistem Jabatan Akauntan Negara dan banyak lagi yang semuanya antara lain bertujuan untuk mencapai apa yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya melalui pelaksanaannya secara berkesan dan menyeluruh, banyak faedah yang boleh diperolehi termasuklah pengurangan kos kepada kerajaan, proses perolehan yang lebih cekap dan berkesan, ketelusan, kos operasi yang lebih rendah dalam jangka masa panjang, tenaga kerja yang lebih

berpengetahuan dan terlatih, mudah untuk mengawasi perangkaan dan maklum balas serta pengesanan automatik ke atas status pelaksanaan dan pendaftaran.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Ibrahim: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Muar yang telah memberi satu *elaboration* yang begitu panjang mengenai memaksimumkan produktiviti dan meminimumkan pembaziran.

Yang Berhormat bagi Muar, hari ini kita dapati banyak jabatan kerajaan yang telah pun menyediakan kemudahan e-mel ataupun kemudahan maya ini dalam konteks untuk melaksanakan kerja dengan lebih cekap dan berkesan. Ada juga jabatan-jabatan yang telah pun menyediakan *facility* ini dan di samping itu juga meminta kepada pembekal-pembekal yang ingin menyertai apa juga perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan itu dengan menggunakan *hard copy*. Di samping perkhidmatan maya yang disediakan diminta juga “ada bawa atau tidak kertas itu”. Jadi ini adalah satu penghayatan yang kurang berkesan.

Kita dapati juga pada hari ini kalau kita memberikan penekanan kepada aspek kepimpinan melalui teladan di Parlimen kita sendiri kita dibekalkan dengan berbagai-bagai maklumat dan dokumen, walhal perkara ini boleh disediakan dalam bentuk CD. Mungkin sekeping CD cukup untuk menanggung semua beban yang kita bawa pada hari ini. Apa komen Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Apabila bercakap dengan rakan segenerasi ini mudah sedikit untuk kita faham. Sebenarnya saya pun telah menyarankan di Dewan ini pada tahun lepas kerana saban hari kita dibekalkan dengan dokumen yang bertimbun-timbun. Mungkin ini merupakan peraturan yang ditetapkan di Dewan ini. Saya rasa kita perlu terima peraturan yang disediakan iaitu edaran perlu dilakukan dalam bentuk *hard copy*, dengan izin.

Walau bagaimanapun saya bersetuju supaya kita dalam menggalakkan orang lain menerima teknologi ini, kita perlu mencuba bagaimana kita melihat apa yang ada di dalam internet hari ini cukup banyak. Saya yakin rakan-rakan Yang Berhormat di kawasan masing-masing turut menceritakan tentang membudayakan IT dan sebagainya. Tetapi saya rasa jawapan yang paling baik ialah tepuk dada tanya selera.

Walau bagaimanapun saya ingin hendak menyentuh sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tentang *website* ataupun laman-laman web yang disediakan oleh kementerian. Pada hari ini kalau kita tengok cukup mudah untuk membangunkan laman web, tetapi adakah laman web kita itu benar-benar memberi faedah kerana apa yang berlaku dua hari sudah saya baru hendak masuk tidur, terdapat sedikit gegaran, saya tercari-cari di mana untuk kita dapatkan maklumat, di manakah berlakunya gempa bumi.

Kebetulan seperti yang disebut dalam CNN telah pun keluar cerita mengenai gempa bumi yang berlaku di Sumatera. Tetapi kalau kita tengok dalam internet, dalam laman-laman tertentu telah pun dimasukkan cerita tentang gempa bumi di Indonesia yang tidak kita perolehi dalam laman-laman web kementerian. Ini sebagai satu renungan. Kita kena lihat apa yang disediakan ini bukan sekadar untuk kita mengaku kita telah ada pengetahuan tentang IT tetapi pengisiannya perlu juga kita pertingkatkan. Ini maklum balas atau makluman kepada persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun sampai ke penghujung kerana apa yang saya perkatakan tadi hendak saya rumuskan dengan beberapa cadangan, kerana kalau menyentuh perkara-perkara tadi tanpa memberikan cadangan, saya rasa tidak berapa bertanggungjawab.

Jadi saya ingin menyentuh ada enam perkara di sini sebagai cadangan kepada perkara-perkara dalam kita mencapai usaha tersebut.

- (i) untuk kita mengenal pasti dan menganalisa keperluan pengguna setiap bahagian atau setiap unit atau setiap cawangan di setiap kementerian yang ada;
- (ii) untuk kita membangun, menguji dan melaksanakan sistem maklumat yang kita buat tadi;
- (iii) membangun dan menyediakan dasar keselamatan ICT dan memantau pelaksanaannya dengan sedia spesifikasi sistem maklumat yang dibangunkan tadi;
- (iv) membangun dan melaksanakan *disaster recovery plan*, dengan izin dan melatih pengguna untuk memahami sistem yang dibangunkan dan dalam masa yang sama kita menyediakan

bahan-bahan latihan dan dokumentasi bagi disalurkan kepada semua kementerian;

- (v) menentukan standard dan prosedur pengurusan rangkaian sentiasa dikemas kini mengikut keadaan dan masa; dan
- (vi) penyediaan khidmat bantuan teknikal secara berterusan serta pelaksanaan program latihan dan pembudayaan IT yang saya rasakan amat penting dan hendaklah diberi penekanan agar tidak berlakunya pembaziran.

Sekian Tuan Yang di-Pertua. Muar turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cameron Highlands.

6.09 ptg.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdirinya saya ialah untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya rasa sedikit sedih kerana terpaksa bahas ataupun menyokong dalam keadaan minda yang tepu dan wajah yang layu kerana sudah jenuh bangun duduk tetapi berjaya juga akhirnya.

Terima kasih, lagi sekali, dan saya teruskan dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini juga berlaku kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kira nasib baiklah, kira nasib baik.

Tuan Huan Cheng Guan: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: menaburkan simpati ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya teruskan.

Tuan Huan Cheng Guan: Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya!

Tuan Huan Cheng Guan: Apa kata Yang Berhormat kita cadangkan hadkan kepada 15 minit sahaja?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak boleh, tidak boleh jadi. *[Ketawa]* Terima kasih, duduk. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bera bahawa minyak akan menjadi ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada banyak lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk sekejap. Saya minta penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak boleh, tidak boleh. Ini *floor* saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya hendak memberi penjelasan kepada Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini *floor* saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya hendak beri penjelasan kepada Yang Berhormat ..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini *floor* saya, Tuan Yang di-Pertua. Okay.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kami dahulu pun macam itulah, Yang Berhormat. Semasa kami mula-mula masuk Parlimen pun macam itulah. *[Ketawa]* Kita terimalah hakikat, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan menganggap bahawa ada pilih kasih, tidak ada. Kami dahulu macam Yang Berhormatlah, sehari-hari bangun tetapi tidak dapat. So, kita ikut tata susun. *[Disampuk]* Yang Berhormat, percayalah bahawa Tuan Yang di-Pertua adil. Kami pun begitulah, Yang Berhormat. Jadi, saya tidak mahu nanti dapat gambaran negatif kepada orang lain, seolah-olah kita ini ada pilih kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang. Saya pun perhati juga, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dia lihat. Kalau selalu mencelah-celah mungkin dia bagi peluang terkemudian kerana Yang Berhormat telah mengambil masa. Ya?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Saya ingat janganlah salah faham, Yang Berhormat bagi Larut. Kita pun dari Perak juga dahulu. Okay, kita teruskan.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bera bahawa minyak akan menjadi sumber perang tetapi masalah pertama yang saya ingin bahaskan di sini adalah mengenai krisis air tawar dunia dan di Malaysia yang mungkin akan jadi sumber Perang Dunia Yang Ketiga. Air tawar adalah satu isu sumber alam yang paling kritikal yang menghantui warga dunia, semakin tenat dan berkurangan akibat pencemaran dan, dengan izin, *unsustainable mining of what was once a renewable resource*.

Maka, laporan *World Water Report 2000* mengatakan bahawa *global water crisis*, dengan izin, bukanlah disebabkan oleh kekurangan air untuk penduduk tetapi oleh sebab masalah pengurusan air yang kucar-kacir. Maka, masalah ini diseriuskan oleh sebab faktor-faktor *deforestation*, peningkatan paras laut, kejatuhan pengeluaran pertanian, kekurangan air, bertambahnya ribut dan banjir, merebaknya penyakit-penyakit atau wabak penyakit, kurangnya populasi ikan dan satu lagi yang serius, konflik antara manusia, wilayah dan negara.

Maka, mengikut "*Johannesburg World Summit on Sustainable Development 2002*", dengan izin, memutuskan setiap negara diperlu membangunkan air *WRM*, dengan izin, adalah "*Integrated Water Resource Management is a participatory planning and implementation process based on sound science which brings together stakeholders to determine how to meet society's long term needs for water and coastal resources while maintaining intestinal ecological services and economic benefits*". Ini adalah satu yang diterima pada 2002 maka memerlukan satu *water efficiency plan*, dengan izin, sebelum 2005. Inilah keputusan, "*Johannesburg World Summit on Sustainable Development 2002*". Pencapaiannya untuk menguruskan tanah, air dan sumber hidup secara *integrated*.

Maka, apakah masalah utama pencapaian ini di Malaysia? Ada empat punca ketidakupayaan negara menangani pengurusan penawaran air tawar demi pembangunan lestari. Pengurusan air diagihkan di kalangan pelbagai sektor dan institusi. Kita ada Jabatan Bekalan Air, kita ada Jabatan Parit dan Saliran, kita ada *Department DOE*, kita ada *Department of Agriculture*, kemudian kita ada Jabatan Orang Asli, Tenaga Nasional Berhad dan juga Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan air, maka ini menyebabkan masalah koordinasi yang semakin senggang. Maka, tiada mandat menyeluruh kepada satu agensi untuk membuat keputusan dan pelaksanaan segala dasar yang dipersetujui di peringkat Persekutuan dan peringkat negeri, maka inilah yang menjadi masalah.

Maka, timbulnya percanggahan dan pertindihan tugas. Ini banyak berlaku di peringkat akar umbi, contohnya, di Cameron Highlands.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Masalah ini mungkin masalah Nanti saya habiskan, maafkan saya. Pergantungan keterlaluhan kerajaan negeri kepada *centralized administration*, dengan izin, untuk membangunkan, menguruskan dan menyelenggarakan air atau sistem air telah mentenatkan keadaan. Maka, agensi-agensi yang terlibat, bebanan mereka terlalu tinggi, kosnya terlalu tinggi, mengakibatkan kurang penglibatan *stakeholders*, macam rakyat biasa, dalam penggubalan dasar-dasar dan regulasi air. Sikap *Malaysian* ini lain sedikit. Kita ini *take for granted*, dengan izin, air ini, tetapi satu hari nanti air akan menjadi sesuatu yang begitu mudarat sekali.

Ini anugerah Tuhan yang perlu direstui dan dihormati. Dipersilakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Bercakap pasal air ataupun ayak, di luar sana hujan lebat *[Merujuk kepada keadaan hujan lebat yang sedang turun][Ketawa]* Allah kurnia kita air dengan percuma *[Disampuk]* ayak, ayak. Yang Berhormat telah menghuraikan masalah-masalah yang pada ketika ini kita hadapi, iaitu terlampau banyak organisasi yang menguruskan air ini. Jadi, kerajaan sudah hendak tubuh SPAN, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya SPAN ini juga dianggotai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang faham fasal air dan

juga mengerti keperluan air bagi manusia? Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju juga, hujan yang lebat di luar sana akan menyebabkan banjir kilat? Air juga boleh membunuh dan air juga menghidupkan manusia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak berucap lagikah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak, dak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya mengalu-alukan penubuhan SPAN dan saya berharap agar niat murni itu dapat dijadikan satu realiti pada peringkat akar-umbi dan pelaksanaan. Itu selalunya yang menjadi tanda soal. Baik, kita teruskan.

Dasar pengurusan air kurang, mengaitkan kualiti air dengan kesihatan, kesejahteraan insan dan alam. *[Disampuk]* Itulah masalahnya. Penggunaan dan *availability* air di Malaysia dan juga di dunia, setiap tahun 12.5 hingga 14 bilion *cubic metre* warga dunia gunakan, dan pada tahun 1989, *availability* per kapita global adalah sembilan ribu *cubic metre* seorang setahun. Pada 2025, ia akan jatuh kepada 5,100 *cubic metre* akibat dari dua bilion penduduk yang akan bertambah di dunia pada masa itu dan akibat ancaman alam yang begitu dahsyat sekali. Okay!

Pada tahun 1995, 31 negara menghadapi masalah kekurangan air dan *water stress*, tekanan air, kerana mereka gunakan air ini untuk banyak sebab. Dan, seterusnya pada 2025, dianggarkan bahawa 48 negara akan menjadi mangsa dan sekiranya satu dasar yang begitu jelas sekali tidak dibuat, maka kita akan menghadapi satu keadaan yang serius.

Saya habis senario Malaysia –Senario Malaysia, Perlembagaan Persekutuan memberi bidang kuasa kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri yang berkuasa ke atas air dan sumber air. Sebanyak 56 empangan bekalan air ada di Malaysia dan 11 empangan tadahan air diadakan. Maka jumlah ini semakin berkurangan dan semakin diancam oleh sebab pelbagai aktiviti di punca-punca tadahan air ini. 98 peratus daripada air kita adalah daripada *surface water resource*, dengan izin, maka semakin hari semakin konflik berlaku, contohnya di Cameron Highlands. Pada bulan lalu bila berlaku kemarau, ada petani yang berselisih faham, nyaris-nyaris bergaduh kerana mahukan sumber air untuk pertanian mereka. Kita pun sudah nampak dulunya ada

krisis sedikit antara Kedah dengan Pulau Pinang akibat daripada air dan Pahang akan menjadi sumber untuk memberi bekalan air kepada Selangor. Satu hari nanti ia juga akan mengalami tekanan, dan Singapura, Malaysia sudah pun menampakkan pelbagai krisis akibat air.

Inilah akan jadi pada masa hadapan dan kalau kita tidak prihatin, maka satu hari nanti kita terpaksa berdepan dengan pelbagai isu yang tidak dikehendaki. Maka kos pemuliharaan ini semakin tinggi. Maka saya cadangkan, cadangan saya adalah supaya pertama, untuk menangani masalah ini penguatkuasaan perundangan yang sedia ada secara berkesan di peringkat negeri dan Persekutuan perlu diadakan. Kita sudah ada *Town And Country Planning Act 1976* yang dikaji semula pada 1995, dan pelan pembangunan yang diberi mandat kepada Jawatankuasa Pembangunan Negeri perlu diperkasakan.

Seterusnya, kekurangan tenaga dalam proses implementasi dan penguatkuasaan perlu juga ditambah kerana ini menjadi isu serius. Contohnya untuk pelaksanaan perundangan di peringkat Cameron Highlands, kita sepatutnya perlukan 20 kakitangan, tetapi kita hanya ada 5 lima orang. Dengan ada lima orang ini sahaja, maka kawasan yang begitu luas sekali tidak boleh dipantau atau dijaga dan pelihara. Maka satu *internetworking system*, satu rangkaian yang menjaring antara agensi perlu wujudkan dan diperkasakan. Kalau tidak mungkin masalah ini akan melepaskan batuk di tangga sahaja. Maka peranan Kementerian Pembangunan Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu lebih agresif dalam merealisasikan matlamat ini.

Seterusnya merealisasikan implementasi *integrated water resource management* (IWRM) perlu dimantapkan secara berkesan kerana konsep-konsep yang telah dipersetujui di Johannesburg .suatu yang boleh diterima dan konsepnya begitu baik sekali, yang telah dikaji di dunia-dunia ketiga dan dunia sedang membangun. Maka saya menggesa kerajaan negeri supaya *Green and Park Ordinance* ini di mana kelulusan terpaksa diberi oleh Dewan Undangan Negeri bukan oleh EXCO Kerajaan Negeri untuk menjamin kepentingan kawasan-kawasan tadahan dan hutan – *park*. Maka kawasan-kawasan hutan boleh ditukar menjadi Taman-taman Negara, *National Park*, di mana ianya tidak akan diusik lagi oleh pihak-pihak yang tidak diingini.

Maka program rehabilitasi sungai yang tercemar perlu diadakan secara besar-besaran. Begitu bangga sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tenaga Nasional kerana sudi membelanjakan sebanyak RM150 juta untuk membuat *desilting* di Tasik di Habu di Cameron Highlands. Ini adalah satu usaha yang saya ucapkan terima kasih untuk mengembalikan kejernihan dan keindahan sungai di Cameron Highlands. Maka, pembinaan, penyelenggaraan aktiviti *desilting* pendidikan dan pemolekkan sungai, rehabilitasi hidupan akuaria dan rawatan *pollutant* sungai perlu diperkasakan.

Seterusnya saya memohon di Dewan yang mulia ini supaya satu *Select Committee* ditubuhkan untuk menangani krisis air demi kepentingan negara pada masa depan.

Air adalah sumber segala-galanya. Inilah harapan saya dan seterusnya saya masuk kepada masalah merokok. Baru-baru ini Majlis Kawalan Tembakau Malaysia telah mengeluarkan satu surat protes terhadap satu Expo yang bakal diadakan pada 14 - 16 November 2005 iaitu *Emerging Tobacco Market 2005* atau Expo pemasaran Tembakau Baru 2005.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada pegawai-pegawai kerajaan di sini, ingin saya tegaskan bahawa ini adalah satu usaha multinasional daripada luar negara yang bermaharajalela dalam dunia *tobacco*, dunia rokok ini untuk mengukuhkan pemasaran rokok di rantau Asia akan menghimpun beribu-ribu eksekutif dari seluruh dunia untuk menjayakan Expo ini. Izinkan saya mengatakan bahawa syarikat tembakau *transnational* di Malaysia akan berjaya menjadikan negara ini sebagai pusat *hub* dan pemangkin bagi membantu meluaskan tabiat merokok di kalangan penduduk di rantau ini. .

Ini adalah satu usaha yang akan mengembalikan kita ke zaman jahiliah kerana kita tidak boleh diperkotak-katikkan, diperalatkan dan ditendang-tendang di rata-rata kerana usaha ini dibiarkan begitu. Saya memohon supaya Expo itu dibatalkan atas sebab:

- i. mereka telah terus menggunakan pelbagai cara untuk mempromosikan rokok dengan menghalang usaha-usaha membanteras tabiat merokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin bangun.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Kalau Yang Berhormat bagi Jasin seorang perokok.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, janganlah marah sangat pada perokok. Oleh kerana kurang asaplah sekarang Cameron Highlands telah penuh dengan lalat. Saya hendak bagi penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, sahabat saya ini. Tadi telah menceritakan bahawa sungai sudah bersih, tasik sudah cantik oleh TNB, tetapi baru-baru ini saya baca surat khabar ramai pelancong yang datang ke Cameron Highlands *complain* lalat terlampau banyak dan oleh kerana lalat terlampau banyak hari ini saudara pula sudah marah orang berasap. Jadi ramai pelancong sudah mengubah dia punya pelan dari pergi ke Cameron Highlands, sudah datang ke Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ke Jasin.

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Jasin Datuk.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Lalat itu disebabkan oleh musim hujan. Apabila habis musim hujan ada serbuan lalat dan seketika sahaja.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Maka usaha ini adalah satu usaha untuk penipuan sistematik memanipulasikan produk dan strategik pemasaran agresif kepada kanak-kanak dan remaja. Maka kesan terhadap masyarakat tidak payah saya cerita banyak. Kesihatanlah, ketagihanlah, nikotinlah, merosakkan anak remaja tidak payah saya banyak cerita.

Seterusnya saya ingin mengatakan bahawa dalam risalah kempen anti merokok yang diedarkan oleh Kementerian Kesihatan. Merokok dikatakan sebagai satu perbuatan yang haram. Itu untuk makluman Yang Berhormat bagi Jasin dan saya dapat kenyataan daripada Majlis Kawalan Tembakau Malaysia yang mengatakan bahawa di Mesir Mufti Besar, Dr. Farid Wasil telah menjelaskan bahawa hukum rokok adalah haram kerana tembakau mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan manusia.

Lujnah Fatwa di Universiti Al-Azhar mengeluarkan fatwanya berkenaan dengan menghisap rokok. Kami berpendapat haram merokok, mengimportnya, mengeluarkannya dan menjalankan perniagaan di dalamnya. Dan juga di Arab Saudi saya bacakan daripada Majlis ini, fatwa merokok oleh Arab Saudi pula oleh Syeikh

Abdul Aziz bin Baaz, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Akademik Penyelidikan dan Fatwa Arab Saudi menyatakan, memandangkan bahawa bahaya yang berpunca daripada tembakau maka merokok itu diputuskan sebagai haram. Maka saya rasa perbuatan ini tidak beretika dan saya memohon supaya Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat supaya tidak merestui perbuatan yang tidak bermoral.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Sekejap Che Min, saya habiskan nanti.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya takut keliru tadi sebab saya belajar di Mesir empat tahun. Saya juga ke Saudi. Sebenarnya fatwa di Mesir ini sudah lama haram merokok. Di Saudi pun begitu juga kerana nikotin tembakau di sana lebih daripada kita dia mencampur, lebih hebat lagi opium. Jadi pakar rokok pun boleh mabuk. Jadi saya hendak cerita kepada Yang Berhormat bahawa di Malaysia belum lagi mengeluarkan fatwa haram merokok, hanya Kedah dengan Selangor dahulu tidak digazet. Apabila tidak digazet, fatwa tidak sah, Tuanku tidak sign, tidak sah, lepas disign baru digazet. Itu fatwa untuk menjadi pandangan dan untuk teliti kita bolehlah, tetapi Malaysia tidak lagi, belum mengharamkan rokok. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Saya mengucapkan terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Ini saya baca daripada Majlis Kawalan Tembakau Malaysia yang pejabatnya Jabatan Kesihatan Masyarakat Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan seterusnya saya memohon supaya Expo ini tidak dibenarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Sekejap Yang Berhormat Tangga Batu. Ok.

Tuan Haji Idirs bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron oleh kerana Yang Berhormat bagi Cameron tadi telah membacakan beberapa fatwa dari Majlis-majlis Ulama yang diterima. Saya hendak tanya Yang Berhormat Cameron beragama Hindu, ada tidak mewakili Majlis Ulama

Hindu mana-mana? Saya pula hendak tahu apa pendapat agama Hindu tentang merokok?

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Oh, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Dalam semua agama, sebarang perkara yang boleh mengkhayalkan adalah haram. Dalam agama saya, kalau sekiranya ada sesuatu yang boleh mengkhayalkan dan telah membawa kita ke tahap yang berbeza daripada kestabilan seorang manusia dan insan, itu adalah haram, yang boleh menyebabkan kita membuat sesuatu yang tidak diinginkan di luar ketaakulan *reasoning*, insan yang tidak waras. Baik kita teruskan ya.

Perubahan - maka saya rasakan bahawa pengaruh ekonominya dahsyat. Kajian ekonometri oleh Bank Dunia menunjukkan dengan jelas bahawa tembakau menyebabkan kehilangan kerugian total kepada keseluruhan sumber ekonomi. Kos yang tinggi terpaksa ditanggung untuk merawat penyakit berkaitan perbuatan merokok. Ketidakhadiran bertugas dan kehilangan pendapatan serta kematian awal. Kos sampingan yang lain yang sukar dinilai adalah kesan yang diterima oleh perokok pasif seperti saya. Bank Dunia menjangkakan penggunaan tembakau memerlukan kos perbelanjaan ekonomi global sebanyak US200 bilion ringgit setiap tahun. Maka dengan itu saya mohon supaya expo ini tidak dibenarkan atas nama aspirasi negara supaya negara kita dan generasi akan datang tidak dianiayai. Kepada perokok-perokok mungkin ini tidak dapat diterima tetapi itulah kenyataannya.

Saya beralih pula kepada peperiksaan UPSR yang baru-baru ini kementerian atau Lembaga Peperiksaan telah mengeluarkan format peperiksaan baru. Bukunya diterbitkan oleh percetakan Malindo Press Sdn. Bhd., dikeluarkan baru bulan ini hanya sekolah-sekolah dari Kuala Lumpur menerima naskhah buku itu dan banyak negeri lain masih belum menerimanya. Maka persoalan saya format ini dulu lain sekarang lain. Format dulu ada dua soalan sahaja untuk Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris contohnya. Tahun ini dia tukar menjadi tiga soalan, soalan satu, soalan dua dan soalan tiga. Soalan satu 10 markah, soalan dua 20 markah dan soalan tiga 30 markah untuk kertas II sementara kertas I sebanyak 40 soalan objektif. Tahun ini Lembaga Peperiksaan ingin melahirkan pelajar-pelajar berfikiran kritikal – *critical thinking* maka dia akan beri gambar dan suruh buat lima ayat berdasarkan kepada gambar tersebut.

Soalan nombor tiga pula diminta supaya daripada petikan itu nilai-nilai dan pengajaran yang dapat diperolehi daripada petikan itu.

Maka perubahan daripada format peperiksaan boleh mengelirukan pelajar-pelajar luar bandar kerana guru-guru di bandar sudah arif mengenai format ini. Tetapi apabila format ini diketengahkan tiba-tiba dalam berapa bulan Mei, Jun, Julai, Ogos dan September waktu peperiksaan. Kita hanya empat atau lima bulan untuk meminta pelajar-pelajar menelaah fakta-fakta dan memahami format baru ini. Insan berumur 12 tahun, kita tahu betapa orang resah gelisah bila menghadapi peperiksaan. Bukan sahaja kanak-kanak itu dalam keadaan lain macam tetapi ibu bapa pun resah. Maka guru-guru berkejar ke sana ke sini untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan latihan tubinya. Maka dengan keadaan ini pengenalan satu format baru pada tahap sekarang adalah tidak betul, mungkin tahun boleh dilaksanakan dan diberi ruang masa yang lebih besar untuk mereka memahami konsepnya. Contohnya merumuskan karangan untuk peringkat SPM. Formatnya begitu jitu sekali. Pengenalan isi tersurat, isi tersirat dan penutup dia ada markah. Kalau ada pelajar yang tidak tahu format teknik pemarkahan lalu dia akan hentam sahaja maka dia sudah lari kerana format peperiksaan dan pemeriksaan adalah begitu rigid sekali.

Saya memohon supaya bekalan buku ini diadakan secepat mungkin kerana kita tidak boleh menukar dasar. Lembaga Peperiksaan sudah membuat keputusan dan saya hendak tanya kenapa monopoli itu diberikan kepada Malindo Printers seorang? Seluruh buku seluruh negara terpaksa dicetak oleh syarikat ini dan dibekalkan. Kenapa tidak kementerian atau Lembaga Peperiksaan sendiri membekalkan secara percuma dan dikenakan bayaran dari RM4 hingga ke RM6 seorang dan banyak bukunya. Inilah masalahnya. Ini boleh menyebabkan kesediaan guru kita terbantut, kesediaan pelajar kita terganggu, kebimbangan ibu bapa, inilah masalahnya.

Peperiksaan PMR pun ada perubahan baru-baru ini. Maka saya memohon supaya Lembaga Peperiksaan perlu membuat penjelasan melalui surat khabar secara besar-besaran bagaimana format barunya dan bagaimana skema pemarkahannya akan ditentukan supaya pelajar-pelajar luar bandar yang amat kekurangan dapat mencari manfaat daripadanya. Itulah seruan saya kepada Kementerian Pendidikan dan supaya Lembaga Peperiksaan akan memastikan supaya ini dapat dimantapkan.

Satu lagi isu yang ingin saya bawa dalam keadaan ini adalah keputusan peperiksaan STPM baru-baru ini di mana pada tahun 2003 sebanyak 757 pelajar yang dapat *straight A's* dengan izin tetapi pada tahun ini hanya 360 pelajar yang dapat *straight A's*. Dalam SPM pula 1,150 pelajar dapat *straight A's* dan tahun ini 700 pelajar. Saya rasa tidak ada di mana-mana institusi atau satu peperiksaan awam di mana boleh menampakkan satu kejatuhan begitu mendadak kerana kalau kita lihat analisis daripada tahun 1990 sampai tahun 2003 jatuh bangunnya keputusan dari jumlah A's, tidak begitu ketara berbanding pada tahun ini. Ini adalah suatu yang tidak baik kepada negara kita kerana negara kita adalah di bawah mikroskop dunia dan kita ingin menjadi *first class* dari segi pendidikan dunia. Kalau kita nampak sistem pendidikan dan peperiksaan kita begitu tidak stabil di mana ada satu masanya jumlah pelajar-pelajarnya boleh 700 lebih tiba-tiba jatuh *straight A's* kepada 360. Adakah pelajar yang sama di peringkat SPM dulu menghadapi masalah yang sama? Tidak ada kalau kita bandingkan.

Maka ini adalah suatu yang perlu kita lihat secara serius kerana kejatuhan kualiti melambangkan kualiti negara, kejatuhan kualiti melambangkan potensi pelajar kita, kejatuhan kualiti akan menampakkan kelemahan kita pada tahun 2020 di mana kita ingin merealisasikan wawasan kita, maka generasi inilah yang perlu kita pupuk perlu kita jaga dan ini juga akan menjatuhkan semangat pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar sekarang, saya tidak tahu apakah rasionalnya, apakah puncanya jatuhnya masalah ini dan kualiti pelajarkah, peperiksaannya susahkah soalnya atau cara pemeriksaannya terlalu ketatkah, apa sebabnya? Saya rasa Kementerian Pelajaran perlu memberi penjelasan terhadap keadaan kekurangan ini. Kesan serius seperti yang saya katakan tadi maka keutuhan SPM akan dipersoalkan. Tawaran universiti semakin sengit *four pointers* 128 orang yang flag tidak boleh dapat. Maka apakah alternatif untuk pelajar-pelajar ini kerana baru-baru ini kementerian mengeluarkan satu edaran baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Edaran baru, syarat kelayakan masuk ke kursus pengajian yang dikendalikan IPTS. Dan pelajar-pelajar yang sudah masuk ke IPTS dulu dengan syarat lama menjadi mangsa. Saya minta supaya syarat ini yang dikeluarkan pada 10 Disember 2004 dapat ditundakan untuk tahun hadapan supaya

tahun ini pelajar-pelajar tidak menjadi mangsa. Biar mereka tahu bahawa inilah syarat-syarat STPM dan SPM yang diperlukan untuk kursus perubatan, pergigian dan lain-lain kursus. Pelajar-pelajar yang sudah masuk akan dapat menyelamatkan diri mereka.

Akhir sekali saya memohon sedikit sahaja mengenai masyarakat India kerana saya mewakili golongan ini. Sokongan dan *priority* diperlukan dalam menjanakan pembangunan dalam kalangan masyarakat ini. Bantuan diperlukan untuk membekalkan access, ekuiti dan kualiti di sekolah-sekolah Tamil sebanyak 525 sekolah diadakan, 100 daripadanya bantuan penuh sementara yang lain bantuan modal. Kami telah pun melalui Yayasan Sosial di bawah naungan Dato' Seri S. Samy Vellu telah membuat satu kajian tersendiri dengan gambar-gambarnya dan kita dapati 60 buah sekolah perlu dibaik pulih atau dibina semula dan diberi infrastruktur asas.

Laporan dimajukan kepada Menteri Pendidikan, Yang Berhormat dan kita memohon RM80 juta untuk pembangunan semula. Dan juga supaya memberi sokongan yang lain seperti peluang perguruan, latihan untuk guru-guru GSTT, kursus dalam cuti dan juga penyelia-penyelia untuk sekolah Tamil peringkat Daerah (PPD). Sekarang empat pegawai sudah diberi untuk kawasan-kawasan yang ada 20 SJK(T) dan lebih tetapi saya rasa ini amat kekal kami mohon supaya di mana ada sekolah-sekolah Tamil 10 dan lebih dibekalkan seorang pegawai supaya menjamin supaya pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah dapat dipelihara dan dijaga.

Saya rasa keupayaan bahasa Tamil sebagai satu *resource economy* dalam proses globalisasi ini dapat diperkasakan. Peluang bahasa Tamil disuburkan di peringkat sekolah kebangsaan dan menengah di mana POL dapat diberi kerana sekarang kita menghadapi masalah untuk mendapatkan guru-guru untuk sekolah Tamil maka ini boleh menjadi satu tempat di mana mereka boleh mencari peluang pekerjaan dan menggunakan bahasa mereka.

Saya memohon supaya kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini dan ekuiti 3% yang telah dijanjikan kepada masyarakat India dalam RRJP pada tahun 2000 maka setakat ini pada 2004 dikatakan 1.5% sahaja pencapaiannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Saya akan habiskan. Baik, maka saya memohon, baru-baru ini kita ada satu sesi bengkel dengan pemimpin MIC, NGO, Cendekiawan dan Ahli Korporat India dan kita telah merangka apakah langkah-langkah kerajaan yang boleh diambil demi mencapai dan merealisasikan keadaan ini.

Saya memohon dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, yang telah bersama kami menerima segala cadangan ini supaya kelemahan yang paling ketara kita dapati adalah sistem pemantauan di peringkat akar umbi yang berkesan untuk memastikan bahawa segala rancangan dasar dan niat murni kerajaan tidak dapat direalisasikan kerana di tengahnya pemantauannya tidak begitu diperkasakan.

Mekanisme pelaksanaan dasar yang tidak jelas dan jitu, kurangnya maklumat dan maklum balas secara *periodical*, maaf, mengenai program ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: ...serta keberkesanannya. Sekejap, saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, berapa kali sekejap Yang Berhormat hendak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey. Dengan kata-kata itu, saya memohon.... Belum habis lagi. Saya memohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang.

6.41 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan ini saya menjunjung kasih untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh secara meluas mengenai isu dan masalah yang bersangkutan kepentingan negara, baik di dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelapan hampir sampai ke penghujung dan Rancangan Malaysia Kesembilan akan menyusul. Namun kerajaan

kadangkala alpa kepada perkara-perkara yang kerajaan anggap kecil, tetapi amat besar kepada rakyat yang ada kaitan dalam kehidupan harian mereka.

Titah Ucapan Diraja adalah menyentuh strategi pentadbiran tanah yang dilaksanakan baru-baru ini telah berjaya mengurangkan kes permohonan pendaftaran hak milik tanah yang tertunggak sebanyak 93% dan sebanyak 53% bagi permohonan hak milik strata. Pada zahirnya memanglah nampak pbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam, tetapi kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang ada. Lain-lain masalah ialah seperti layanan kaunter yang belum memuaskan sepenuhnya. Ramai pegawai dan kakitangan awam yang belum berubah sikap dari kurang memuaskan kepada sikap positif yang memuaskan.

Dari 557,499 permohonan hak milik strata hanya 337,446 hak milik telah dikeluarkan yang mana 90,153 hak milik dikeluarkan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 101,759 bagi Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, masih ramai pemaju yang enggan atau ingkar untuk memohon hak milik strata bagi unit atau petak bangunan berbilang tingkat yang dijual. Di Kuala Lumpur sahaja sebanyak 50% pemaju ingkar memohon hak milik strata dan mereka lebih suka meletakkan para pembeli dalam keadaan tertunggu-tunggu.

Di kawasan saya, permohonan hak milik strata oleh para pembeli unit kondo Palm Court, Brickfields baru sahaja dikeluarkan surat hak milik setelah pelbagai tekanan dibuat ke atas pemaju menerusi desakan bekas Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dan setelah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali. Masalah ini baru diselesaikan apabila surat hak milik dikeluarkan pada Februari yang lalu setelah hampir lebih 12 tahun diketengahkan dan diperjuangkan oleh para pembeli.

Walau bagaimanapun, pemilik-pemilik kondo Palm Court, Brickfields mengucapkan terima kasih kepada PTG Wilayah Persekutuan kerana tidak melengah-lengahkan kelulusan dan mengeluarkan sijil-sijil tersebut. Ada banyak lagi pembeli atau pemilik unit tetap berbilang tingkat, baik unit di kediaman atau perniagaan dalam Kuala Lumpur yang masih belum mendapat surat hak milik strata. Antaranya Ampang Park Shopping Complex yang dibina pada tahun 1973 oleh pemaju, Low Kheng Huat Brother

Sdn. Bhd. Kira-kira 32 tahun walaupun sekeliling sudah dipenuhi bangunan-bangunan berbilang tingkat dan merupakan kawasan termaju dalam kawasan segi tiga emas.

Malangnya sehingga kini pemaju masih belum mengemukakan permohonan hak milik strata bagi lot-lot kedai yang dijualnya. Bukan masalah hak milik strata sahaja yang dihadapi oleh para penghuni bangunan berbilang tingkat seperti keengganan pemilik unit-unit berasingan membayar cukai tanah bagi unit yang dimiliki. Ini berlaku kepada kondominium Reshadow, Lorong Syed Putera, Kuala Lumpur yang mana pemaju masih belum membayar cukai pintu berjumlah RM160,000.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pengurusan Kuala Lumpur yang menguruskan pangsapuri di Jalan Water Greiner, Kuala Lumpur juga berdepan dengan masalah sebilangan pemilik enggan membayar cukai pintu dan *fees* penyelenggaraan bangunan. Akibatnya perbadanan pengurusan terpaksa menjelaskan dengan menggunakan akaun perbadanan. Meskipun tuntutan dibuat namun para pemilik masih degil untuk membayarnya. Ada juga yang tertunggak selama lapan tahun. Apalah saranan perbadanan untuk menuntut wang yang dibayarnya dari para pembeli yang ingkar selain tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kesukaran jika hak milik strata yang berasingan tidak dikeluarkan. Akibatnya pemaju atau perbadanan pengurusan terpaksa menjelaskan cukai tanah secara *en bloc*. Saya ingin mencadangkan supaya urusan cukai pintu dan tanah bagi bangunan berbilang tingkat hendaklah dijelaskan secara terus oleh individu. Ini dapat dibuat jika kerajaan meminta perakuan berkaitan bahawa jika sesuatu unit atau petak bangunan berbilang tingkat gagal menjelaskan *fees* penyelenggaraan, cukai pintu atau cukai tanah, maka ia tidak membabitkan pihak lain seperti jiran-jiran mereka dalam sesuatu bangunan yang sudah pun menjelaskan bayaran sedangkan mereka belum.

Kegagalan mana-mana pembeli membayar cukai tanah dan lain-lain telah menyebabkan pula urusan permohonan hak milik strata tergendala. Seseorang pembeli terhalang untuk menjualkan unit-unit yang dibeli kepada orang lain kerana salah satu syarat ialah semua unit dalam bangunan telah diselesaikan tunggakan cukai. Ini masalah bangunan sudah siap, sudah dihuni tetapi sijil kelayakan dan surat hak milik strata tidak dikeluarkan.

Bagaimanakah pula cadangan projek pembinaan bangunan baik secara sederhana dan mega yang tergantung bertahun-tahun di Kuala Lumpur? Contoh mudah ialah cadangan pembinaan Plaza Rakyat yang terbengkalai begitu lama sehingga para pembeli unit ini di situ sudah tidak dapat bertahan lagi memandangkan projek Plaza Rakyat Sdn. Bhd. ini merupakan projek usaha sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya tidak tahu apakah peranan DBKL dalam mencari usaha supaya projek ini dapat dihidupkan semula dan diteruskan.

Sikap menuding jari dari mengakui kesalahan sendiri tidak wajar dipakai. Sebaliknya DBKL hendaklah bertanggungjawab untuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan sedia ada supaya projek ini tidak terus terbengkalai. DBKL tidak boleh bersikap tolak ansur dengan pemaju projek Plaza Rakyat yang menelan kos RM420 juta yang mengandungi pusat membeli-belah tujuh tingkat, enam tingkat bawah tanah dan hotel *budget* mengandungi 157 bilik dengan 1,600 tempat letak kereta telah terbengkalai sejak sebelum negara dilanda krisis ekonomi dalam tahun 1997.

Pusat perkhidmatan saya sering menerima aduan para pembeli Plaza Rakyat bertanyakan bilakah projek ini akan diteruskan sama seperti projek pembinaan "Sin Yeng Gallery" di Jalan Embi, Kuala Lumpur yang terbengkalai. Adakah kita tidak berasa malu kerana terus mempertahankan projek terbengkalai ini di tengah-tengah kesibukan pusat bandar raya terutama di sebelah Stesen LRT Plaza Rakyat yang terus beroperasi setiap hari. Para penumpang LRT terpaksa menggunakan laluan berbumbung di tepi lopak besar projek Plaza Rakyat ini sudah menjadi pemandangan yang menyakitkan mata bukan sahaja warga kota rakyat Malaysia malah pelancong-pelancong asing yang mengulas projek ini dengan internet. Bayangkanlah pelancong asing dan masyarakat dunia yang melayari internet terus menyebut kegagalan projek ini. Saya ingin tahu bilakah projek ini akan dipulihkan semula?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur atas keprihatinan terhadap masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan yang perlu mengosongkan tapak rumah mereka bagi laluan projek atau atas maksud membersihkan kawasan setinggan supaya mereka ditawarkan unit-unit PPR yang dibangunkan bagi maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini walaupun telah dibangkitkan beberapa kali tetapi tindakan masih terus diambil oleh DBKL untuk meminta mereka ke kawasan yang lebih jauh dari kawasan yang mereka diami sekarang. Contohnya, keluarga setinggan Kampung Pertama, Jalan Sungai Besi yang memberi laluan Projek SMART dipindahkan ke PPR Taman Wahyu yang jauhnya kira-kira 20 kilometer. Bukan sahaja jauh tetapi menimbulkan pelbagai masalah untuk ibu bapa yang bekerja jauh dari rumah, malah para pelajar yang terpaksa menaiki dua bas untuk pergi ke sekolah dan terperangkap pula dalam kesesakan jalan raya.

Bagi penduduk yang tidak bermasalah, mereka boleh terus mendiami PPR Taman Wahyu tetapi kebanyakan mereka sangat berharap untuk berpindah semula ke PPR yang berdekatan iaitu kampung asal mereka. Mujurlah atas campur tangan Datuk Bandar, sebahagian mereka telah berpindah ke PPR Jalan Lapangan Terbang Lama Salak Selatan tetapi untuk berpindah balik ke PPR Cochrane, mereka masih lagi menunggu tawaran yang entah bila.

Tuan Yang di-Pertua, kes terbaru ialah bila sekumpulan keluarga setinggan Kampung Brunei yang terlibat dalam projek pembinaan Ekspres Way dari Jalan Sultan Ismail ke Jalan Davis dan tamat ke Bulatan Kampung Pandan diarah untuk berpindah keluar dan ditawarkan unit-unit PPR Kampung Muhibah, Puchong. Sebahagian besar setinggan menolak tawaran tersebut kerana tidak sanggup berpindah jauh yang menyebabkan mereka dan anak-anak masing-masing akan sukar ke tempat kerja dan sekolah apatah lagi tidak ada pengangkutan awam ke sana. Yang anehnya, berdekatan Kampung Brunei terdapat projek PPR Cochrane yang baru siap dan sedang menunggu pengeluaran CF walaupun lebih awal DBKL telah memaklumkan supaya mereka ini berpindah ke PPR berdekatan atas sebab berdekatan dengan tempat kerja dan sekolah-sekolah anak yang mana terdapat lapan buah sekolah di sekitar kawasan tersebut tanpa melalui banyak kepayahan untuk pergi dan balik.

Tetapi mereka ditawarkan ke PPR yang sangat jauh. DBKL menggunakan alasan kuota dalam menempatkan setinggan-setinggan. Jika demikian mengapakah permintaan setinggan Kampung Delima belakang Istana Negara yang hampir seratus peratus terdiri satu kaum boleh ditempatkan secara *en bloc* di PPR Jalan Lapangan

Terbang Lama tanpa ada sebarang bantahan. Tetapi apabila penduduk setinggan kawasan kaum lain yang ditempatkan semula, isu kuota diambil kira.

Saya membangkitkan perkara ini kerana hal ini penting dibincangkan supaya bukan soal kuota yang perlu diutamakan dalam perpindahan setinggan tetapi keutamaan permintaan mereka. Apakah ertinya perpindahan semata-mata untuk ikut kuota tetapi mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah yang tidak selesai. Apakah salahnya jika sistem ini dilonggarkan dan perkara keutamaan diambil kira dalam permintaan dan penempatan. Jika perpindahan dan permintaan penduduk, maka ini patut dialu-alukan dan diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah menawarkan setinggan satu tempat kediaman baru yang jauh dan terpencil serta kesukaran perhubungan merupakan satu penderaan mental dan fizikal ke atas golongan setinggan. Apakah tidak ramai setinggan yang pada awalnya terpaksa bersetuju berpindah masuk ke PPR yang jauh dari tempat asalnya. Ramai yang melahirkan kekesalan dan kekecewaan mereka. Jika boleh, mereka tidak mahu berpindah dahulu kerana percaya mereka boleh berpindah balik ke kawasan asal setelah pindaan kelak, maka mereka menerima tawaran. Sesudah menerima tawaran, baru mereka tahu kesukaran yang terpaksa dialami, bukan mereka tidak dapat menyesuaikan dengan keadaan hidup baru tetapi apakah ertinya jika mereka terpaksa berdepan dengan masalah kesesakan lalu lintas. Kesusahan mendapat pengangkutan awam terpaksa menukar kenderaan untuk sampai ke tempat kerja dan sekolah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya melonggarkan syarat kuota tidak semestinya DBKL atau agensi lain perlu mematuhi kuota peruntukan kaum sebanyak 30% tepat. Mereka boleh mengubah sama ada mengubah dari 30% ke 50% atau 10% disesuaikan dengan keperluan keutamaan dalam sesuatu kawasan. Tidak semestinya jika dalam sesuatu kawasan kekurangan beberapa peratus untuk mencukupkan kuota, ini perlu diisi dengan mengambil atau menempatkan setinggan dari kawasan luar memadai dengan mengisi kekosongan ini dengan memohon atau setinggan yang sedia ada dalam kawasan tersebut yang menunggu untuk dipindahkan meskipun daripada kaum yang berlainan. Masing-masing kumpulan tidak mahu bercerai atau berpisah dengan kumpulan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan DBKL untuk menukar unit rumah pangsa dari satu bilik...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bukit Bintang. Tadi Yang Berhormat Bukit Bintang menyentuh banyak tentang masalah setinggan di kawasan Kuala Lumpur. Sebenarnya satu isu yang saya selalu bangkitkan tentang setinggan di Kuala Lumpur ialah DBKL tidak ada dasar dan ia tidak mengadakan satu kawasan untuk meletak semula setinggan kilang. Sekarang bila ada projek seperti SMART Projek dan KLA itu, banyak setinggan kilang terpaksa dipindahkan keluar dan setinggan-setinggan ini macam bengkel kereta dan perabot kecil SMI ini, mereka sangat susah untuk cari tapak yang alternatif untuk pindah. Setujukah Yang Berhormat Bukit Bintang bahawa pihak kerajaan haruslah juga memberi tempat alternatif kepada setinggan kilang untuk membantu SMI ini untuk cari makan?

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh. Memang ini benar dan saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Seputeh bahawa kilang-kilang di kawasan kerajaan, haruslah diberi keutamaan supaya mereka boleh meneruskan perniagaan dengan mencari rezeki.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan DBKL untuk menukarkan unit rumah pangsa dari satu bilik ke tiga bilik tidur itu memang baik maksudnya. Tetapi apakah kesannya sebahagian besar penghuni asal sesuatu rumah pangsa akan dipindahkan ke kawasan baru? Hal yang baru pun boleh berlaku kepada sebahagian penghuni yang terpaksa berpindah jauh dari kawasan asal bila rumah pangsa lama mereka hendak diubahsuai.

Cadangan saya ialah DBKL dan agensi kerajaan hendaklah membina secukupnya rumah pangsa dan PPR baru yang lengkap berbilik tiga di kawasan baru, berdekatan dengan kawasan asal, jika tidak mereka akan berhadapan dengan masalah yang sama dan yang berlarutan. Pada kelazimannya, jika sesebuah blok rumah pangsa yang 100 unit keluarga, apabila langkah pengubahsuaian akan dijalankan jumlah akan dikurangkan menjadi separuh jumlah penduduk. Jumlah separuh lagi akan dipindah ke blok lain sama ada dalam kawasan berdekatan atau lebih jauh. Sudah pastilah ini akan

menimbulkan pelbagai kesulitan. Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa penduduk rumah pangsa atau PPR tidak gemar mereka menjadikan bola untuk disepak ke sana sini semata-mata untuk memenuhi kuota peruntukan.

Dalam kawasan saya, misalnya terdapat tanah kerajaan, bekas kuarters kaki tangan kerajaan di kawasan antara Jalan Imbi, Bukit Bintang dan Jalan Tun Razak, kira-kira 20 ekar dari keluasan asal untuk dibangunkan bagi mendirikan rumah pangsa, pangsapuri atau PPR bagi kawasan Bukit Bintang. Kawasan ini kosong tanpa ada projek tetap walaupun pada asalnya tapak tersebut diperuntukkan bagi dataran perdana. Tetapi apakah faedahnya dalam kawasan pusat bandar raya yang mana kawasan parlimen Bukit Bintang terletak di dalamnya? Tidak ada satu ataupun projek perumahan awam. Orang ramai pula terpaksa tinggal di luar dan jauh dari pusat bandar raya, tetapi mereka datang ke pusat bandar raya untuk bekerja dan berniaga.

Saya bimbang kawasan Parlimen Bukit Bintang akan kehilangan para pengundi pilihan raya dalam jangka masa 10 tahun akan datang akibat dasar kerajaan sendiri. Parlimen Bukit Bintang harus dikekalkan bilangan pengundinya dengan pembinaan PPR baru dalam kawasan dan kalau kawasan ini dapat bekas quarters itu sememangnya cadangan yang baik. Malangnya, kebanyakan kawasan tapak bekas quarters yang dipecahkan ini, disewakan kepada para peniaga secara kontrak yang tidak dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengecam tindakan pihak polis kerana menggunakan kekerasan dan bertindak kasar untuk mengganggu dan meleraikan perhimpunan awam pada 1 Mac 2005. Saya telah ditangkap oleh polis di Dataran Merdeka apabila DAP melancarkan kempen kembalikan undi ketiga, membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan. Saya tidak menyangka sama sekali bahawa polis telah menggunakan kekerasan untuk menyuraikan satu sidang akhbar dan secara ganas telah menangkap Ahli Parlimen di kawasan tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya!

Tuan Fong Kui Lun: Semasa pelancaran ini acara melepaskan belon ke udara di jangka akan dilangsungkan sebagai simbol memulakan kempen kebangsaan sepanjang tahun bagi membebaskan pihak berkuasa tempatan dari belunggu ketidakcekapan rasuah dan salah tadbir atau penyelewengan yang telah berakar umbi,

berpunca dari kekurangan demokrasi dan menyertakan *grass root* di peringkat tempatan.

Adalah keterlaluan bagi pihak polis menganggap bahawa cara melepaskan belon ke udara bagi menyeru kerajaan memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan, sama bahayakah dengan pengeboman di Indonesia yang mendorong mereka menangkap kami dari DAP? Yang buruknya, kami ditangkap ketika pasukan polis bertindak secara kasar untuk menyuraikan sidang akhbar. Sejak bila Malaysia turun ke tingkat bawah ke dalam suasana yang hanya wujud di negara-negara authoritarian, sehingga untuk mendengar satu sidang akhbar disifatkan atau dianggap sebagai satu kesalahan atau haram.

Apa yang berlaku menunjukkan ada sesuatu yang tidak betul mengenai cara pemikiran demokrasi dan komitmen di Malaysia yang hanya boleh dijadikan demokrasi Malaysia sebagai bahan jenaka seluruh dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung. Bukan ini sahaja mengganggu pihak polis, malah pada 2 Mac 2005, lebih kurang 20 anggota polis ditugaskan mengawal Kampung Brunei, yang mana saya mengadakan satu taklimat untuk penduduk-penduduk Kampung Brunei yang mereka akan dipindahkan PPR Puchong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Salah guna kuasa.

Tuan Fong Kui Lun: Saya tidak faham mengapa polis secara besar-besaran mengawasi saya semasa berjumpa dengan para pengundi saya. Pada 4 Mac 2005...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Yang lain tolong diam!

Tuan Fong Kui Lun: Gangguan polis diteruskan untuk kali kedua ,yang mana Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Encik Kamal Nasa, mengetuai sendiri pasukan semasa saya berkempen di pasar Bukit Bintang. Ketua Polis Daerah tidak mengucapkan apa-apa ucapan selamat kecuali terus mengugut akan menangkap kami jika enggan bersurai. Kami berbalas suara bahawa jika kami ditangkap kerana mengedarkan risalah, maka beliau boleh meneruskan. Terkejut dengan tindak balas

kami beliau mengalih pandangan kepada risalah yang kami bawa dengan pertanyaan sama ada kami telah melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Lagi satu minit sahaja. Apabila beliau mendapati bahawa kami tidak melanggar apa-apa akta, beliau bertanya sama ada kami mempunyai permit KDN. Adalah sungguh memeranjatkan seorang KPD tidak mahir dengan undang-undang yang tidak memerlukan permit KDN, apabila risalah adalah bukan dari jenis kertas penerbitan. *[Disampuk]* Apa yang lebih mengejut sedarkan untuk mengugut dan menangkap ke atas Ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin DAP, tanpa memastikan sama ada mereka melanggar apa-apa undang-undang.

Oleh sebab ini, saya berharap polis akan tidak menyalahgunakan kuasanya untuk mengganggu Ahli Parlimen menjalankan tugas mereka. Sekian, terima kasih.

Beberapa ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Ada banyak yang bercakap tetapi Yang Berhormat semua, saya ingat ada peluang bercakap. Yang Berhormat bagi Pulai.

7.08 mlm

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk membahaskan dan menyokong Titah Ucapan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada kali ini. Saya ingin mengucapkan kepada tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinetnya atas usaha gigih untuk memantapkan sistem pengurusan kewangan, sektor perkhidmatan awam supaya ia lebih berhemah dan berdisiplin.

Usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertingkatkan sistem penghantaran dalam perkhidmatan awam berterusan dan telah dapat mengurangkan pembaziran dalam perbelanjaan kerajaan. Ini terbukti dengan pengurangan defisit KDNK kepada tahap 4.4% tahun lepas. Sehubungan dengan itu, dan berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan bermula pada tahun hadapan, saya ingin

menyentuh mengenai dengan kerugian yang dihadapi oleh Kereta Tanah Melayu Berhad (KTM), yang bertambah dari tahun ke tahun dan dijangka akan terus meningkat pada masa-masa yang akan datang kerana peningkatan kos operasi, seperti harga minyak diesel dan kos penyelenggaraan dan penggantian.

Kita sedia maklum bahawa beberapa langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kos operasi KTM, termasuk penswastaan. Akan tetapi nampaknya langkah-langkah tersebut masih belum berjaya mengurangkan kos operasinya

Berkaitan dengan cadangan perbelanjaan untuk KTM dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menengguhkan Projek Landasan Berkembar atau *Double Tracking* yang telah dicadangkan sebelum ini. Projek ini tidak membawa manfaat yang jelas, akan tetapi akan membebankan KTM dengan kos yang tinggi yang akhirnya akan ditanggung oleh kerajaan dan pembayar cukai.

Langkah penangguhan ini adalah bijak kerana Projek *Double Tracking* tersebut yang telah diwar-warkan untuk meningkatkan kelajuan keretapi dan sekali gus akan dapat menarik lebih ramai lagi rakyat untuk menggunakan keretapi untuk perjalanan jauh di antara bandar-bandar utama di Malaysia dan di luar negara. Masalahnya adalah rancangan menambah *passenger traffic*, dengan izin, yang diharapkan ini adalah tidak *viable*....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:kerana negara kita....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Perlahan sedikit.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Minta maaf saya tidak ada masa, jadi saya hendak habiskan ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Laju itu macam kereta api.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, macam kereta api.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Perlahan sedikit. [*Ketawa*]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi hendak habiskan cepat sedikit. Masalahnya ialah rancangan untuk menambah *passenger traffic*, dengan izin, yang

diharapkan ini adalah tidak *viable* kerana negara kita tidak mempunyai jumlah penduduk yang mencukupi untuk dijadikan *captive market* untuk perkhidmatan kereta api penumpang yang laju dan saya khuatir bahawa KTM akan mengalami kerugian yang lebih besar kerana permintaan yang rendah ini sekiranya projek ini dilaksanakan.

Kita boleh mengambil pengajaran daripada negara seperti Perancis yang terpaksa menanggung kerugian yang besar daripada perkhidmatan kereta api penumpang laju mereka yang dipanggil TGV walaupun mempunyai jumlah penduduk seramai 74 juta orang. Oleh kerana faktor-faktor di atas saya ingin mencadangkan bahawa projek ini tidak lagi dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dibatalkan secara terus kerana projek ini akan merugikan negara. Lagipun kita sudah ada sistem *highway* Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Timur-Barat yang begitu baik untuk dijadikan modal pengangkutan penumpang menggunakan bas dan kereta.

Sebagai ganti untuk Projek *Double Tracking* ini, KTM boleh melaksanakan Projek *Track Looping* iaitu *double tracking* hanya di tempat-tempat yang tertentu sahaja untuk melicinkan pergerakan kereta api dua hala, utara dan selatan.

Tuan Yang di-Pertua, KTM juga patut menumpukan kepada business plan yang boleh mempertingkatkan lagi prestasi pengangkutan barangannya ataupun freight business, dengan izin, kerana sektor ini telah lama diabaikan oleh KTM. Sektor pengangkutan barangan ini sebenarnya mempunyai potensi yang besar kerana ia merupakan salah satu komponen dalam dasar kerajaan untuk memperkembangkan Malaysia menjadi sebuah logistik saham untuk rantau ini.

Rangkaian kereta api di negara kita ini menjadi satu komponen kepada rangkaian lapangan terbang, pelabuhan dan jalan raya di negara ini. Rangkaian kereta api ini juga boleh menjadi modal pengangkutan yang mempunyai kos yang terendah kepada pengguna sekiranya KTM memfokuskan strategi perniagaannya daripada meningkatkan kelajuan kereta apinya kepada penjadualan semula perjalanan kereta api barangannya yang menjanjikan penghantaran mengikut jadual iaitu *guarantee delivery*, dengan izin.

Pengguna-pengguna perkhidmatan pengangkutan barangan seperti pengilang dan pengeksport lebih mementingkan ketepatan masa penghantaran barangan mereka

daripada kelajuan penghantaran barangan mereka. Ini adalah kerana pengilang dan pengeksport menjalankan perniagaan mereka mengikut penjadualan iaitu *scheduling* dan tidak mementingkan kelajuan penghantaran barangan.

Seperkara lagi KTM juga sepatutnya memfokuskan kepada mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan penumpang yang ada permintaannya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Seremban. Perkhidmatan komuter memang *viable* dan ada potensi keuntungan jika perkhidmatan tersebut disediakan dengan kadar yang berpatutan dan *reliable*. Beratus ribu pekerja yang berpendapatan rendah di Bandar Raya Kuala Lumpur dan Johor Bahru yang bergantung kepada pengangkutan awam untuk pergi ke tempat pekerjaan mereka setiap hari dan perkhidmatan komuter boleh diperkembangkan lagi ke tempat-tempat yang lebih jauh di sepanjang landasan keretapi yang sedia ada.

Saya sendiri telah mencuba perkhidmatan komuter KTM baru-baru ini dan mendapati bahawa kualiti perkhidmatan tersebut boleh diperbaiki lagi. Saya juga telah mendapati bahawa mutu gerabak kereta api yang digunakan tidak memuaskan dan sepatutnya digantikan dengan gerabak yang lebih selesa. Saya juga ingin mencadangkan kepada pengurusan KTM untuk memberikan penekanan yang lebih kepada perbelanjaan modal dalam perkhidmatan komuternya yang popular dan boleh membawa keuntungan kepada syarikat dan pada waktu yang sama KTM perlu mengurangkan perkhidmatan kereta api penumpang jarak jauhnya yang sedang menghadapi kerugian.

Kos untuk meluaskan perkhidmatan komuter ini juga lebih murah daripada kos untuk membina projek-projek LRT di bandar raya-bandar raya utama ini. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak KTM untuk menggantikan dan membeli gerabak kereta api komuter yang lebih banyak untuk memperbaiki perkhidmatan komuter ini.

Tuan Yang di-Pertua, KTM juga boleh memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah perumahan kos rendah di bandar-bandar utama kerana tanah-tanah kepunyaan KTM di stesen-stesen kereta api di sepanjang landasan kereta api juga boleh dibangunkan untuk membina rumah kos murah. Pembinaan rumah kos murah di atas tanah kereta api ini boleh menyelesaikan masalah perumahan di bandar raya utama ini.

Oleh kerana rumah kos murah ini dibina dekat dengan stesen maka ia akan memudahkan rakyat yang berpendapatan rendah untuk berpindah keluar daripada kawasan bandar raya yang menghadapi masalah kekurangan tanah untuk membina rumah kos murah dan pada waktu yang sama dekat dengan stesen komuter untuk memudahkan mereka menggunakan perkhidmatan komuter untuk pergi ke tempat pekerjaan mereka di bandar.

Sebagai contoh KTM masih mempunyai tanah yang cukup besar keluasannya di Sungai Buloh, Rawang dan Batu Caves untuk menjadikan rumah kos murah untuk mereka yang bekerja di Kuala Lumpur. KTM juga mempunyai tanah di Kulai, Senai dan Kempas untuk dibuat rumah-rumah kos murah ini untuk pekerja-pekerja di Bandar Raya Johor Bahru.

Projek-projek perumahan di atas tanah stesen KTM ini juga boleh membantu menyelesaikan masalah ketiadaan perumahan kos murah di bandar raya utama terutama sekali di Johor Bahru di mana ramai rakyat berpendapatan rendah terpaksa berpindah berpuluh-puluh kilometer jauhnya untuk mendapatkan kos murah tetapi menghadapi masalah pengangkutan ke tempat pekerjaan dan persekolahan anak-anak mereka selepas mereka berpindah.

Projek perumahan seperti ini juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas kenderaan di bandar raya utama ini apabila pekerja-pekerja ini dapat menggunakan pengangkutan alternatif seperti komuter ini yang lebih murah. Akhir sekali, saya ingin memuji langkah berhemah yang diambil oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah di antara Malaysia dan Indonesia.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk tidak mengambil jalan konfrontasi dengan Indonesia kerana ia tidak menguntungkan kita dan boleh membawa kepada ketidakstabilan gagasan ASEAN. Kestabilan ASEAN bergantung kepada kestabilan politik Indonesia dan Malaysia. Kita di Malaysia menikmati kestabilan politik kerana parti pemerintah menguasai kerajaan dan Parlimen dengan selesa. Kita boleh mengawal keadaan dalaman di Malaysia. Kita boleh memastikan bahawa keadaan ini terus aman di Malaysia.

Keadaan ini berbeza di Indonesia kerana parti politik Parlimen atau Dewan Perwakilan Rakyatnya dan kerajaan di sana sebenarnya berpecah-belah dan tidak

bersatu. Kerajaan Indonesia mungkin tidak akan dapat mengawal keadaan dalamannya sekarang sekiranya konflik dengan Malaysia terus meningkat kehangatannya. Akibatnya negara kita dan juga ASEAN akan menghadapi masalah ketidakstabilan politik sekiranya keadaan Indonesia tidak terkawal dan Indonesia berpecah lagi seperti apa yang berlaku di Timor Timur.

Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menangani isu ini dengan cara yang bijaksana dan berhemah dan kita sebagai Ahli Parlimen memang menyokong usaha beliau untuk berdamai dengan Indonesia sepenuhnya. Perkara yang penting dalam isu ini adalah kita mesti menggunakan cara yang terbaik untuk mendapatkan penyelesaian yang menguntungkan Malaysia, Indonesia dan ASEAN. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Melaka.

7.18 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetengahkan tiga isu pada petang ini. Yang pertama ialah berkenaan dengan kerenah birokrasi. Sebenarnya kerenah birokrasi ini bukanlah satu perkara yang baru dan ia sebenarnya tidak wujud di semua kementerian ataupun jabatan atau pejabat kerajaan tetapi hanya wujud di sesetengah kementerian ataupun di jabatan dalam negara kita. Tetapi dari sini sesetengah pejabat ini telah cukup merunsingkan rakyat kita dan juga kita sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada visi-misi yang telah pun dinyatakan oleh kementerian dan jabatan yang selalunya dipaparkan dalam kaca di pejabat. Saya tidak pasti sama ada berapa ramai orangkah yang pernah membaca dan menghayati visi dan misi itu kerana selalunya ia sekadar hitam putih sahaja. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bagi sebuah negara yang maju jika kita ingin menjadi sebuah negara yang membangun dan terbangun sebagai sebuah negara dalam dunia yang pertama bukan

sahaja kita kena pastikan bahawa infrastruktur mesti ada tetapi perubahan minda juga mesti ada dalam fikiran warga kita.

Sama ada sengaja ataupun tidak sengaja, masalah kerenah birokrasi ini berasal daripada ideologi. Ideologi yang mana wujudnya sikap yang degil, wujudnya sikap yang tidak ingin mematuhi arahan daripada pegawai atasan yang tidak memberikan keprihatinan langsung kepada keperluan rakyat dan tidak memberikan kerjasama langsung, yang tidak menerima teguran daripada warga kita dengan hati yang terbuka.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, kita haruslah menggunakan mungkin cara yang revolusi sedikit, bukan evolusi tetapi revolusi, satu cara yang agak cepat dan juga radikal yang dapat kita atasi dengan secepat mungkin.

Ini sebabnya saya cadangkan supaya mungkin dengan keazaman politik iaitu a *political will*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dengan keazaman politik kita mungkin dapat mewujudkan satu Lembaga *Ombudsman* yang dapat mengawal selia semua *maladministration*, iaitu mengawal selia masalah penyalahgunaan kuasa yang wujud dalam kementerian, jabatan ataupun agensi kerajaan, yang mana *ombudsman* ini merupakan seorang yang memang dilantik, yang mempunyai latar belakang berdikari, yang mempunyai latar belakang seumpamanya, seolah-olah seorang hakim kanan dalam negara kita yang saya rasa dia akan dapat terus bertanggungjawab kepada Parlimen, gajinya dibayar terus dari Parlimen, supaya dia dapat memberikan pandangan beliau ataupun rekomendasi beliau yang tepat dan berdikari.

Pada masa yang sama, kita juga kena pastikan bahawa *ombudsman* ini, seperti mana yang telah pun diadakan di negara-negara lain, beliau juga mempunyai kuasa untuk menerima aduan daripada *public*, dengan izin, daripada orang-orang awam, dan beliau juga mempunyai kuasa untuk menyiasat dokumen-dokumen, mempunyai kuasa untuk mengadakan *hearing*, dengan izin, dan juga mempunyai kuasa untuk membuat rekomendasi kepada kerajaan supaya langkah-langkah dapat diambil, supaya kita dapat mencegah, dapat mengatasi masalah kerenah birokrasi yang berleluasa di setengah-setengah jabatan dan juga kementerian dalam negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan konsep kekeluargaan yang berkualiti. Seperti mana yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, keluarga merupakan satu asas *nucleus* yang begitu penting sekali dalam masyarakat kita dan

jenis apakah keluarga yang kita dapat wujud, jenis apakah masyarakat yang kita dapat wujud. Saya rasa ini adalah satu fakta yang tidak dipertikaikan oleh semua orang. Saya bukan pakar perkahwinan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya peguam perceraian [Ketawa] tetapi saya tidak berdiri di sini untuk memupuk perceraian dalam negara kita tetapi sebaliknya saya rasa kita haruslah bekerjasama supaya kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat penyelesaian perceraian?

Tuan Wong Nai Chee: Ya, supaya kita dapat bersama-sama mencari satu ikhtiar bagaimana kita dapat memastikan penyatuan dua insan di negara kita, di kalangan pasangan-pasangan lelaki dan perempuan itu akan berterusan, jika boleh, tahan lasak dan juga jika boleh, tahan selama-lamanya [Ketawa] sehinggakan salah seorang itu

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee: Silakan Yang Berhormat. Saya terpicik masalah “tahan lasak” dan “tahan selama-lamanya”, jadi apa yang hendak “ditahan” dan apa yang hendak “dilasakkan” itu? Yang Berhormat kena terangkan, kita pun sudah tiga, empat hari duduk di sini. [Ketawa] Kena perjelas, kalau tidak kita tidak faham apa maksud Yang Berhormat – “tahan” itu tahan apa? Terima kasih Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih kepada celahan daripada Yang Berhormat bagi Jerai yang memberikan inspirasi kepada saya. Sebenarnya maksud saya “tahan lasak” bukan dari segi fizikal tetapi dari segi emosi, iaitu kasih sayang yang kita ada antara suami-isteri dan juga kasih-sayang antara ibu bapa dengan anak-anak, satu perasaan yang mana wujudnya perasaan bersama. Perasaan kasih sayang membawa bahagia dalam keluarga kita yang mana kita dapat memastikan penyatuan dua insan itu memanglah akan berterusan sehingga, jika boleh, selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa atas soal kekeluargaan ini bukan hanya sekadar cinta sahaja kerana saya percaya keluarga ini merupakan satu nucleus unit dalam masyarakat kita. Ia sebenarnya merupakan satu tanggungjawab sosial bagi pasangan itu yang mana kita haruslah ingat bahawa tanggungjawab kita bukan hanya sekadar kata-kata cinta – “*you love me, I love you and then let's get married*”, dengan

izin. Bukan sekadar itu sahaja tetapi tanggungjawab sosial yang mana kita melahirkan generasi baru kita yang betul-betul mempunyai kualiti yang baik. Ini adalah tanggungjawab kita kepada masyarakat dan seterusnya kepada negara kita.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang kita lihat sekarang, realitinya adalah jauh daripada harapan kita kerana di negeri Melaka, dalam komuniti bukan Islam, baru-baru ini satu perangkaan telah pun diberikan oleh pihak kerajaan. Di Melaka, wujud 11 peratus kadar perceraian di kalangan pasangan bukan Islam; di seluruh negara saya tidak pasti, saya kena dapatkan perangkaan daripada pihak kementerian tetapi saya rasa itu adalah satu kecenderungan atau satu *trend*, dengan izin, yang cukup membimbangkan kita kerana mengapa dalam 100 pasangan yang berkahwin di negeri Melaka wujudnya kadar perceraian, iaitu kadar kegagalan runtuhnya perkahwinan itu 11 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman saya yang terhad, saya rasa wujudnya dua sebab mengapa runtuhnya perkahwinan. Yang pertama, kerana gulungan wanita pada hari ini dia semakin berdikari, dia *independent*, dengan izin, dan dia dapat mencari rezekinya tanpa bergantung kepada keupayaan suaminya dan ini akan membawa dia kepada faktor yang kedua

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Pohon penjelasan, boleh tak?

Tuan Wong Nai Chee: Boleh. *[Ketawa]*

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Kali pertamalah saya bangun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia minat Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Salah satu faktornya ialah wanita itu mampu berdikari, okay? Adakah ini bermakna apabila wanita ini boleh berdikari, dia akan lebih “tinggi hidung”. Faham tak maksud “tinggi hidung”? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Kota Melaka]* Faham ya? Adakah maknanya, apabila wanita itu berdikari, dia boleh simpan duit, dia boleh apa, ertinya dia lebih sombong kepada diri dia dan apakah itu ertinya kita harus beri peluang kepada wanita dan mungkin wanita akan minta cerai daripada kita. Tolong berikan penjelasan atas dasar sebab yang dinyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Sebenarnya Yang Berhormat, saya rasa salah satu faktor menyebabkan keruntuhan perkahwinan bukan kerana berapa banyak wang yang dia boleh untung, yang dia boleh dapat tetapi dari segi kebolehan emosinya, *thus* faktor bahawa ketidakbergantungannya kepada suami dan bukan sekadar berapa yang dia dapat dari segi pendapatan.

Saya rasa yang penting sekali ialah emosi, dari segi emosi, dia tidak lagi bergantung kepada suaminya dan ini membawa kita kepada faktor yang kedua iaitu faktor yang pada hari ini, saya rasa, bukan lagi pada zaman dahulu, di mana nenek-moyang kita, nenek ataupun emak saya, mempunyai satu

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee: biar saya habiskan ... mempunyai satu konsep, yang mana seolah-olah lelaki yang dipilih itu adalah pilihan unggul, pilihan untuk seumur hidup, dia tidak akan berubah lagi. Tetapi pada masa ini, perempuan moden - wanita yang moden, dia mempunyai pemikiran yang lain, dia anggapkan ini sebagai satu perkongsian pintar (*smart partnership*) dalam perkahwinan itu – perkongsian pintar. Apabila untung ia kekal, apabila rugi ia keluar. *[Sorak]* Jadi, saya rasa ini adalah satu konsep yang mana saya tidak berniat untuk menyamakan *[Sorak]*... saya tidak berniat untuk menyamakan perkahwinan

Cik Fong Po Kuan: Pohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak yang minat Yang Berhormat. Hendak bagi jalankah?

Tuan Wong Nai Chee: Saya bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dulu.

Cik Fong Po Kuan: Saya begitu kecewa dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya minta penjelasan, apakah yang dimaksudkan “kalau wanita untung, *you stay in a smart partnership*”, kalau dia rugi, *you leave the smart partnership*. Tolong bagi penjelasan sebab ramai wakil-wakil rakyat, Ahli Parlimen dalam Barisan Nasional ini mereka mempunyai lebih kecenderungan kepada diskriminasi terhadap wanita. Jadi saya pohon penjelasan. Saya rasa *this is very dangerous*, dengan izin, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak cakap semua yang bercerai.

Cik Fong Po Kuan: sebagai *policy maker*. Saya pohonlah, terangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang bercerai sahaja yang dia cakap itu, Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee: Sebenarnya Yang Berhormat bagi Batu Gajah, jangan salah ertilah. Saya tidak berniat untuk menyamakan perkahwinan ini, seolah-olah boleh dibandingkan dengan wang ringgit tetapi saya cuma menyatakan satu *idea*, saya cuma memberikan satu perbandingan bahawa apabila kita boleh teruskan ...

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee: Biar saya bagi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Wong Nai Chee: Okay, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang arif fasal cerai-berai, kalau dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, berapa lama suami boleh tahan dengan dia? [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Wong Nai Chee: Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon Yang Berhormat bagi Jerai untuk tarik balik kerana ini menyentuh sikap saya. Ini juga sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon, pohon.

Seorang Ahli: Apa yang Yang Berhormat bagi Jerai hendak tarik itu?

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat bagi Kota Melaka duduk dulu, biar Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Yang Berhormat bagi Jerai minta penjelasan sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya Yang Berhormat bagi Batu Gajah salah sangka dengan saya. *[Ketawa]* Mungkin cara Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini menyayangkan seorang suami. Sebab itu saya tanya sama ada suami dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: dia boleh tahan lama atau tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: mungkin ada orang - suami yang sukakan cara Yang Berhormat bagi Batu Gajah, mungkin ada yang tidak suka. Orang yang

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah?berbudi bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup Yang Berhormat. Sudah, cukuplah, cukup. Yang Berhormat, sila sambung besok. *[Memberikan Yang Berhormat bagi Kota Melaka]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah jam 7.30

Berapa Ahli: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: sila duduk, sila duduk. Sambung besok perbahasan, jadi Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

Seorang Ahli: Dewan sudah tangguh, Dewan sudah tangguh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Besok, besok.

[Dewan ditangguhkan pada jam 7.31 malam]

21 Mac 2005

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tajah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO**
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRIS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

-
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
 42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
 59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
 61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
 63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
 64. “ Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

-
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

-
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

